

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**Kafirkaah saya,
tanya Mahathir
kepada Tuan Ibrahim**



→ ms2

**Kami
rindukan
senyum
simpul
mereka**



→ ms8

**Lawatan Najib
muka tebal
tahap tertinggi**



→ ms9

KASIHAN NAJIB DARI GAGAL KE GAGAL

SIDANG media khas Umno pada 17 September lalu membayangkan Datuk Seri Najib Razak bergerak dari satu kegagalan ke satu lagi kegagalan. Gagal membawa imej positif selepas berjumpa Presiden Amerika Donald Trump, gagal lagi merampas kerajaan Selangor dari Pakatan melalui projek lompat parti, kata Khalid Samad. Namun selepas gagal, awas ada jarum cuba dimasukkan untuk menghasilkan perasaan syak wasangka sesama kerabat Pakatan Harapan.

Ikuti tulisan penuh di muka 29 →

Selepas gagal hasilkan sesuatu yang positif di Amerika, Najib sekali lagi gagal di sidang media khas Umno.



Jus Arif



HANYA : RM 38 / 280ml

UNTUK TEMPAHAN :

019-6239858 (HJ BAHAR)

KHASIAT :

1. Membantu mengatasi masalah kesihatan
2. Membantu meningkatkan IQ pelajar
3. Membantu meningkatkan tenaga
4. Membantu meningkatkan kecergasan
5. Menarik minat anak-anak untuk belajar

RAMUAN :

Gabungan 8 makanan sunnah ~ kismis, kurma ajwah, kurma madu, madu, buah tin, buah zaitun, za'faran & habbatus sauda

f Instagram Jus Arif

Saya bantah kerana ia pesta arak, kata MP AMANAH

AHLI parlimen AMANAH, Dr Siti Mariah Mahmud mempunyai asas tersendiri ketika membantah "Better Beer Festival" atau "Pesta Beer yang lebih baik" iaitu ia pesta arak.

"Asas bantahan saya terhadap Better Beer Festival adalah ia merupakan satu pesta untuk menggalakkan budaya meminum arak," jelas Ketua Wanita AMANAH (Awan), Dr Siti Mariah Mahmud.

Beliau bimbang melihat ada anggota parlimen bukan Melayu dan di Wilayah Persekutuan yang menyokong "Better Beer Festival".

"Saya fikir sebab utama bantahan mereka terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah kerana mereka merasakan sedang mempertahankan hak orang bukan Islam untuk meminum alkohol, dan kerana pihak yang membantah pesta itu menggunakan hujah-hujah

agama," katanya.

Katanya, Islam melarang umatnya meminum alkohol tetapi tidak mengganggu hak orang bukan Islam untuk meminumnya.

Ketika ia pertama kali dianjurkan, festival itu tidak begitu popular dan jumlah kehadiran tidaklah tinggi, katanya.

Tetapi sejak ia dipolitikkan, ada segelintir yang mahu menghadirinya hanya kerana membantah apa yang mereka rasakan sebagai usaha orang Melayu-Islam untuk menyekat hak, serta memaksakan nilai kepada orang bukan Melayu.

Bagi doktor perubatan itu, seperti rokok, minuman keras membahayakan kesihatan.

Para doktor tahu bahawa ketagihan alkohol akan membawa kepada masalah sirosis hati dan sama bahaya dengan ketagihan dadah.

"Masyarakat India di negara kita juga telah melihat kesan negatif ketagihan alkohol dan

kesannya ke atas keluarga," kata Mariah.

NGO mereka, katanya, telah pun mendesak agar penjualan alkohol dikawal dengan lebih ketat, termasuklah minuman bir memandangkan hari ini lesen tidak diperlukan untuk menjualnya.

"Anggota parlimen sekalian, adakah anda mahu lebih ramai warga bukan Melayu menjadi ketagih alkohol?"

"Jangan beri alasan kandungan alkohol dalam bir adalah rendah dan tidak akan membawa kepada ketagihan. Anda salah sama sekali," katanya tegas.

Jika setiap tahun diadakan pesta arak ini, ia hanya menandakan semakin ramai rakyat yang meminumnya.

Pastinya industri arak akan meraikannya. Ia adalah tentang keuntungan, katanya.

"Adakah anda akan gembira apabila semakin ramai yang mula minum arak sebagai aktiviti

sosial (social drinker), tetapi kemudian akan membawa kepada kemungkinan ketagihan?"

"Saya bimbang apabila semakin ramai rakyat kita yang menjadi ketagih, serta kesan kesihatan dan sosial yang berkaitan dengannya. Kalau boleh pada masa akan datang, saya mahu penjualan semua bahan berbahaya dikawal sama seperti rokok," katanya.

Bagi beliau, ini tidak bermakna orang bukan Islam tidak lagi boleh mendapatkan minuman sosial mereka.

"Tetapi apabila kita melakukan promosi, itu bermakna kita menggalakkannya," katanya.

Beliau juga bertanya, "sebagai anggota parlimen, adakah kita mahu mempromosikan minuman alkohol?"

"Saya faham pesta ini tidak melibatkan orang Islam, tetapi orang bukan Islam juga rakyat kita," katanya.

Pesta arak beri kesan negatif, kata Mufti Perlis

MUFTI Perlis, Datuk Dr Asri Zainul Abidin berpendapat, walaupun meminum minuman beralkohol adalah hak orang bukan Islam tetapi penganjuran festival boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat.

"Arak itu buruk di sisi semua

manusia yang waras. Ia telah menjadi masalah terhadap masyarakat termasuk negara maju sekalipun.

"Kalau seseorang enggan atau tidak setuju pesta arak bukan bererti dia enggan dan menolak hiburan.

"Betapa banyak golongan

beragama yang turut berhibur dan bernyanyi dengan cara yang santun," katanya.

Bagi beliau, orang bukan Islam mahu minum arak itu hak mereka tapi penganjuran pesta boleh memberikan kesan negatif kepada masyarakat

awam.

"Sebagai orang muslim patut ada etika ketika memberi pandangan berhubung dengan perkara yang jelas seperti ini," katanya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan berkata, ia

menolak permohonan penganjur Mybeer (M) Sdn Bhd yang dihantar pada 28 Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Perancangan Korporat DBKL, Khalid Zakaria berkata permohonan untuk tempat, tarikh dan masa penganjur tidak diluluskan.

Kafirkah saya?: Mahathir mahu Tuan Ibrahim jawab

PENGERUSI Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak berpuas hati dengan jawapan Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang mengulas rencana beliau mahu persoalan asas mengenai isu dakwaan kafir diberi tumpuan.

"Yang saya sedih dan marah ialah apabila Pas mengkafirkan saya dan semua orang Melayu yang tidak sokong Pas.

"Perbuatan ini dilarang oleh agama Islam dan mereka yang dikafir marah dan kecewa didakwa mereka tidak Islam.

"Tuan Ibrahim tidak menyentuh perkara ini sama sekali," tulis beliau dalam blognya.

"Keengganan Tuan Ibrahim memberi jawapan kepada persoalan ini bermakna beliau bersetuju dengan dakwaan Pas bahawa saya dan lain-lain

orang Melayu yang tidak menyertai Pas adalah kafir.

"Yang tidak menyertai Pas ini ramai termasuk raja-raja kita pun tidak menyertai Pas.

"Sudah tentu orang Islam yang seramai 1.7 bilion di seluruh dunia, mengikut dakwaan Pas adalah kafir," katanya.

Pengkafiran inilah katanya, yang memecahbelah orang Melayu Islam yang semua percaya dan mengikut amalan agama Islam yang sama dan mengucap dua kalimah syahadah dan berada dalam mazhab Ahlul Sunnah Wal Jamaah, berimam kepada Imam Shafei.

"Yang saya katakan ialah sebelum adanya Pas tidak ada perpecahan disebabkan kelainan agama di kalangan orang Melayu Islam.

"Hanya apabila Pas ditubuh dan mengkafirkan

orang yang tidak menyertai parti politik Pas, barulah orang Melayu Islam berpecah sehingga tidak terima nikah ibu bapa, bersembahyang dua imam, berkuburan berasingan dan bermusuh ketat antara orang Pas dengan orang bukan Pas.

"Kenyataan saya ini tidak boleh dipertikai oleh sesiapa.

"Bolehkah Tuan Ibrahim nafi perpecahan ini berlaku, dan ianya berlaku kerana Pas menidakkan Islamnya orang Umno dan juga orang lain yang tidak menyertai Pas," katanya.

Oleh kerana Tuan Ibrahim tidak sentuh soal mengkafirkan orang yang bukan ahli Pas, beliau kemukakan soalan-soalan berkenaan perkara ini supaya Tuan Ibrahim dapat faham kandungan utama rencana beliau.

Beliau seterusnya menyenaraikan soalan berikut untuk timbalan presiden Pas itu menjawab dengan jelas tanpa perlu berdolak dalik.

"Apakah Tuan Ibrahim percaya bahawa sesiapa yang tidak menyertai Pas tidak Islam.

"Apakah orang Melayu kafir sebelum adanya Pas.

"Apakah ibubapa orang Pas kafir kerana dilahir sebelum adanya Pas.

"Apakah Pas tidak kafir apabila bekerjasama politik dengan DAP.

"Mengikut Pas, Umno kafir. Jika Pas bekerjasama dengan Umno apakah Pas menjadi kafir.

"Amanat Hadi dakwa pemerintahan Malaysia

kafir dan melawan dengannya adalah jihad dan kematian dalam perlawanan ini menjadikan si mati syahid. Apakah Tuan Ibrahim terima dakwaan dalam amanat Hadi?"

"Jika pemerintahan yang didirikan oleh UMNO dahulu kafir, apakah pegawai-pegawainya, termasuk mufti dan orang-orang yang dipimpin dan dinasihat oleh mereka kafir.

"Apakah Tuan Ibrahim percaya 14 pengikut Ibrahim Libya mati syahid dah 4 orang polis mati sebagai orang kafir yang bekerja dengan Kerajaan kafir?" soalnya.

Satu persoalan besar katanya, apakah orang yang terpelajar dalam agama Islam seperti Tuan Ibrahim, orang yang mendakwa diri mereka ulama, apakah mereka terima dakwaan Pas bahawa orang yang tidak menyertai Pas menjadi kafir.

"Jika mereka terima maka bukan sahaja orang Umno, dan sekarang ini orang Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), yang kafir, mufti-mufti Kerajaan dan Raja-raja Melayu turut jadi kafir jika tidak Pas.

"Tuan Ibrahim sendiri boleh buat kenyataan bahawa dalam dunia ini hanya mereka yang menyertai Pas sahaja yang beragama Islam.

"Apabila seseorang memasuki agama Islam, maka ia mesti sebut keahlian dalam Pas sebelum ia diterima memeluk agama Islam," katanya.

Beliau berkata Pas tak usah lari dari soal pengkafiran ini.

"Jelaskan dengan tegas benar atau tidak orang yang tidak menyertai Pas kafir," katanya.



AMANAHA sokong DBKL tolak permohonan pesta arak

KUALA LUMPUR: Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAHA Zolkharnain Abidin menyokong tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menolak permohonan penganjuran festival arak 'Better Beer Festival 2017' di ibu negara.

Beliau berkata, sewajarnya festival sebegitu tidak dianjurkan lagi pada masa akan datang oleh mana-mana pihak kerana bantahan yang dibuat pelbagai pihak membuktikan secara jelas rakyat negara ini menolak penganjuran acara negatif sebegitu.

"Semua peraturan yang ada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan, atau enakmen yang terpakai di peringkat negeri

perlu dikuatkuasakan untuk memastikan acara sebegini tidak berlangsung lagi pada masa akan datang.

"Alasan-alasan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak sudah cukup untuk membuka mata penganjur bahawa acara negatif itu ditolak oleh segenap lapisan rakyat secara tegas," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau bagaimanapun manasihati para pemimpin politik, sama ada pihak yang memandangkan penganjuran acara ini dari sudut demokra-



si atau yang melihatnya dari sudut kerosakan moral, agar lebih berhemat dalam mengeluarkan sebarang kenyataan.

Ini katanya penting bagi mengelak kerosakan umum.

"Isu-isu sensitif sebegini memerlukan sikap berhemat tahap tinggi untuk ditangani supaya tidak menajihkan implikasi buruk yang lebih besar.

"Marilah kita memberi tumpuan kepada usaha memperbaiki negara ini daripada terus berdepan dengan pelbagai kerosakan hasil binaan tangan pemimpin Umno-BN.

"Momentum gerakan rakyat untuk menolak Umno-BN dalam PRU akan datang tidak wajar direncatkan dengan pelbagai isu yang bersifat provokatif bertujuan memberi nafas kepada Umno-BN untuk menyambung hayat kuasanya yang semakin nazak," katanya.

Ambil iktibar tragedi pusat tahfiz, kata Murshid

KUALA LUMPUR: Himpunan Para Ustaz dan Pendakwah (Murshid) mengingatkan orang ramai agar mengambil iktibar daripada tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Kerasat Ujung, 14 September lalu.

Presidennya Dr Zaharuddin Abd Rahman berkata, walaupun polis mengesahkan kejadian berlaku akibat perbuatan khianat sekumpulan remaja, pihak pusat tahfiz dan orang sekeliling sewajarnya mengambil sikap lebih berhati-hati bagi meminimumkan bencana.

Ini termasuk memastikan pusat tahfiz dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan.

Namun katanya, ciri-ciri keselamatan bukan hanya penting kepada pusat tahfiz sahaja malah ke atas setiap premis yang didiami.

"Sebagaimana ditegaskan oleh pihak bomba, besarnya keperluan semua sekolah, bukan hanya tahfiz tetapi semua jenis sekolah yang berhimpunannya ramai pelajar untuk memastikan ciri keselamatan seperti 'fire exit' yang mencukupi serta mendapat kelulusan berwajib seperti bomba dan sebagainya.

"Ini juga sebenarnya termasuk rumah yang kita diami sendiri.

"Justeru, pendaftaran rasmi serta permit dengan pihak berwajib adalah logik dan wajar.

Sebaiknya ibu bapa memastikan dahulu ciri keselamatan minima ini wujud sebelum menghantar anak masing-masing ke sekolah terbabit," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau juga menambah, orang awam harus pantas menghubungi bomba dan ambulans secepat mungkin mendapati sebarang insiden kebakaran premis dan kediaman.

"Besarnya harapan kami agar ambulans dan bomba dapat terus berusaha menambah cemerlang lagi pencapaian untuk sampai ke lokasi kebakaran lebih cepat.

"Kalau boleh 10 minit ke bawah selepas dihubungi sebagaimana di United Kingdom, seingat saya

sasaran mereka adalah 8 minit," katanya.

Selain itu beliau mengingatkan orang awam agar tidak ghairah menyebarkan gambar sadis tubuh mangsa yang terbakar atau video yang kedengaran jeritan mangsa.

"Ia bukan hanya memedihkan keluarga mangsa malah orang ramai yang turut boleh menjadi trauma dan terganggu emosi secara psikologinya," katanya lagi.

Menyentuh mengenai perbuatan khianat sekumpulan remaja, beliau mengingatkan ibu bapa agar sentiasa mengawasi pergerakan dan tingkah-laku anak-anak.

"Besarnya tanggungjawab

ibu bapa untuk sedaya upaya mengetahui aktiviti anak-anak dan membuat tindakan pantas, walau memang sukar.

"Khususnya jika ia melibatkan apa jua jenis dadah dan arak. Kemabukan dan khayal dari keduanya itu memang boleh menambak besar potensi pengambilnya untuk hilang kewarasan dalam tindakan lalu bertindak di luar dugaan," katanya.

Dalam kejadian 5.15 pagi itu, 21 pelajar berusia 6 hingga 16 tahun serta dua guru berusia 26 dan 25 tahun maut selepas terperangkap dalam kebakaran di tingkat paling atas bangunan tiga tingkat tersebut.

AMANAHA ajak masyarakat India buat perubahan

KUALA LUMPUR: Masyarakat India diingatkan agar tidak perlu takut untuk membuat perubahan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) akan datang.

Presiden AMANAHA, Mohamad Sabu berkata sokongan masyarakat India terhadap Pakatan Harapan (PH) penting dalam usaha menukar kerajaan yang ada kepada yang lebih baik.

Bercakap pada forum Pakatan

Menuju Putrajaya anjuran Barisan Bertindak Hak Hindu (Hindraf) di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur-Selangor baru-baru ini, Mohamad berkata dalam sebuah negara demokrasi, rakyat bertindak sebagai hakim bagi menentukan pihak mana yang mereka mahu menerajui kerajaan.

Jika kerajaan baru dipilih juga dilihat tidak bersih, mereka boleh menukarnya kembali pada pilihan raya selepas itu dan proses

itu akan sentiasa berulang.

Mohamad berkata, jika kuasa rakyat ini digunakan sebaiknya, sudah tentu kerajaan yang dipilih akan memastikan khidmat terbaik kepada rakyat atau sedia berdepan kejatuhan melalui undi rakyat pada pilihan raya berikutnya.

Turut serta pada forum itu bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Zaid Ibrahim dan Pengerusi Hindraf, P Waythamoorthy.



Mohamad berucap pada forum anjuran Hindraf di Dewan Perhimpunan Cina KL-Selangor.

Selepas RCI, Nor Yakcop lepas jawatan Khazanah

KUALA LUMPUR: Selepas keterangan yang dianggap menyebelahi Tun Dr Mahathir Mohamad dalam Siasatan Diraja Perdagangan Wang Asing (RCI Forex) Bank Negara Malaysia (BNM), Khazanah Nasional Berhad mengumumkan perletakan jawatan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau melepaskan jawatan sebagai timbalan pengerusi syarikat pelaburan strategik negara itu berkuatkuasa 30 September ini.

Nor Mohamed juga melepaskan kedudukannya sebagai Pengerusi Institut Penyelidikan Khazanah (KRI).

"Perletakan jawatan itu dikemukakan pada mesyuarat lembaga pengarah Khazanah hari ini," kata satu kenyataan yang dikeluarkan Khazanah.

Semasa sidang RCI Forex baru-baru ini, Nor Mohamed berkata

Tun Dr Mahathir tidak tahu menahu mengenai urusan Forex yang membawa kerugian besar kepada BNM.

Dalam penyataan bertulis, bekas Penolong Gabenor dan penasihat BNM itu berkata, Dr Mahathir tidak pernah diberitahu mengenai urusan niaga perdagangan mata wang asing BNM apabila ia mengalami kerugian besar.

"Saya pada bila-bila masa dari tahun 1986 hingga 1993, tidak berhubung dengan Perdana Menteri Malaysia (Dr Mahathir) mengenai urusan niaga forex oleh BNM," katanya dalam kenyataan 42 halaman.

Nor Mohamed, 70, juga memberitahu panel RCI bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjawat Menteri Kewangan dari tahun 1991 hingga 1998, juga tidak dimaklumkan mengenai perkara itu.



Kelancaran rundingan kerusi PH

SETAKAT ini Pakatan Harapan diberitakan sudah berjaya dalam urusan pembahagian 100 kerusi parlimen di antara komponenEnnya. Bakinya sedang dirundingkan lagi.

Sementara rundingan pembahagian kerusi peringkat negeri berterusan dan diberitakan sudah mencapai kemajuan. Ini sesuatu yang sangat menggalakkan, memberi isyarat bahawa gabungan mega pembangkang itu sangat bersedia untuk menghadapi PRU14 tidak lama lagi.

Tidak banyak lagi kedengaran akan khayalan untuk menyaksikan pertandingan satu lawan satu konon untuk mudah pembangkang mncapai kemenangan. Hakikat yang ada ialah kemungkinan bukan saja pertandingan tiga penjur, malah mungkin lebih jika bermunculan calon bebas untuk mencuba nasib di saat akhir.

Apa yang diperlukan dalam semua rundingan pembahagian kerusi seperti ini ialah kesabaran, tolak ansur maksimum di antara komponen PH, Inilah cara terbaik untuk menentang Umno-BN dalam PRU14. Diberitakan, dalam rundingan PH yang lalu hingga mencapai penyelesaian pembahagian 100 kerusi parlimen di Semenanjung, ialah mereka berunding dalam suasana yang disebutkan tadi.

Maka itu, dalam rundingan selanjutnya baki kerusi parlimen dan negeri nanti, suasana tolak ansur yang disebutkan tadi akan terus menjadi asas rundingan. Dalam masa yang sama, komponen PH mestilah menyediakan bakal calon berwibawa untuk bertanding baik di parlimen mahupun Dun. Para calon yang dipilih mestilah berpotensi untuk menang, berwibawa, bersih dari beban sejarah politik dan sebagainya di masa lalu.

Pengundi masa kini amat berbeza dengan masa lalu. Dengan maklumat di hujung jari dari pelbagai sumber menyebabkan pengundi mempunyai

peluang luas untuk menilai calon yang akan dipilihnya. Bukan sekedar nilai veteran atau tidak veteran, tetapi calon mestilah memiliki ciri-ciri terkini dan sebagainya.

Kewibawaan calon sangat penting walau dari parti mana datangnya, parti lama atau baru.

Dalam masa yang sama hendaknya semua komponen Pakatan Harapan sudah menggerakkan jentera pilihan raya dengan strategi dan gerak kerja yang mantap.

Sebab itu setiap komponen mesti berupaya menyediakan sebanyak mungkin tenaga penggerak ini. Bukan saja sekadar dipenuhi program ceramah besar dan kecil, tetapi juga mendekati pengundi seramai mungkin dengan pelbagai cara daya upaya.

Suasana dan demografi pengundi berbeza dari satu negeri ke satu negeri, termasuk Sabah dan Sarawak, yang diharapkan kali ini ia tidak lagi menjadi 'simpanan tetap' kepada Barisan Nasional.

Begitu juga kawasan parlimen di Felda yang selama ini menjadi kawasan sokongan Umno-BN yang besar dan sukar berubah. Kali ini diharapkan ia akan berubah, dengan pergolakan yang berlaku di tanah rancangan itu.

PRU14 yang disebut 'ibu segala pilihan raya' benar-benar sangat crucial bagi rakyat Malaysia yang kini amat tertekan kehidupan mereka akibat kenaikan harga barang, termasuk kenaikan harga minyak dan pelbagai lagi.

Memang banyak isu besar dan kecil yang bermunculan, terutamanya yang menyentuh ekonomi dan sebagainya. Maka itu, isu yang penting ini mesti digarap dengan sebaik-baiknya supaya berkesan di hati pngundi. Ertinya, dengan isu yang kuat, gerak kerja pilih raya yang berstrategi dan cemerlang, maka dengan sokongan rakyat, kita yakin PH akan memenangi PRU14.

Kalimah *Rab* teras pencerahan (Siri 2)

DALAM tiga surah awal yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w, iaitu Surah Al-Alaq, Surah Al-Muzzammil dan Surah Al-Muddaththir terdapat satu kalimah besar yang mempunyai sentuhan yang amat hebat kepada minda dan qalbu mereka yang berusaha gigih untuk memahami dan menghayatinya.

Kalimah ini hanya dapat ditegaskan dalam diri insan setelah terbina terlebih dahulu beberapa prinsip "*Iqra*". Untuk itu kita perlu merujuk kepada Surah Al-Alaq bagi mengenali prinsip *iqra*'. Beberapa prinsip *iqra* tersebut adalah:

- perintah membaca datang dari sumber yang jelas dan nyata
- tujuan membaca adalah untuk menegakkan kebenaran dan kebaikan
- membaca merangkumi merenung (*tadabbur*), memahami, mencatat atau menulis, menghafaz, menyelidik, mengolah dan menyampaikan ilmu
- meluaskan budaya membaca perlukan kecanggihan alat dan insrumen.

Dari empat prinsip di atas, hendaklah kita sedar bahawa perintah membaca bertujuan untuk men-tauhidkan Allah. Patuh kepada seruan ini menyuburkan azam dan mujahadah untuk mempertahankan kebenaran dan menegakkan keadilan.

Membaca bererti bermujahadah untuk menempatkan diri dalam proses untuk mendapatkan ilmu, memperkasa ilmu yang ada dan membebaskan diri membuat sesuatu tanpa berlandaskan kepada ilmu.

Oleh itu ia bermakna, istilah *iqra*' tidak sewajarnya diterjemah atau digunakan secara sempit sebagai baca atau membaca. *Iqra*' dalam Surah Al-Alaq bukan suatu yang membawa pengertian 'baca' yang secara literal seperti yang kita fahami.

Perintah "*Iqra*" adalah satu proses lengkap yang mana membaca termasuk juga di dalamnya merenung, memahami, mencatat, menghafaz, menyelidik, mengolah dan menyampaikan dengan kemas dan teratur. Ini bermakna seruan *iqra*' bertujuan untuk membebaskan insan daripada sifat taasub, taqlid dan tidak mempunyai sandaran iaitu dalil dan hujjah.

Sebagaimana yang dinyatakan bahawa wahyu sederet 19 ayat dari tiga surah awal yang diterima oleh Rasulullah s.a.w terdapat satu kalimah besar yang mengukuhkan azam untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Kalimah ini memberi kesan sehingga menghasilkan peny-



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

SAARI SUNGIP

Ketua Biro Dakwah AMANAH Nasional

arahan diri yang *total*.

Proses memahami kalimah ini, ia seakan-akan memberi satu dorongan yang amat kuat kepada pendengar, pembaca, menghafaz



... Memindahkan ke dalam diri dan kehidupan insan nilai-nilai yang asasnya adalah kepercayaan yang berifat ghaib dan meta-fizik pasti akan menghasilkan satu anjakan yang amat luar biasa. Transformasi yang dilahirkan oleh anjakan ini adalah suatu pencerahan yang jauh merentasi ruang dan waktu.

serta mereka yang ingin melentur jiwa raga mereka dengan seruan surah-surah tersebut.

Memindahkan ke dalam diri dan kehidupan insan nilai-nilai yang asasnya adalah kepercayaan yang berifat ghaib dan meta-fizik pasti akan menghasilkan satu anjakan yang amat luar biasa. Transformasi yang dilahirkan oleh anjakan ini adalah suatu pencerahan yang jauh merentasi ruang dan waktu.

Manakala pencerahan paling monumental yang diperolehi adalah di sudut ilmu, kefahaman, iktiqad, penghayatan dan seterusnya keinginan untuk bersama-sama menempatkan diri sebagai *as-sabiqun al-awwalun* (Surah At-Tawbah: 100) dan *ribbiyyun* (Surah Ali-Imran: 146).

Jika diperhatikan dengan mata hati yang tenang, kita dapati susunan 19 ayat tersebut sebagai berikut: Surah Al-Alaq (ayat 1-5)

- ayat 1 mafhumnya "*Rab* kamu yang mencipta"
- ayat 3 mafhumnya "*Rab* kamu adalah Yang Maha Mulia, oleh itu bacalah"
- Surah Al-Muzzammil (ayat 1-9)
- ayat 8 mafhumnya "Dan sebutlah nama *Rab* kamu dan pasrahkanlah dirimu sehabis-habis pasrah hanya kepada-Nya"

- ayat 9 mafhumnya "*Rab* yang menguasai timur dan barat, tiada Ilah selain Dia, maka jadikanlah Dia sebagai Pelindung kamu"

- Surah Al-Muddaththir (ayat 1-5)

- ayat 3 mafhumnya "Dan demi *Rab* kamu maka oleh itu kamu hendaklah membesar-besarkan keagungannya."

Teras dan tumpuan ayat-ayat di ketiga-tiga surah awal tersebut

adalah kalimah *Rab*. *Rab* dalam Bahasa Arab adalah raja, penguasa, pemilik yang dalam konteks Islam merujuk kepada Allah. Huraian tambahan yang begitu halus serta menyeluruh memberi pencerahan yang amat meyakinkan bahawa *Rab* yang menurunkan wahyu ini adalah mencipta dan pemilik segala-galanya, Yang Maha Mulia dan amat mencintai kemuliaan, *Rab* yang selayaknya diserahkan segala azam dan mujahadah yang pasrah sepisahannya, diperakui Dia-lah *Rab* dan Ilah kepada semua yang dalam alam dengan maksud Allah adalah Rabbul Alamin dan Allah adalah tiada sesuatu yang layak diberikan pengabdian selain Allah - '*la ilaha illa Allah*'.

Maka dengan itu Dia-lah Allah Rabbul Alamin yang layak para hamba-Nya membesar-besarkan keagungannya setiap waktu.

Daripada huraian ayat-ayat awal wahyu yang diterima oleh Rasulullah s.a.w sudah cukup ianya memberikan suatu pencerahan yang begitu luar biasa, di mana pencerahan tersebut dimuktamadkan dalam wahyu yang turun lebih lima belas tahun kemudian sebagai *nurun 'ala nurin* (Surah An-Nur: 35).



Anak kecil bermain api

Sudah tentu masyarakat Melayu tidak asing dengan lagu "Anak Kecil Bermain Api". Saya masih ingat bagaimana perwakilan Umno mengalirkan air matanya ketika menyanyikan lagu ini dalam Perhimpunan Agung Umno sebelum PRU13. Liriknyanya seperti "Bumi dipijak milik orang", "Tergadai seluruh harta benda", "Hasil mengalir ke tangan yang lain ..." membayangkan nasib yang menimpa Melayu seandainya Umno ditumbangkan dalam PRU. Ia cukup membakar semangat dalam jiwa.

Jikalau dibaca dalam konteks politik, mesejnya jelas. Kaum Melayu dikepung dan diserang oleh bukan Melayu, terutamanya Cina. Jikalau Melayu berpecah, Cina akan menguasai bumi ini, dari segi ekonomi, malah politik. Maka Melayu haruslah sentiasa berjaga-jaga, jangan sampai menang sorak kampung tergadai.

Suka atau tidak, politik tanahair terperangkap dalam kerangka perkauman untuk sekian lama. Kini ditambah pula dengan unsur agama untuk melanjutkan hayat retorik perkauman. Isu ekonomi, integriti institusi negara, pentadbiran dan pengurusan yang baik, pendidikan, perumahan, pengangkutan dan sebagainya, diketepikan untuk memberi laluan kepada agenda kaum dan agama. Bahkan



Siang-Malam
Lim Hong Siang

jikalau boleh, isu tersebut juga di-perkauman-kan, atau dijadikan isu agama.

Paling dahsyat agenda kaum dan agama sempit diangkat untuk membunuh nilai-nilai kemanusiaan, belas kasihan, amanah, budi bahasa dalam diri kita. Lihat sahaja gelagat dan kerenah Jamal Md Yunus. Dibiarkan meliar tanpa disekat bersungguh-sungguh. Atas nama kaum Jamal boleh mengugut untuk merusuh di Jalan Petaling. Lihat bagaimana Mat Over boleh melempang David Teo secara terang-terang di depan Perdana Menteri, hanya kerana Mat Over menganggap David Teo "kurang bersopan" di depan Najib Razak.

Semua ini diambil ringan, sungguhpun kita tidak bersetuju dengan kerenah mereka yang jelas melampaui batas. Pada masa yang sama, mereka diangkat bagai pahlawan oleh konco-konco yang sewaktu dengannya. Kita akhirnya

mengakur dan terlalu penat untuk mengecam mereka. Semakin dikecam, semakin popularlah dia. Justeru itu, kita memilih untuk berdiam diri, atas alasan "tidak memberi publisiti kepada orang-orang sebegini".

Namun pada masa yang sama watak-watak sebegini menjadi teladan dalam masyarakat. Atas alasan kaum, ugutan untuk merusuh dihentikan. Atas alasan "kamu dianggap kurang sopan di depan PM", maka lempang saya ke muka kamu dibolehkan. Selagi saya diizinkan penguasa, selagi saya nampak gagah dan disokong kawan-kawan, saya boleh melakukan apa-apa sahaja ke atas orang yang saya tidak suka. Tiada garis benar dan salah, yang ada hanya gagah dan lemah. Kemenangan milik mereka yang gagah untuk menjahanamkan yang lemah.

Sudah tentu ramai yang pilu dengan peristiwa kebakaran sekolah tahfiz dengan 23 nyawa diragut, menjelang Hari Malaysia ke-54. Ia dimulakan dengan pertikaian aspek keselamatan bangunan berkenaan yang tidak memenuhi piawaian dengan menyediakan pintu kecemasan. Agak mengejutkan apabila pengetuanya menyifatkan kematian anak muridnya sebagai "mati syahid". Saya kurang pasti sejauh manakah

kenyataan pengetua ini diterima oleh masyarakat umum, khususnya muslim, tetapi sekali lagi, kelalaian orang dewasa dalam hal keselamatan cuba ditutup dengan satu kenyataan yang dikaitkan dengan agama.

Kemudian kita dikejutkan lagi dengan perkembangan seterusnya, bahawa insiden ini berlaku kerana pergeseran pelajar sekolah tahfiz dengan sekumpulan remaja yang berumur antara 11 hingga 18 tahun. Ejek-mengejek menjadi punca tujuh remaja membalas dendam dengan membakar sekolah tersebut. Enam orang daripadanya didapati positif dadah jenis ganja.

Bayangkan, apakah perselisihan faham yang mungkin berlaku antara dua kumpulan remaja, sehingga boleh mencetuskan peristiwa yang meragut 23 nyawa? Bukankah tragedi ini membayangkan betapa kroniknya masalah sosial dalam masyarakat kita, tatkala kita bermain dengan sentimen kaum dan agama, dengan retorik yang berapi-api saban hari?

Apakah maknanya kepentingan kaum dan martabat agama dari bibir kita, sedangkan penyakit sosial yang berleluasa ini terus diabaikan? Saya sempat mengikuti satu laporan media yang menemubual jiran di sekeliling pusat tahfiz terse-

but. Ada yang penat selepas kerja, tiada masa untuk ambil peduli sekumpulan remaja yang sering berbuat kacau di kawasan itu; ada pula yang tidak mahu mengundang masalah dengan menegur remaja bermasalah itu.

Gambaran ini cukup "real". Inilah masalah sosial yang sedang dihadapi di rata-rata pelosok dalam masyarakat kita, lantaran sistem negara kita yang pincang. Dan tiada sesiapa yang kita boleh persalahkan secara individu kerana ini adalah masalah kita semua.

Ingat bagaimana rakyat disaran bekerja "part-time" untuk meringan beban hidup? Jadi kita boleh faham jikalau ada jiran yang berasa penat dan letih untuk menjaga tepi kain orang. Ingat bagaimana kaum lain dituding jari, apabila kita mempersoalkan agihan ekonomi yang melebarkan jurang kaya-miskin? Ingat bagaimana ugutan dan keganasan dibenarkan, apabila kita tidak senang dengan pihak lain?

Bukankah ia berlaku dalam satu kitaran, yang ada kaitan secara langsung atau tidak langsung, sedar atau tanpa disedari? Dan ia berakhir dengan Anak Kecil Bermain Api, api yang meragut 23 nyawa yang telah mati di jalan Allah, sebelum mereka sempat hidup di jalan Allah.

Hijrah, sebuah transformasi luar biasa

UMAT Islam kini menyambut Awal Muharam. Ia sepatutnya disambut bukan hanya dengan perarakan, selawat, ceramah dan jamuan, tetapi ia sewajarnya bersama merenung kembali natijah dari Hijratul-Rasul itu, yang menebarkan sebuah transformasi, perubahan luar biasa.

Iaitu mempunyai makna yang sangat besar bukan saja kepada umat Islam tetapi juga kepada umat yang lain, justeru ia adalah sebuah transformasi masyarakat yang agung dalam sepanjang sejarah manusia.

Membebaskan manusia dari perhambaan, jauh sebelum Abraham Lincoln berbuat demikian. Ia mengakhiri zaman jahiliyah yang menyembah sesama manusia, kepada menyembah Allah s.w.t. yang satu.

Umat di Semenanjung Arab yang selama ini dibelenggu oleh sistem jahiliyah, memperhambakan sesama manusia, bersuku



kaum dan kabilah dengan permusuhan yang tidak habis-habisnya, ditransformasikan oleh seorang Rasul Pilihan, Muhammad s.a.w. menjadi sebuah ummah yang hanya menyembah Allah s.w.t, mengakhiri zaman jahiliyah sejak ribuan tahun.

Transformasi Hijratul-Rasul yang bermula di Semenanjung Arab itu menukarkan zaman kegelapan yang penuh dengan kekejaman, perhambaan dan permusuhan antara puak dan suku, yang tidak habis-habisnya kepada sinar gemilang kemanusiaan bukan saja di Semenanjung Arab, tapi akhirnya menebarkan rahmatnya hampir ke seluruh dunia.

Inilah keagungan Hijratul-

Rasul. Nabi s.a.w. berhijrah ke Madinah untuk mengatur langkah selanjutnya - bersama para sahabat - bagi membebaskan Makkah yang dibelenggu oleh jahiliyah selama ini.

Madinatul-Rasul, tempat bertapaknya Hijratul-Rasul itu bertukar wajah. dari tanah tandus ditransformasikan menjadi bumi bertuah, makmur, penuh barakah.

Para sahabat - Khulafaur-Rashidin - mendukung hujrah ini dan membantu menyuburkan Madinah, bandar cahaya itu. Sahabat lain, yang terdiri dari pelbagai bangsa dan warna kulit turut membantu menyuburkan bumi Madinah.

Idea Saman Al-Farisi, asal Parsi, Suhaib Al-Rumi dari Rom, Bilal Ibnu Rabah yang berkulit hitam bersuara merdu bukan saja menjadi sahabat Rasulullah s.a.w., malah turut diterima idea mereka, manifestasi sikap terbuka Rasulullah s.a.w.

Benarlah seperti kata para ilmuwan bahawa Nabi s.a.w. adalah 'A Living Quran', Quran yang hidup. Dengan akhlaknyanya yang mulia, pandangan jauhnya, strateginya dan semuanya, maka akhirnya dengan wawasan Islam, baginda berjaya mengalahkan Rom dan Parsi yang selama ini menjadi kuasa dunia yang tidak terkalahkan.

Dengan kehidupan yang dipandu oleh al-Quran, benarlah seperti apa yang dikatakan oleh Almarhum Syed Qutb bahawa "Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi s.a.w. itu, seperti membaik pulih landasan keretapi yang telah rosak binasa oleh jahiliyah. Dengan itu akhirnya landasan yang rosak binasa itu dapat dibina kembali dan dapat digunakan."

Beberapa hari selepas tiba di Madinah, Nabi mengatur strategi ekonomi dan keperluan asas yang lain. Rasulullah s.a.w. mengarahkan supaya dibuka pasar jualan

di simpang empat berdekatan Masjid Nabi supaya umat Islam dapat berniaga di sana, mengembangkan ekonomi mereka yang selama ini banyak dimonopoli oleh puak Yahudi yang ada di Madinah.

Nabi s.a.w. membina semula Madinah dengan bantuan para sahabat dan dalam masa yang sama mengatur strategi untuk membuka Makkah, membebaskannya dari cengkaman jahiliyah dan berjaya.

Strategi dan gerak kerjanya ini mendapat dukungan kukuh dari para sahabat.

Itulah kejayaan besar transformasi Hijratul-Rasul. Ia bukan sekadar dokumen sejarah, tetapi sewajarnya mencetuskan gerak kerja yang berstrategi untuk menebarluaskan Islam di bumi ini, menyuburkannya hingga ke tahap kemanusiaan yang tinggi.

Sabah, Sarawak perlu reformasi struktural

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) percaya Sabah dan Sarawak berhak kepada reformasi struktural dan tata kelola baik yang berpaksikan Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Persekutuan supaya segala potensi bumi, sumber dan tenaga dapat dijana dan dikembalikan kepada rakyatnya.

Bahkan, kedua-dua negeri di Malaysia Timur itu juga berhak kepada semangat federalisme berasaskan perpaduan dalam kepelbagaian, keadilan, ketelusan dan pertanggungjawaban.

Sehubungan itu, konsep federalisme berasaskan Perkara-perkara 73 hingga 95E Perlembagaan Persekutuan wajib difahami, dihayati dan dihormati, ujar kenyataan bersama Presiden dan Timbalan-timbalan Presiden PH yang dikeluarkan sempena Hari Malaysia, 16 September lalu.

Kenyataan bersama itu ditandatangani Datuk Seri Dr Wan

Azizah Wan Ismail, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu.

"Pakatan Harapan berikrar untuk menyediakan pengagihan hak dan tanggung jawab dalam semua bidang dan institusi secara adil dan saksama antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak," kata kenyataan itu.

Pakatan Harapan juga beriltizam untuk membangun Bangsa Malaysia yang beridentiti nasional, berpaksi kepada nilai-nilai dikongsi bersama, bersatu-padu, kreatif dan inovatif serta berdaya saing untuk berjuang demi negara buat Malaysia yang lebih baik untuk seluruh rakyatnya.

"Bersama kita jayakan hasrat murni ini untuk melahirkan sebuah Persekutuan yang adil dan saksama demi kebaikan dan kesejahteraan seluruh rakyatnya," kenyataan itu dipetik.

Hari Malaysia disambut setiap tahun pada tanggal 16 September bertujuan menghidupkan memori bersejarah dan naratif perjuangan penubuhan

“Pakatan Harapan berikrar untuk menyediakan pengagihan hak dan tanggung jawab dalam semua bidang dan institusi secara adil dan saksama antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak,”

Persekutuan Malaysia yang pada awalnya merangkumi Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

Singapura bagaimanapun dikeluarkan daripada persekutuan pada Ogos 1965 ekoran krisis politik dengan Kuala Lumpur.

"Pakatan Harapan meraikan bersama seluruh rakyat Malaysia, penyatuan persekutuan yang merdeka lagi berdaulat, serta berpaksikan prinsip kebebasan dan keadilan, bagi menjamin kedamaian dan keharmonian, sejajar dengan Pemasyhuran Malaysia pada 16 September 1963 di Stadium Merdeka

oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pada detik penting itu," ujar mereka.

Namun setelah 54 tahun Malaysia dibentuk, soal besar yang menghantui sebahagian rakyat adalah sama ada cita-cita penyatuan dan perkongsian itu, termasuk faedah dan pembangunan ekonomi yang adil di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, benar-benar wujud dan dikecapi bersama.

"Ataukah Sabah dan Sarawak terus-terusan tercedir dari arus pembangunan, sebaliknya dipertingkatkan kerajaan BN dengan janji serta slogan molok, namun

masih jauh dari disempurnakan?" soal mereka.

Bahkan ujar mereka, perbezaan pembangunan wilayah juga ketara di Semenanjung yang merujuk kepada kesenjangan antara negeri-negeri pantai timur dan utara berbanding negeri pantai barat.

PH juga kesal kerana pembangunan infrastruktur, jaringan jalan raya, elektrik dan kemudahan awam lain seperti pendidikan dan kesihatan khususnya di Sabah dan Sarawak, masih jauh ketinggalan khususnya bagi kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman berbanding negeri-negeri di Semenanjung.

"Ini berlaku akibat pelaksanaan polisi yang tidak menjamin keadilan pengagihan hasil kekayaan dan sumber negara, ditambah dengan pemusatan kuasa serta kepincangan tadbir-urus belanjawan pembangunan Kerajaan Persekutuan.

"Ini ditambah buruk lagi dengan pentadbiran yang sarat rasuah dan salah-guna kuasa," kata mereka.

Pemuda AMANAH ucap selamat kepada Mat Taib

KUALA LUMPUR: Pemuda AMANAH Nasional menghormati keputusan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhammad Taib untuk kembali menyertai Umno selepas hampir lima tahun bersama pembangkang.

"Setiap individu mempunyai hak untuk keluar atau menyertai mana-mana parti dan ia perlu dihormati biarpun tindakan tersebut kemungkinan mempunyai agenda atau sebab-sebab tertentu," kata Ketua Pemuda AMANAH Mohd Sany Hamzan.

Bagaimanapun Pemuda AMANAH menyelar kenyataan Muhammad kononnya tiada 'agenda Melayu' yang dibawa Pakatan Harapan (PH).

"Kenyataan tersebut adalah tidak berasas, ini kerana PH sering membincangkan aspek kepentingan Melayu di dalam mesyuaratnya namun Mat Taib tidak berpeluang untuk berada dalam perbincangan tersebut sebaliknya hanya melibatkan diri dalam mesyuarat-mesyuarat kecil," katanya.

Mat Taib keluar Umno dan menyertai Pas pada April 2013 iaitu sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) dan keluar dari parti itu pada September 2015 ekoran krisis kepimpinan sebelum menyertai Keadilan.

Dalam perkembangan berkaitan, Pemuda AMANAH mengucapkan 'syabas' kepada Umno kerana mengangap



Mohd Sany Hamzan

penyertaan kembali Mat Taib ke pangkuan parti itu sebagai 'agenda besar' sehingga terpaksa membuat sidang media tergepar yang dihadiri ahli-ahli majlis tertinggi parti itu.

Malah pemangku Timbalan Presiden Umno Datuk Seri

Ahmad Zahid Hamidi terpaksa memendekkan lawatannya ke Perlis bagi menghadiri sidang media di Ibu Pejabat Umno di PWTC.

"Rakyat sudah pasti sangat kecewa dengan tindakan Perdana Menteri yang telah menimbulkan persoalan yang menjadi perhatian umum sedangkan ia hanyalah satu pengumuman biasa dan tidak memberi manfaat atau faedah kepada rakyat.

"Kami yakin rakyat telah meletakkan azam dan iltizam untuk membuat perubahan dalam PRU14 nanti sekalipun Najib beranggapan kemasukan semula Mat Taib akan memberi impak besar kepada BN," katanya.

Adakah Najib akan saman Newsweek kerana digelar 'crook'?

KUALA LUMPUR: Adakah Datuk Seri Najib Razak hanya berdiam diri selepas bekas pengerusi Bank Dunia, Paul Wolfowitz dalam tulisannya di majalah Newsweek menggelarkan beliau sebagai 'crook' (penyangak).

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang berkata, ini adalah pertama kali dalam tempoh 60 tahun Perdana Menteri Malaysia digelar sebagai 'crook' oleh pemimpin dan majalah antarabangsa.

"Adakah Najib akan terus berdiam diri atau menyaman atau mempertahankan maruah dirinya dan negara dengan mengambil tindakan undang-undang terhadap Wolfowitz dan Newsweek kerana menggelarnya 'crook'?" soal Kit Siang dalam satu kenyataan.

Katanya, dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini Najib telah digelar kleptokrat, MO1 dan kini 'crook'.

Dalam perkembangan berkaitan, Kit Siang menyifatkan kenyataan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Mohd Irwan Serigar bahawa pembelian pesawat Boeing dan pelaburan wang KWSP di Amerika Syarikat tiada kena mengena dengan memperkasakan ekonomi Amerika Syarikat sebagai "merendahkan kebolehan Najib".

Irwan dalam satu kenyataan berkata, dakwaan sesetengah pihak bahawa Najib mahu membantu ekonomi Amerika Syarikat adalah tidak berasas.

"Adakah Najib akan membuat kenyataan bahawa dia telah tersalah petik dalam transkrip yang telah disediakan oleh Rumah Putih dan dia tidak pernah berkata sebagaimana yang ditulis dalam transkrip itu," tanya Kit Siang lagi.

Beliau percaya, pengiring Najib mempunyai rakaman juga dalam pertemuan lima minit dan 58 saat itu.

"Bilakah agaknya Najib akan menjemput mana-mana pihak yang berminat untuk mendengar sendiri rakaman perbualan Najib dan Trump di Rumah Putih pada 12 September itu," tanya Kit Siang.

MTUC bantah labur wang KWSP di Amerika

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu kerajaan menimbang semula cadangan pelaburan dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi mengukuhkan ekonomi Amerika Syarikat (AS).

Setiausaha Agungnya J Solomon berkata, kesatuan sekerja itu memandangkan berat langkah kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk melabur US\$4 bilion dari dana caruman

pekerja-pekerja Malaysia ke AS.

Komitmen itu, tegas Solomon tidak menggambarkan pendekatan positif kerajaan apabila mempertaruhkan dana pekerja untuk mengukuhkan ekonomi negara kuasa besar itu terutama apabila terdapat keperluan untuk mengukuh ekonomi negara sendiri.

"Dalam iklim ekonomi global kita tidak menolak atau mempertikaikan kerajaan memasuki pakatan perdagangan

antarabangsa, tetapi sebelum bertindak begitu, kerajaan tidak boleh mengabaikan keutamaannya terhadap rakyat sendiri terutama kebajikan pekerja dan menguruskan wang yang dimiliki oleh pekerja.

"(Dana) KWSP milik pekerja dan ia harus dilaburkan untuk meningkatkan kebajikan pekerja agar tidak melabur dalam pasaran ekuiti AS untuk membantu infrastruktur dan pembangunan semula AS," ujarnya.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

20 PAX JEMAAH 1 FREE
*Tertakluk Terma & Syarat



Malaysia @ Setaraf

UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

UMRAH BIASA HARGA DARI RM4,890 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

OPERATING PARTNER
NASHWAN

YURAN RM200

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-16

TARIKH: 25-26 OGOS 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: KOTA BHARU, KELANTAN

UST OSMAN
019-9808538

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-17

TARIKH: 15-16 SEP 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: NASUHA RESORT HERB PAGO, MUAR, JOHOR

HJ KAMAR
019-7763300

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-18

TARIKH: 16-17 SEP 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: KUANTAN, PAHANG

HJ YUSUF
016-9875115

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-19

TARIKH: 19-20 SEPT 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: SELANGOR

SHAFIQ
013-2159264

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-20

TARIKH: 21-22 SEP 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: KOTA KINABALU, SABAH

HJ AWANG ADI
016-7796889

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-21

TARIKH: 22-23 SEPT 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: ALOR SETAR, KEDAH

UST FITRI
013-7410321

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-22

TARIKH: 23-24 SEP 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: PUSAT DAKWAH ISLAMIAH, PAROL, N. SEMBILAN

HJ RAZAK AMIT
017-3272205

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-23

TARIKH: 03-04 NOV 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: SAVANNA HILL RESORT, ULU TIRAM, JOHOR

USTZH ROPINAH
013-7702810

NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,090
12 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,990
16 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,090
21 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
22 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,790
23 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
25 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
26 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,890
28 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
30 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,990

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
02 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
04 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
05 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
07 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
09 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
11 DIS	JHB/MED/JED/JHB	5,890
12 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
14 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
16 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
17 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
20 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
21 DIS	JHB/MED/JED/JHB	5,890
23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
24 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
26 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
27 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,590
30 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,390
31 DIS	JHB/JED/MED/JHB	5,590

JANUARI (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
03 JAN	KUL/JED/OPEN JAW	4,790
05 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
06 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
07 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
09 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
11 JAN	JHB/JED/MED/JHB	4,990
13 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
17 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
21 JAN	JHB/MED/JED/JHB	5,190
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
26 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
27 JAN	KUL/MED/OPEN JAW	4,990
28 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
31 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

PERAK	NEGERI SEMBILAN	SELANGOR	MELAKA	KEDAH	KELANTAN	PPINANG	PAHANG	JOHOR	SERAWAK	SABAH
EN FAIZUL 012-568 1150	HJ RAZAK AMIT 017-327 2205	HJ NORSHAM 011-3231 4248	HJ RAZAK OMAR 012-310 8464	UST FITRI / HJ AZIZAN 04-4480709 011-4066 0800 / 013-741 0321	CIKGU NASIR 013-906 5903	UST LATIF 019-510 0255	HJ YUSUF 016-987 5115	HJ KAMAR 019-776 3300	HJ IBRAHIM 013-823 5841	HJ AWANG ADI 013-559 8889

SELANGOR	Wakil Daerah	SABAH	Wakil Daerah	KELANTAN	Wakil Daerah	SIMPANG LIMA/SEMERAH EN MASUD	012-739 8477
BATU CAVES HJ NOORDIN AMPANG MOHD ROZAIRIZAL AMPANG HJH CONNIE AMPANG HJH ROSNANI GOMBAK USTAZ ZUL FEKAR KLANG HAJAH FADILAH GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE BATANG KALI USTAZ ANAS SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT KLANG HJ MUSTAFAR BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA BANGI HJ MOHD JAJOLI SHAH ALAM HJ HASSAN HULU KELANG HJ ROZALI SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL BANGI HJH NORIBAH HULU SELANGOR NORAISHAH SERENDAH RADZIAH MD ISA	012-640 3144 013-364 6452 017-681 2727 019-256 0478 013-607 7722 011-3550 0615 019-277 7070 019-225 0189 019-332 6002 012-350 5437 012-235 8640 019-359 6423 019-221 2962 019-250 1210 019-214 0246 019-234 1922 012-222 8958 019-567 2254	SABAH HAJI RAMLI BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE WIP LABUAN EN ZULKIFLI KINABATANGAN MOHD JEFRI KUNAK ENCIK KASMAN TAWAU MUHAMMAD TALFIQURRAHMAN SANDAKAN ENCIK SAHAR KUNDAN ARRACHIM BIN LAJAKAYA SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH ZAN BELURAN AWANG DAMIT TARANAN & KB MASIN BIN MION BALONG HJH ROSNAH	019-589 3194 019-883 4852 013-558 9894 014-504 1963 011-5166 5530 014-865 5683 017-647 1594 019-803 0104 013-893 6806 019-823 1419 013-286 8839 010-510 7871 019-808 3885	BAHAU UST ZUBIR NILAI YAHYA OTHMAN GEMAS RIZAL KEMIS TELOK KEMANG ABD RAHMAN RASAH AZMAL SEREMBAN UBAIDAH JELEBU HJ MAZIN	019-980 8538 013-972 9304 019-989 9028 017-237 2387 012-951 8172 019-915 5666	INDAUFURA EN. AHMAD SAHRIL PASIR GUDANG EN. AMBOK SULO KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH KOTA TINGGI HJ. SAHRONI PT. SAHU/TKG. PECAH EN. KASRIM PARIT RAJA EN. MAIROP KULAI/ULU TIRAM PN. ROPINAH SIMPANG RENGGAH AZREEN KLUANG HJ. SHAMSUDIN BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF MUAR HJ. WAGIMAN KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM SIMPANG RENGGAH ABD WAHAB MAH ULU TIRAM HJ. MARJONI MAJIDEEN HJH SUKARTINI PLENTONG MUHAMMAD ALI BANDAR BARU LUDA PN. SITI MUTIAH SETIA INDAH HASNIZAN PASIR RAJA EN. SULAIMAN TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD PARIT RAJA MOHD ZAINOL PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI TAMAN PUTERI USTZH NORAMAHAINI KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS	018-577 8898 019-776 3345 013-749 4432 019-797 2464 013-750 1889 017-712 3556 013-770 2810 019-777 0075 019-715 1764 019-792 6047 013-700 0454 019-720 0536 016-717 9098 013-754 6044 013-716 4114 019-709 1148 019-313 2274 016-707 2307 011-1273 7991 016-751 6565 013-722 4568 019-778 4487 019-728 2233 019-728 3783 019-374 4393

**HOTEL MEKAH : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTD @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m) VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).
Tambahkan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing
Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

Rintihan jiran pelajar tahfiz yang terbakar

'Kami rindukan senyum simpul mereka'

Oleh ARIF ATAN

Tiada lagi senyum simpul mereka di tepi meja jualannya seperti mana petang sebelum ini. Lenyap sudah riuh ketawa mereka bermain di Taman Tasik Datuk Keramat sebaik selepas menunaikan sembahyang Asar.

Lama peniaga makanan ringan, Salasiah Kamaruddin merenung ke arah tingkat tiga Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiah yang hangus dengan hanya baki jeriji dan rangka katil besi masih dapat jelas dilihat.

"Saya betul-betul terperanjat bila dengar mereka yang saya kenal sudah terkorban. Padahal, dua hari sebelum kebakaran itu, elok saja mereka membeli air milo dan 'jajan' yang saya jual," ujarnya.

Ditemui di Jalan Keramat Ujung menjelang senja itu, Salasiah, 59, tidak menyangka ketenangan beberapa murid tahfiz itu menanti giliran dilayan rupa-rupanya peluang terakhir untuk bertemu mereka.

"Tengok (rangka besi) katil-katil itu. Tak dapatlah saya bayangkan azabnya ditelan api," tambahnya lagi serentak menitikkan air mata sambil menuding jari ke arah aras atas bangunan berwarna kuning yang menempatkan asrama penginapan murid dan warden itu.

"Mereka ini setiap petang Rabu dilepaskan main di taman tapi hari itu Selasa pula mereka dibenarkan bermain. Mereka budak baik-baik. Bagus hormat pada kita. Tidak cakap banyak.

"Kalau nak (beli) air, boleh sabar tunggu saya nak ambil duit. Ada yang suka makan sengkuang calit, keropok. Kalau beli roti pula banyak-banyak. 'Kedai jauh, makcik', kata mereka. Pukul 6 (pet-



Yang tinggal hanya jeriji besi yang menghalang kanak-kanak ini menyelamatkan diri.

ang) lebih, (mereka) balikkah," ceritanya dalam keadaan sebak.

Ibu kepada empat anak yang tinggal di Kampung Datuk Keramat lebih 40 tahun itu menganggap kesemua murid pusat tahfiz itu yang ada antaranya adik-beradik tidak ubah seperti anak dan cucunya sendiri.

"Saya kenal muka-muka mereka semua. Sudah macam anak, cucu sendiri. Ustaz-ustaz mereka pun saya kenal sampai mak ayah keluarga mereka pun saya boleh tahu.

"(Antaranya) Harris, Asyraf dari yang umur enam tahun sampai belasan tahun," katanya.

Sehubungan itu, Salasiah yang berasal dari Kuala Kangsar menggesa supaya pihak pentadbir pusat tahfiz dan badan berwajib menitikberatkan aspek keselamatan bangunan termasuk memiliki Sijil Kelayakan Menduduki (CF).

"Kita semua kena bagi perhatian buat pusat tahfiz yang sah. Pihak kerajaan kena turun 'check'. Macam ini (Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiah) belum sah lagi. Tiada CF. Baru duduk beberapa bulan saja," ujarnya.

Nenek kepada enam cucu itu juga berharap pihak berkuasa menyiasat kes kebakaran menjelang Subuh Khamis lalu dan mengheret mereka yang bertanggungjawab demi keadilan buat 'anak-anak syurga' terbabat.

sambil menuding jari ke arah aras atas bangunan berwarna kuning yang menempatkan asrama penginapan murid dan warden itu.

Tinjauan beberapa hari selepas tragedi itu di lokasi mendapati orang ramai termasuk dari luar Lembah Klang berkunjung untuk melihat sendiri bangunan yang menyaksikan 21 murid dan dua guru maut akibat terperangkap dalam kebakaran tragis itu.

Rata-rata pengunjung ditemui berpendapat jumlah korban mungkin boleh diminimumkan jika pihak pentadbir pusat tahfiz mematuhi aspek keselamatan walaupun dikatakan hanya sementara dan berlaku akibat perbuatan khianat.

Siasatan awal pihak forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sejurus kejadian merumuskan punca 23 penghuni pusat tahfiz itu terperangkap disebabkan pemasangan jeriji tingkap di tingkat tiga, laluan terhalang dan susunan katil yang menyukarkan mangsa menyelamatkan diri.

"Tengok (rangka besi) katil-katil itu. Tak dapatlah saya bayangkan azabnya ditelan api," tambahnya lagi serentak menitikkan air mata



Salasiah Kamaruddin di perkarangan bangunan pusat tahfiz Kampung Datuk Keramat.



Wan Azizah membacakan Yaasin untuk anak-anak tahfiz yang menjadi mangsa.



Jalan Keramat Ujung di ibu negara terus menerima kunjungan orang ramai yang ingin melihat kesan tragedi yang menggemparkan.

Lawatan Najib muka tebal tahap tertinggi

MESKIPUN strategi dan taktik politik telah menjadi lumrah dalam budaya politik di Malaysia tetapi politik yang keterlaluan sarat propagandanya mengundang kebencian dan kemuakkan. Ia tambah buruk jika rakyat diperdayakan dan terus dibebankan.

Itulah yang berlaku kepada lawatan Datuk Seri Najib Razak ke Amerika Syarikat baru-baru ini, kata Ketua Penerangan PKR, Syed Ibrahim Syed Noh.

"Jika semuanya dilakukan berlebihan-lebihan atau untuk tujuan sempit selain daripada yang digambarkan, maka bukan sahaja ia disindir atau dipermainkan bahkan tak kurang yang menyampah," katanya.

Bagi beliau, lawatan ini bolehlah "dikatakan muka tebal tahap tertinggi!"

"Tiada sesiapa yang boleh mencabar tahap ketebalan muka Datuk Seri Najib dalam hal ini.

"Barangkali kerana itulah beliau berbangga dengan pencapaian itu dan menyebutnya dalam ucapan sebaik kembali ke tanah air," katanya.

Media di Amerika pula membuat pelbagai laporan yang memburukkan lawatannya.

The New York Times umpamanya mengeluarkan berita bertajuk "Malaysian Leader in Billion-Dollar Scandal Is Invited to White House" (Pemimpin Malaysia Yang Terlibat Skandal Berbilion Dolar di Jemput ke Rumah Putih).

The Washington Post pula menyebutkan "Trump's

hosting of Malaysia's prime minister marks another setback for the rule of law" (Trump sebagai tuan rumah kepada Perdana Menteri Malaysia menandakan satu kemunduran kepada kedaulatan undang-undang).

Di sebalik laporan dan persepsi negatif begini, apakah mahar yang terpaksa dibayar untuk rancangan hebat Datuk Seri Najib ini tetap menjadi kenyataan?

Pertama, Datuk Seri Najib telah berkemungkinan besar membayar pelobi berjuta ringgit untuk memastikan boleh bertemu dengan Presiden Trump.

Kedua, sebagai timbal balik untuk berlakunya pertemuan tersebut dan tidak membangkitkan isu skandal 1MDB, sudah tentu AS juga ingin menuntut atau mengendang manfaat kepadanya.

"Jika ditonton video perjumpaan Trump dan Datuk



Seri Najib, maka dapat dilihat dan didengar secara jelas bahawa Datuk Seri Najib seolah-olah membawa ufti atau hadiah untuk dipersembahkan," kata Syed Ibrahim.

Tiga syor yang dijanjikan oleh Datuk Seri Najib ialah:

(i) pembelian pesawat-pesawat baru Boeing oleh MAS dan memujuk AirAsia membeli enjin General Electric (GE) untuk pesawat AirAsia,

(ii) mengarahkan KWSP membawa masuk wang sehingga RM16 bilion untuk membiayai pembangunan prasarana di AS dan

(iii) menambah lagi pelaburan Khazanah di AS dari jumlah RM1.6 bilion yang sedia ada.

"Semua perkara yang dibincangkan melibatkan wang rakyat Malaysia yang akan dibawa dan dilabur ke AS serta membiayai projek-projek prasarana di AS. Tidak disentuh soal AS melabur di Malaysia," katanya.

Dalam keadaan rakyat Malaysia terpaksa menanggung beban cukai GST atau cukai pendapatan dan kos sara hidup yang tinggi akibat kenaikan harga barang, syor Datuk Seri Najib untuk membantu mengukuhkan ekonomi AS dengan menggunakan wang rakyat Malaysia amatlah menjelekkan.

Selain itu, penginapan Najib dan keluarga di Trump Tower, New York.

"Berapa kos sewaan keseluruhannya dan siapa yang



menanggung kos itu?" soal Rafizi sebagaimana dipetik Syed Ibrahim.

Menurut Rafizi, hasil daripada semakannya, sewa kondominium mewah di Trump Tower ini bermula pada harga USD6,000 (atau RM25,000) semalam bagi kondominium satu katil dan USD9,000 (atau RM37,000) semalam bagi kondominium dua katil.

Di samping itu, Rafizi mendakwa delegasi Malaysia ke AS turut disertai oleh seorang individu bernama Roslan Sohari yang pernah dikenal pasti bertanggungjawab memasukkan sejumlah RM2 juta ke akaun peribadi Datin Seri Rosmah.

"Kenapa Roslan Sohari menyertai delegasi ini sehingga sebuah limosin ditempah khusus untuk beliau?" soal Rafizi.

Bunga mas Najib kepada Amerika rugikan Malaysia

Oleh **LIEW CHIN TONG**

PERDANA Menteri Najib Razak cuba berhujah bahawa lawatannya ke Rumah Putih adalah satu kejayaan dan ekonomi Malaysia berada dalam keadaan yang baik. Bagaimanapun, hujah beliau tidak dipersejutujui oleh kebanyakan rakyat Malaysia.

Di sebalik semua ini adalah mentaliti Najib bahawa "Cash is King" atau "wang adalah segala-galanya" serta kegagalan Najib untuk memahami realiti ekonomi rakyat Malaysia hari ini.

Najib tidak tahu cara lain mentadbir dan memimpin negara selain menawarkan wang dan ganjaran untuk mendapatkan apa yang dia mahu. Masalahnya, ia bukan wang beliau tapi wang rakyat Malaysia yang membayar cukai.

Hal ini dilanjutkan oleh Najib sehingga ke peringkat antarabangsa dengan menawarkan kepada Presiden Donald Trump untuk "membantu mengukuhkan ekonomi AS", tindakan yang membuat ramai rakyat biasa Malaysia bengang.

Najib enggan memahami bahawa rakyat Malaysia terjejas akibat kesan keseluruhan daripada pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang mula dilaksanakan sejak April 2015, kejatuhan 30 peratus nilai ringgit sejak Oktober 2014, dan pemansuhan subsidi perkhidmatan asas seperti kesihatan sejak pilihanraya umum 2013.

Bagi kebanyakan rakyat biasa, apa yang digelar Najibomics hanya bererti kesusahan. Namun, segala keluhan yang dikemukakan sejak 2015 diabaikan oleh Najib dan Kabinet beliau.

Keluhan masyarakat umum terhadap tawaran bunga mas Najib di Rumah Putih dapat didengar daripada pelbagai lapisan dan kaum. Keluhan itu perlu difahami dari konteks kebimbangan dan kepayahan ekonomi yang dihadapi golongan biasa di Malaysia.

Jangan kita lupa bahawa bunga mas adalah ufti sebagai tanda tunduk dan patuh, yang selalunya diberikan oleh negara kecil kepada kuasa besar untuk mendapatkan perlindungan.

Harga yang perlu dibayar oleh negara kecil termasuklah bersetuju dengan dasar-dasar kuasa besar selain menghantar bantuan kenteraan dalam peperangan yang melibatkan kuasa besar itu.

Bunga mas adalah sebahagian daripada sejarah negara kita. Hari ini kita sudah merdeka.

Malangnya, tiga tawaran Najib ketika menemui Presiden Trump – AS\$10 bilion untuk pembelian kapal terbang Boeing, pelaburan AS\$4 bilion Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam infrastuktur AS (selain pelaburan AS\$7 bilion sedia ada) dan peningkatan pelaburan Khazanah Nasional di Silicon Valley, California – lebih banyak membantu AS berbanding memberi manfaat kepada Malaysia.

PERTAMA, industri penerbangan di seluruh dunia berhadapan dengan situasi perniagaan yang mencabar dengan saingan sengit. Tidak banyak syarikat penerbangan yang melabur dalam pembelian kapal terbang baru kerana mereka mahu mengelak terbeban dalam memastikan hasil pendapatan lebih tinggi di masa depan dan hutang yang berlebihan.

Selain itu, Malaysia Airlines (MAS) tidak membuat keuntungan besar untuk bersedia terlibat dalam pelaburan semula yang tinggi seperti itu. MAS hari ini tidak sama dengan MAS yang dulu. MAS yang wujud hari ini adalah hasil penstrukturan semula pada 2015 oleh Khazanah dengan suntikan modal RM6 bilion. Salah satu tujuan penstrukturan semula itu adalah untuk memberhentikan kerja 6,000 kakitangan warga Malaysia.

Kini Najib membantu Boeing, sebuah syarikat Amerika, untuk membayar gaji kakitangan mereka melalui urus niaga

yang melibatkan dana yang besar. MAS semestinya tidak mampu membayar urus niaga dengan Boeing itu. Jadi siapa yang akan bayar? Adakah duit cukai rakyat Malaysia yang disalurkan melalui kerajaan atau Khazanah Nasional Berhad?

KEDUA, Najib berhujah bahawa pelaburan KWSP dan Khazanah dalam pasaran asing adalah untuk menjana pendapatan dari luar kerana pendapatan dalam negara terlalu rendah.

Kita mungkin tidak boleh menyalahkan pengurus-pengurus GLC dan GLIC kerana memilih melabur di luar negara untuk mencapai KPI mereka dalam menjana pulangan modal. Namun, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Kewangan untuk mengukuhkan ekonomi domestik.

Jika pakar strategi pelaburan kerajaan sendiri mendapati bahawa melabur di Malaysia tidak memberi pulangan, apa alasan pelabur asing mahu melabur di negara kita? Inilah masalah ekonomi Malaysia; pertumbuhan yang perlahan dan prospek yang suram, perspektif yang turut dipersejutujui entiti pelaburan kerajaan sendiri.

Pada 2009, KWSP mempunyai enam peratus pelaburan antarabangsa namun jumlah itu meningkat kepada 20 hingga 24 peratus tiga atau empat tahun kemudian. Kini ia menghampiri 30 peratus (ketika ini berada pada kadar 29 peratus), sementara KWSP pula bakal meningkatkan lagi jumlah keseluruhan.

Sementara pelaburan luar negara berada pada kadar 29 peratus, ia menjana 39% pulangan kasar pelaburan KWSP (sumber: *The Star*, 21 Februari 2017). 44 peratus portfolio pelaburan Khazanah merangkumi aset luar negara pada 2015. Sedekad sebelum itu, pelaburan luar hampir tidak wujud.

KETIGA, bagi rakyat Malaysia yang harus melangsungkan kehidupan dengan bekerja di Singapura, malah ada yang bekerja tanpa visa di luar negara, sangat

menyakinkan hati apabila Najib mahu membantu mengukuhkan ekonomi Amerika berbanding negara sendiri.

Lima tahun lalu, lebih kurang 200,000 rakyat Malaysia menyeberang Tambak Johor setiap hari untuk bekerja di Singapura. Hari ini, jumlah itu meningkat kepada 300,000. Kerajaan Najib telah mengecewakan mereka.

Kita seharusnya melabur dalam bidang-bidang baru yang lebih berpotensi, terutama di sektor teknologi tinggi agar masa depan generasi muda Malaysia lebih terjamin. Bunga mas Najib kepada AS hanya menjejaskan lagi nilai ringgit dan menambah kesukaran kepada generasi

muda Malaysia untuk tinggal dan memiliki pekerjaan di tanah air pada masa depan.

Najib membayangkan lawatannya ke AS sebagai kejayaan. Hal ini tidak benar dan kebanyakan rakyat Malaysia tahu kenapa. "Cash is King" tidak sentiasa berkesan, dan jika rakyat menderita ia boleh dilihat sebagai penghinaan kepada mereka. Kegagalan Najib memahami realiti ekonomi rakyat biasa Malaysia akan jadi punca kejatuhan beliau.

■ **Ucapan Pengerusi DAP Johor yang juga Ahli Parlimen Kluang di Forum Kedai Kopi pada 16 September 2017 di Bukit Bakri, Muar, Johor.**

PROMOSI PANAS!!

KOMBO BUKU
POLITIKAL ISLAM

SATU HARGA 3 BUKU
HANYA RM 80

TEMPAH
SEGERA!!
APA
ANDA
TUNGGU
LAGI??

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
01132334322 (EN HAKIM)

Siapa **biayai** kos rombongan keluarga PM ke New York?

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Banyak perkara menarik didedahkan ekoran kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ke Amerika Syarikat untuk bertemu presiden Donald Trump, antaranya penginapan ahli rombongan beliau di Menara Trump, New York.

Menara Trump atau Trump Tower bukanlah sebuah hotel tetapi menawarkan kondominium mewah yang boleh disewa atau dibeli.

Carian dilakukan Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mendapati sewa kondominium mewah di Trump Tower bermula pada harga USD6,000 (RM25,000) semalam bagi kondominium satu katil dan USD9,000 (RM37,000) semalam bagi kondominium dua katil.

Trump Tower juga, ujar Rafizi terletak berhampiran gedung-

gedung membeli belah mewah yang terkenal di New York seperti Bergdorf Goodman dan Tiffany's.

Malah beliau dberitahu, pertemuan di antara keluarga Najib dan Presiden Trump diadakan di Trump Tower.

"Dalam keadaan Trump Tower menawarkan kondominium mewah yang sesuai bagi keluarga dan membolehkan apa-apa pertemuan berlaku tanpa tumpuan media Amerika Syarikat, tiadanya penafian atau kenyataan menguatkan lagi kredibiliti maklumat yang diberikan oleh sumber sulit itu mengenai pertemuan di antara keluarga Datuk Seri Najib dan Presiden Trump," ujar Rafizi.

Beliau turut mendedahkan kehadiran seorang individu yang dikenal pasti pernah memasukkan sejumlah RM2 juta ke akaun peribadi isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah di dalam delegasi Malaysia itu. Individu bernama Roslan Sohari itu,



Menara Trump di New York.

ujar Rafizi pernah dikaitkan dengan siasatan oleh Jawatankuasa Khas Siasatan 1MDB pada 2015.

Sehubungan itu beliau menuntut Perdana Menteri mengesahkan mengenai pertemuan peribadi di

antara keluarga beliau dan Rosmah dengan Presiden Trump di Trump Tower; mengesahkan sama ada satu kondominium mewah telah disewa di Trump Tower bagi tujuan itu dan berapa kos sewaan keseluruhannya dan siapa yang menanggung kos itu; mengesahkan siapa lagi ahli keluarga beliau dan Rosmah yang ikut serta; siapa yang menanggung keseluruhan kos lawatan ahli keluarga Najib dan Rosmah; dan kenapa Roslan Sohari menyertai delegasi ini sehingga sebuah limosin ditempah khusus untuk beliau.

"Saya pasti timbulnya kembali individu bernama Roslan Sohari ini membolehkan rakyat membuka kembali kes bagaimana RM2 juta wang tunai dimasukkan ke akaun Datin Seri Rosmah yang belum mendapat sebarang penjelasan memuaskan dari Datuk Seri Najib dan Datin Seri Rosmah," katanya.

Fokus masalah ekonomi rakyat, pinta Anwar

KUALA LUMPUR: Ketua Umum Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa gabungan politik itu untuk memberi fokus terhadap masalah-masalah ekonomi yang dihadapi rakyat akibat peningkatan harga minyak petrol dan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) di samping perjuangan menentang salah urus tadbir dan rasuah pentadbiran BN.

Dalam satu kenyataan media baru-baru ini, Anwar kesal kerana kerajaan BN pimpinan Datuk Seri

Najib Razak terus menerus menafikan bebanan ditanggung rakyat akibat pelaksanaan GST.

"Saya cukup prihatin dan risau akan nasib rakyat dengan peningkatan harga barang, harga minyak dan kesan negatif skim GST.

"Ketiga-tiga perkara ini telah menambahkan pelbagai tekanan dan beban rakyat Malaysia, yang seharusnya menerima nasib yang lebih baik dari apa yang ada sekarang," katanya.

Anwar yang kini menjalani

hukuman di Penjara Sungai Buloh kecewa dengan sikap pemimpin kerajaan kerana menafikan dasar-dasar yang dilaksanakan mendatangkan kesan buruk kepada rakyat.

"Kerajaan terus menafikan keadaan sebenar yang dialami rakyat, dan media arus perdana yang dimiliki kerajaan terus diperguna untuk 'mengolah persetujuan' rakyat," ujarnya.

Pas anggap PRU14 'perang ahzab' lawan BN dan PH

SANDAKAN: Pas menganggap Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang sebagai satu 'perang ahzab' kerana parti itu terpaksa berdepan dengan gabungan parti-parti lain.

"Kali ini kita akan berdepan dengan dua kumpulan -- BN dan Pakatan Harapan," kata Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak dalam parti itu bersedia untuk menghadapi pelbagai fitnah.

"Kita jangka PRU14 akan sangat sengit... tidak sama dengan sebelum ini.

"Pas akan hadapi PRU14 dengan

kemuncak gelombang fitnah dari media sosial yang luar biasa," kata beliau ketika memberikan ucapan di majlis Makan Malam Amal di Putatan, Sabah, baru-baru ini.

Beliau yakin, ketika kempen pilihan raya berlangsung kenyataan pemimpin parti itu dan aktiviti parti akan diputarbelitkan.

Malah Pas dan Gagasan Sejahtera yang dianggotai Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan) katanya, akan 'diserang' BN dan Pakatan Harapan.

"Pimpinan, ahli kita semua kena bersedia," katanya dalam ucapan di Dewan Tadika Chi Hwa, Sandakan itu.

Gesa tutup sekolah tahfiz tidak wajar, kata DAP

GEORGE TOWN: DAP menyifatkan tuntutan sesetengah pihak agar kerajaan menutup Maahad Tahfiz yang tidak berdaftar ekoran tragedi di Maahad Tahfiz Ittifaqiyah, Kuala Lumpur sebagai tidak wajar.

Menurut Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari banyak pihak kini meminta pihak berkuasa untuk menutup sekolah-sekolah tahfiz ini.

"Bagi pihak DAP, tuntutan sedemikian adalah keterlaluan dan tidak wajar," katanya.

Zairil mengulas kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur pada 14 September yang meragut 21 nyawa pelajar dan dua guru.

Katanya, seluruh negara berkabung

di atas tragedi yang berlaku diambang sambutan Hari Malaysia pada 16 September.

Katanya, sistem persekolahan tradisi di seluruh Nusantara seperti sekolah pondok, madrasah atau pesantren di Indonesia mempunyai sejarah yang lama dan masyhur dalam mendidik manusia menjadi insan yang beradab, bertanggungjawab dan berbudi pekerti luhur.

Bagi beliau, kebanyakan maahad tahfiz dan madrasah di Malaysia menanggung tanggung jawab penting ini demi tuntutan agama dan tradisi masyarakat.

Namun demikian, katanya sudah tentu infrastruktur yang dibina dengan dana kewangan yang terhad akan

mempunyai pelbagai kelemahan, termasuk dari segi persediaan menghadapi kebakaran.

"Jika mengikut piawai binaan bangunan, sudah tentu banyak sekolah ini akan gagal pemeriksaan bomba.

"Justeru adalah menjadi tanggung jawab bersama pihak berkuasa serta pihak pengurusan semua sekolah tradisi untuk memastikan keselamatan bangunan mereka, khususnya yang diperbuat daripada kayu," katanya.

Beliau mencadangkan beberapa langkah yang wajar diambil antaranya laluan keluar tambahan harus dibina pada bangunan bertingkat mengikut keperluan bomba; penyediaan pengesan asap dan alat pemadam api; latihan kebakaran yang dibuat

secara berkala; penyelenggaraan pengesan asap dan alat pemadam api dilakukan dengan bersistem; dan perancangan jangka masa panjang bagi menaik taraf bangunan kayu kepada bangunan batu atau sekurang-kurangnya dengan membina dinding kebakaran (fire wall) untuk mengasingkan kelas dan bilik asrama. Namun, katanya piawaian ini tidak mempunyai erti tanpa pemantauan dan penguatkuasaan.

Menurut Zairil, walaupun setiap bangunan telah disyaratkan memiliki aspek keselamatan asas sebelum diberi kebenaran untuk diduduki, namun aspek penguatkuasaan yang lemah telah meningkatkan risiko terjadinya peristiwa yang tidak diingini.

"Lebih penting lagi isu keselamatan ini bukan hanya melibatkan bangunan sekolah maahad tahfiz sahaja, malahan juga bangunan milik persendirian hata milik kerajaan n khususnya bangunan lama, tradisi dan yang memiliki elemen sejarah," tambah beliau.

Katanya, bahaya fizikal yang dihadapi oleh bangunan-bangunan ini bukan hanya daripada ancaman kebakaran malahan juga keteguhan binaan.

"Kita tidak asing lagi dengan berita bangunan sekolah yang runtuh dan rosak, meskipun baru dibina.

"Bagi mengelakkan tragedi pada masa depan, kerjasama semua pihak diperlukan untuk menjadikan keselamatan satu keutamaan," katanya.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM

Cabaran mendepani tuntutan bersilang masyarakat majmuk

DENGAN teretusnya isu 'Better Beer Festival', sekali lagi rakyat di negara berbilang kaum, agama dan budaya ini berdepan dengan masalah yang bersilang kepentingan dan berlawanan tuntutan.

Situasi pertentangan atau konflik seperti ini adalah antara ciri yang kerap tampil dari semasa ke semasa, sekaligus menggugat keharmonian antara kaum dan budaya serta kecurigaan antara penganut agama dan kepercayaan, khasnya yang melibatkan golongan minoriti non-Muslim dalam sebuah negara majoriti Muslim.

Parti Amanah Negara, sebuah organisasi politik yang berpaksikan Islam dengan pendekatan yang progresif dan inklusif, terpenggil berkongsi pendirian dan advokasi polisi kami, buat mendamaikan kemelut antara pihak yang menyokong dan membantah. Bahkan, seluruh negara terbelah kepada dua kelompok, dengan tidak ramai yang mahu berkecuali.

Parti Amanah Negara yang mendakwa kewujudannya untuk mengangkat tujuan-tujuan tinggi Islam dan Syariat (Maqasid Syariah) serta menjadi 'solution provider', khususnya dalam pelbagai masalah rakyat dan negara. Kami mengajak semua mencari jalan penyelesaian sesuai dengan tuntutan kebijaksanaan disiplin ilmu Siyasyah Syar'iyah.

Parti Amanah Negara sebenarnya tidak perlu mengulang kedudukan Islam yang sangat keras mengharamkan arak (Al-Maidah:90-91). Kami juga amat sedar pihak penganjur, yang lebih bersifat komersial dan pengunjung, yang datang untuk 'merasa dan menilai'.

Namun atas dasar kewajipan, kami nyatakan secara tegas betapa arak amat memudharat-

kan kesihatan dan betapa 'penagihan arak' (alcoholism dan drunkenness), terbukti secara saintifik dan psiko-sosial, adalah antara ibu pelbagai jenayah, penyakit sosial dan dalam sesetengah kes, punca keruntuhan institusi famili.

Namun itu bukan pokok persoalannya. Kunci isunya adalah dalam masa Islam tidak menghalang bahkan mengiktiraf hak penganut agama lain dan golongan minoriti untuk minum arak, apakah langkah-langkah yang perlu dipatuhi pihak penganjur 'festival' atau 'pesta' ini.

Pastinya segala syarat penganjuran mesti diperjelaskan pihak DBKL sementara pihak penganjur mesti melaksanakan seluruhnya dengan penuh komplian dan kesungguhan.

Sayugia juga disebutkan bahawa dengan tidak memahami akan realiti penganjuran ini, akan mengakibatkan sesetengah pihak (seperti sebuah parti politik Islam baru-baru ini), yang menuntut supaya pihak penganjur menjamin orang awam tidak akan ada jenayah, seks bebas, rogol dan sebagainya. Mungkin ada pihak yang membayangkan pesta arak ini adalah seumpama 'Woodstock' dalam dekad 70-an dulu.

Seperkara lagi untuk perhatian semua, menjadi tidak menasabah untuk permohonan pihak penganjur ditolak DBKL dengan beralasan bahawa pihak penganjur mesti menangani 'sensitiviti politik' pihak yang menentang pesta ini.

Pastinya syarat seperti ini tidak akan mengizinkan apa jua penganjuran, oleh sama ada golongan minoriti mahupun majoriti, yang berpotensi menimbulkan dan mencetuskan

sensitiviti politik' kerana kriteria itu sukar diukur dan ditakrif secara tuntas dan muktamad.

Disamping syarat-syarat untuk menjaga kemaslahatan awam adalah merujuk kepada (Ahkam Ahli Dzimmah, Ibn Qayyim, ms 57) 'ijtihad' Khalifah Umar ibnul Khattab, iaitu penglibatan orang Muslim tidak diizinkan samasekali, samada menjual, membeli dan pastinya untuk terlibat sama dalam konsumsi arak.

Oleh itu hendaklah dijelaskan juga bahawa; Arak, jika bagi bukan Islam dibolehkan ikut agamanya, tiada siapa yang berhak menyekatnya dari sudut hak sebagai warganegara dalam kebebasan beragama (Artikel 3 dan 11, Perlembagaan Persekutuan).

Oleh kerana itu pihak penganjur 'Better Beer Festival' perlu memahami bahawa sebarang sekatan bukanlah menghalang hak bukan Islam dari meminum arak tetapi ianya adalah memastikan tidak terjejasnya ketenteraman dan kemaslahatan awam dalam waktu yang sama.

Parti Amanah Negara amat insaf akan isu yang berpotensi menggugat keutuhan rakyat di negara ini. Kami juga sedar akan putar-belit jahat pihak-pihak tertentu yang berkepentingan politik dengan kenyataan kami ini.

Sudah sampai waktunya, perjuangan politik Islam mampu untuk menyatakan kebenaran dan tuntutan bersilang seperti ini dengan keberanian ilmu dan garapan realiti sebenar masyarakat majmuk dalam rangka besar Siyasyah Syariah dan Maqasid As-Shariah.

Perlu ada komitmen yang jelas dan keberanian yang dipandu kebijaksanaan Ilmu, untuk mendepani segala tuntutan ber-



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

silang dan kepentingan yang berlawanan, khasnya dalam menjamin hak minoriti dalam negara majoriti Muslim.

Dengan segala rendah hatinya, Parti Amanah Negara mengajak para Ulama, Cendekiawan Islam, badan-badan bukan kerajaan Islam dan bukan Islam, termasuk pihak berwajib seperti JAKIM, supaya sama-sama bertanggungjawab menggembleng tenaga buat menyebarkan pencerahan dan kefahaman atas isu-isu bersilang seperti ini, dalam sebuah masyarakat majmuk.

Dengan pendekatan wacana ilmu dan seminar dsbnya, semoga impian kita untuk menyaksikan sebuah negara-bangsa yang utuh dan berpadu dengan hubungan antara kaum, agama dan budaya dibina di atas anjuran "Hubungan Li-Ta'arafu" akan dapat kita gapai bersama, merentasi fahaman politik kepartaian.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Bantu pusat tahfiz tepati keperluan infrastruktur dan keselamatan

Oleh **PEMUDA AMANAH PERAK**

PEMUDA AMANAH Negeri Perak merakam-Negeri Perak merakamkan ucapan takziah di atas kejadian kebakaran tragis yang menimpa Pusat Tahfiz Darul Quran Itti-faqiyah di Kuala Lumpur tempoh hari.

Kebakaran tersebut telah meragut 23 orang nyawa iaitu 21 pelajar dan dua orang guru.

Hasil siasatan mendapati kebakaran berpunca daripada perbuatan khianat akibat daripada ejek-mengejek antara tujuh suspek yang ditahan dan sekumpulan pelajar pusat tahfiz itu. Kami melahirkan rasa dukacita apabila mengetahui tentang punca kebakaran yang meragut anak-anak tahfiz yang tidak berdosa itu.

Ini sangat penting agar menjadi panduan kepada institusi-institusi lain terutama melibatkan para pelajar atau penuntut.

Dalam konteks negeri Perak, kami mendapati banyak pusat tahfiz yang dibina sama ada melalui Kerajaan Negeri mahupun pihak persendirian. Kerajaan Negeri Perak juga telah mengumumkan untuk membina enam buah sekolah tahfiz moden di Perak pada tahun 2015 namun kami tidak

“Biarpun insiden tragis tersebut dirancang oleh sekumpulan individu yang tidak bertanggungjawab, ramai yang mendapati aspek keselamatan pusat tahfiz itu juga perlu diambil iktibar.”

mengetahui sama ada kesemua rancangan pembinaan tersebut telah selesai sepenuhnya.

Percambahan pusat-pusat ilmu ini sangat disambut baik oleh Pemuda AMANAH dalam melahirkan generasi celik Al-Quran dan ber-pengatahuan luas dalam bidang agama Islam. Oleh yang demikian, kami mengharapkan kerajaan mempunyai perancangan khusus dan efsyen dalam mengurus pusat-pusat tahfiz khususnya pusat tahfiz yang dibina oleh pihak persendirian.

Antara lain, Kerajaan Negeri Perak perlu memastikan kesemua pusat tahfiz ini didaftarkan agar kesemua institusi itu menepati syarat dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ini sangat penting dalam menyelaraskan semua aspek termasuklah dari sudut pentadbiran mahupun silibus pembelajaran.

Kerajaan melalui agensi yang terbabit

perlu memastikan infrastruktur kesemua institusi ini menepati spesifikasi yang ditetapkan. Pihak yang terlibat termasuklah Jabatan Bomba dan Penyelamat perlulah memainkan peranan untuk memastikan aspek keselamatan berada di tahap yang sewajarnya selari dengan tahap keselamatan di institusi kerajaan yang telah diluluskan.

Kami juga mengharapkan beberapa agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri termasuklah Yayasan Kemajuan Islam Darul Ridzuan (KADIR) agar dapat menjalankan peranan mereka, bukan semata-mata mempromosikan program-program melibatkan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir semata-mata. Kami mendapati yayasan ini lebih memfokuskan kepada program yang bersifat 'one off' daripada memikirkan perancangan yang lebih besar dan bermanfaat.

Yayasan ini perlu lebih berperanan melalui dana yang disalurkan oleh pihak kerajaan kepada mereka dengan membantu institusi agama di negeri ini termasuklah pusat-pusat tahfiz. Penyaluran dana daripada pihak kerajaan serta mengurniaan aset kepada yayasan ini perlulah dinikmati oleh rakyat terutama umat Islam di negeri ini.

Pemuda AMANAH Negeri Perak komited dalam menyokong apa jua bentuk perancangan dan pelaksanaan yang memberikan manfaat kepada rakyat khususnya umat Islam di negeri ini. Semoga pusat-pusat ilmu terus subur seterusnya melahirkan generasi masa depan yang gemilang.

Menggalas Harapan Perubahan

#PemudaBekerja

Tetapkan piawaian bina maahad tahfiz

KUALA LUMPUR: Mana-mana pihak yang mahu membina institusi tahfiz mestilah betul-betul bertanggungjawab terhadap keselamatan pelajar, guru dan bangunan serta kualiti pembelajaran yang dikendalikan.

Institusi tahfiz yang hendak beroperasi juga mestilah melalui proses penguatkuasaan dan pemantauan yang telus dan berterusan.

Pihak berkuasa juga perlu menyediakan dana khusus dan mencukupi agar pusat-pusat tahfiz yang dibangunkan mampu menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Tiga cadangan di atas dikemukakan Biro Pendidikan Parti Amanah Negara ekoran kejadian kebakaran yang meragut 23 nyawa membabitkan sebuah maahad tahfiz di ibu negara, 14 September lalu.

"Parti Amanah Negara (AMA-



Dr Hasan Baharom

NAH) ingin merakamkan takziah dan rasa simpati yang amat mendalam kepada keluarga yang terlibat dalam musibah kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Kg Dato' Keramat yang telah mengorbankan 21 orang pelajar dan dua orang guru.

"AMANAH meminta agar keluarga mereka bersabar dan menemima ketentuan dari Allah SWT,"

ujar Pengerusi Biro Pendidikan AMANAH Dr Hasan Baharom dalam satu kenyataan media.

Dr Hasan menambah, AMANAH memandang serius musibah yang berlaku kerana ia bukanlah kejadian pertama melibatkan pusat pengajian tahfiz di negara ini.

"Justeru untuk mengelak musibah seperti ini berulang, AMANAH menggesa semua pihak yang

terlibat dalam proses pembangunan institusi tahfiz agar mengikut piawaian kualiti yang telah ditetapkan, supaya kejadian seperti itu tidak akan berulang," ujarnya.

Menurut Dr Hasan, meskipun usaha mendirikan institusi pengajian Islam seperti maahad tahfiz adalah usaha yang amat murni dan harus didokong semua pihak, namun ia mestilah mengikut piawaian dan perlu diteliti secara menyeluruh dari pelbagai aspek.

Dalam perkembangan berkaitan, Polis Kuala Lumpur mengesahkan Maahad Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah terbakar kerana perbuatan khianat.

Ekoran itu, tujuh remaja termasuk seorang kanak-kanak 12 tahun ditahan untuk membantu siasatan.

Ketua Polis Kuala Lumpur Amar Singh dalam sidang media 16 September lalu berkata, ia bermula apabila sekumpulan remaja bertengkar dengan pelajar tahfiz di

situ.

Beliau berkata, bahan pemudah terbakar telah digunakan oleh pihak terbabit untuk membakar pusat tahfiz itu.

Tujuh remaja berusia 15 hingga 18 tahun itu bersama seorang kanak-kanak berumur 12 tahun kini ditahan reman.

Mereka disiasat atas perbuatan membunuh di bawah Seksyen 302 Penal Kod dan Seksyen 435 kerana menyebabkan kebakaran.

Dalam kejadian awal pagi 14 September itu, 21 pelajar dan seorang guru terkorban apabila tingkat tiga bangunan sekolah tahfiz itu terbakar.

Siasatan awal bomba mendapati kebanyakan yang mati berada di tepi tingkap bangunan tiga tingkat itu yang dipercayai cuba melarikan diri.

Namun mereka tidak berjaya berbuat demikian kerana tingkap bangunan itu dilengkapi dengan jeriji besi.

Kebakaran maahad tahfiz ke-212 dalam tempoh 3 tahun

TRAGEDI kebakaran di sekolah-sekolah agama dan tahfiz yang sering berulang perlu diatasi segera memandangkan rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat menunjukkan sejumlah 211 kebakaran membabitkan pusat pengajian tahfiz berlaku di seluruh negara di antara tahun 2015-2017.

Malah kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah adalah kes kebakaran yang ke-212 dengan meragut 25 nyawa.

Sehubungan itu, Presiden Paka-

tan Harapan (PH) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam satu kenyataan media mengalu-alukan kesediaan Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi bantuan menguruskan jenazah mangsa yang terlibat serta kaunseling kepada keluarga mangsa dan para pelajar yang terselamat.

Beliau turut menyambut baik kesediaan Kerajaan Negeri Selangor untuk memeriksa kesemua pusat-pusat pengajian tahfiz dan sekolah-sekolah agama di Selan-

gor demi memastikan piawaian 'amalan terbaik' keselamatan dan kesihatan dipatuhi.

"Kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur yang meragut nyawa 23 pelajar dan 2 orang warden adalah sebuah tragedi yang amat memilukan dan menyayat hati. Takziah diucapkan kepada keluarga mangsa dan warga Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah.

"Saya telah mengunjungi Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah

dan diberi taklimat oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar serta Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Dr. Asyraf Wajdi," ujarnya.

Dr Wan Azizah menambah, kini bukanlah masa untuk menuding jari mencari salah dan silap malah setiap pihak perlu bersama menghulurkan tangan memberi bantuan dan sokongan kepada waris mangsa serta para pelajar yang terselamat.

"Kita harus bersama-sama mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi memastikan tragedi seumpama ini tidak akan berulang kembali di negara ini.

"Marilah kita bersama-sama berdoa agar keluarga mangsa dan warga Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah diberi kekuatan dan ketabahan menghadapi musibah ini. Semoga roh para pelajar dan warden yang terkorban diberi keampunan, kerahmatan dan kesejahteraan oleh Allah SWT," ujarnya.

DAP rakam takziah pada keluarga mangsa

SETIAUSAHA Agung DAP, Lim Guan Eng menahirkan rasa dukacita dan mengucapkan takziah kepada seluruh ahli keluarga mangsa kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang telah meragut nyawa lebih 25 jiwa.

"Bagi pihak DAP, saya mengucapkan takziah kepada seluruh ahli keluarga mangsa yang terlibat.

Semoga kita semua dikurniakan kesabaran dalam menerima ketentuan takdir, serta diberikan kekuatan untuk menempuhi hari-hari mendatang.

"Tidak ada kata-kata yang boleh diucapkan untuk menggambarkan kesedihan kita semua ketika menerima khabar tragedi kebakaran yang meragut nyawa anak-anak Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur awal pagi tadi.

"Semoga roh anak-anak yang baik ini dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama arwah para syuhada dan solehin,

" katanya dipetik Raketkini.

Beliau berharap supaya hasil siasatan ke atas punca kebakaran itu akan memberi pengajaran dalam soal kebertanggung-jawaban dan pengurusan yang baik, demi mengelakkan tragedi seperti itu berulang.

Sementara itu, Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Wilayah Persekutuan Tan Kok Wai yang juga Pemangku Pengerusi DAP ketika dihubungi merasa dukacita atas tragedi yang berlaku.

"Saya berasa amat sedih atas yang berlaku dan berharap keluarga mangsa tabah menghadapi dugaan tersebut," ujarnya.

Terdahulu pada pagi hari kejadian, Kok Wai yang juga Ahli Parlimen Cheras bersama Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan beberapa pemimpin PH meninjau lokasi kejadian dan diberi taklimat berhubung tragedi yang berlaku.

Tahap keselamatan sekolah agama wajar dipertingkatkan

BEKAS Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad meminta tahap keselamatan sekolah-sekolah agama di seluruh negara dipertingkatkan segera.

Beliau yang melahirkan kesedihan berhubung insiden kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah menyifatkannya sebagai tragedi yang berulang.

Dr Mahathir yang juga pengerusi Pakatan Harapan mengingatkan kembali kebakaran yang berlaku kepada sekolah agama Taufikiyah Al Hilmiyyah atau Pondok Pak Ya di Kedah pada 1989 yang mengorbankan 27 nyawa.

Beliau yang hadir melawat mangsa di Hospital Kuala Lumpur berkata, insiden yang berlaku di sekolah agama itu akibat tiada langkah keselamatan yang diambil pemilikinya.

"Saya harap selepas ini semua sekolah agama boleh tengok balik langkah keselamatan ini.

"Sebab itu kalau pembinaan asrama ia perlu mengikut peraturan agar pelajar boleh keluar sekiranya berlaku apa pun bencana," katanya kepada media.

Jeriji besi yang dipasang di semua tingkap antara punca mangsa gagal menyelamatkan diri.

Insiden kebakaran sekolah tahfiz yang terletak di Datuk Keramat itu telah mengorbankan 21 pelajar dan dua guru.

Antara pemimpin PH yang menziarahi mangsa di HKL ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail dan juga Adun Hulu Klang, Saari Sungib.

Tuntut sidang khas Parlimen bahas pelaburan AS

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengadakan sidang khas Parlimen bagi membincang dan membahaskan cadangan pelaburan negara ini ke Amerika Syarikat (AS) seperti dinyatakan beliau dalam pertemuan dengan Presiden AS Donald Trump di Washington, 12 Setember lalu.

Dalam sidang media 14 September lalu, Pakatan Harapan (PH) menuntut Najib menjelaskan beberapa isu membabitkan cadangan pelaburan itu termasuk pembelian pesawat Boeing bernilai RM42 bilion (US\$10

bilion) dan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pembinaan infrastruktur di Amerika Syarikat (AS).

Menurut kenyataan bersama yang dibacakan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua, syarikat penerbangan negara iaitu MAS telah menerima suntikan dana RM6 bilion daripada Khazanah pada 2014 tetapi kini terpaksa menanggung beban baru dengan pembelian pesawat Boieng tersebut.

Perdana Menteri juga, ujar Pua menawarkan RM3 bilion hingga RM4 bilion dana KWSP untuk 'membantu' membangunkan infrastruktur di

Amerika Syarikat sedangkan Khazanah sebelum ini sudah melabur lebih US\$400 juta di negara kuasa besar dunia itu.

"Kita tidak membantah cara Datuk Seri Najib secara 'unilateral' menjanjikan pelaburan di AS. Apa yang tidak masuk akal, kita nak membina infrastruktur di sebuah negara yang sudah maju dan terkaya di dunia.

"Macam AS tiada wang lagi... jika KWSP ingin melabur dengan membeli saham, itu kita faham tetapi KWSP nak buat infrastruktur di Amerika Syarikat sedangkan di negara sendiri terpaksa pinjam wang pada negara China," ujarnya.

Justeru Pakatan Harapan, ujarnya kesal kerana Najib sanggup menggadaikan aset negara semata-mata untuk agenda peribadi sedangkan dana itu boleh digunakan untuk menyelamatkan ekonomi negara yang semakin merosot.

Hadir sama pada sidang media itu Ahli Parlimen Bayan Baru Sim Tze Tzin, Pengarah Strategi AMANAH Dr Zulkifly Ahmad dan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM Datuk Dr Rais Husin.

Pua dan Sim turut memakai rambut palsu menyerupai potongan rambut Trump sebagai tanda protes cadangan pelaburan Malaysia di Amerika Syarikat itu.

Cadangan pelaburan Malaysia ke AS satu misteri

KUALA LUMPUR: Cadangan pelaburan Malaysia di Amerika Syarikat (AS) yang mencecah RM100 bilion dianggap mengejutkan tatkala negara memerlukan pelaburan bagi mengukuhkan ekonominya.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pelaburan untuk membantu "mengukuhkan ekonomi Amerika Syarikat" tatkala ekonomi negara memerlukan pelaburan adalah suatu misteri yang perlu dihuraikan kerajaan.

"Saya sangat terkejut dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bahawa Malaysia akan melabur sehingga US\$24 bilion (RM100 bilion) di Amerika Syarikat.

"Malaysia adalah negara yang ekonominya sedang berkembang dan kita sedang melakukan yang terbaik untuk menarik pelaburan dari negara-negara maju, bukannya menghantar wang kita keluar dari negara ini," tegasnya.

Menurut Azmin, Selangor baru-baru

ini memperolehi pelaburan RM1 bilion daripada syarikat Sweden, IKEA untuk membina pusat pembekalan dan pengedaran serantau bagi Asia Pasifik di Pulau Indah.

Pelaburan langsung asing ini, katanya mewujudkan nilai tambah, menjana pekerjaan dan menggandakan kesan ekonomi bagi negara ini.

Sehubungan itu, tambah Timbalan Presiden Keadilan itu, adalah sukar dipercayai bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

akan membelanjakan antara US\$3 bilion hingga US\$4 bilion bagi pembangunan semula infrastruktur di Amerika Syarikat.

"Adakah Perdana Menteri cuba memberitahu kita bahawa membantu Amerika Syarikat membina infrastruktur adalah lebih penting daripada membantu Sabah dan Sarawak membina jalan raya dan paip air?

"Wang dalam KWSP adalah wang amanah untuk rakyat dan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya.

"Kita memahami pilihan Najib untuk bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump, namun pemimpin tidak boleh menggadaikan kesejahteraan ekonomi negara hanya untuk peluang bergambar," ujarnya.

Najib dan Trump mengadakan perbincangan singkat dua hala dengan menteri-menteri dan pegawai kanan masing-masing sebelum kedua-dua pemimpin mengadakan pertemuan empat mata di Pejabat Oval.

Golongan belia 'berdedai' sertai PPBM

LABIS: Kesiediaan memahami aspirasi golongan muda di negara ini menjadi faktor kejayaan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berjaya mendaftarkan 57 peratus ahli di kalangan belia berusia di bawah 35 tahun sejak setahun penubuhannya.

Ketua Armada PPBM Johor Nurul Azarul Abu Samah, berkata PPBM memberi 'kebebasan' kepada pemimpin Armada untuk membawa suara golongan belia ke peringkat pimpinan pusat parti.

"Sebab itu fokus Armada menjalankan gerak kerja turun ke lapangan di setiap peringkat mendapat sambutan luar biasa di kalangan belia terutama mereka yang selama ini tidak berminat menyertai mana-mana parti," ujarnya.

Dalam himpunan rakyat sempena sambutan ulang tahun PPBM di Muar baru-baru ini, Ketua Armada Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mengumumkan kejayaan mendaftarkan 3,200 ahli baharu.

Armada Johor, ujar Syed Saddiq menduduki tempat ketiga pendaftaran ahli terbanyak selepas Kedah dan Perak.

Azarul yang juga Ketua Armada Bahagian Labis berkata, berbanding Umno kebanyakan golongan muda yang menyertai PPBM mem-

punyai kesedaran politik.

"Tidak perlu kami panggil untuk datang ke program-program yang diadakan tetapi mereka berdedai-dedai (berduyun-duyun) datang, apabila kami buka meja," ujarnya.

Justeru beliau tidak menolak tanggapan bahawa penyertaan PPBM dalam Pakatan Harapan (PH) mampu membawa impak besar kepada perubahan rakyat.

Beliau juga tidak menafikan ada kalangan rakyat yang masih bersama Umno khususnya generasi tua.

"Di kalangan generasi tua, Umno begitu sentimental dengan jiwa mereka. Agak sukar untuk mengubah pendirian mereka berbanding golongan belia.

"Ada juga yang berterus terang menyokong parti dan menjadi ahli tetapi tidak mahu aktif. Saya yakin dalam pilihan raya umum akan datang Umno-BN akan mengalami penyusutan sokongan di negeri ini," ujar bekas Ketua Penyerangan Pemuda Umno Bahagian Labis itu.

Menurut beliau, selain krisis kepimpinan Umno, isu-isu membelenggu rakyat seperti peluang pekerjaan, kos sara hidup, perumahan dan pengangguran di kalangan siswazah menjadi rungutan golongan belia yang mahukan perubahan.

Halimah akan jalankan tugas Presiden dengan cemerlang

SINGAPURA: Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong yakin Halimah Jacob akan menjalankan tanggungjawabnya sebagai presiden kelapan republik itu dengan cemerlang.

"Presiden ialah mercu sistem politik kita dan lambang negara kita yang berbilang kaum, pelbagai agama," katanya dalam catatan di laman Facebook.

Halimah yang mengangkat sumpah 14 September lalu di Istana iaitu kediaman dan pejabat rasmi Presiden Singapura pernah berkhidmat sebagai anggota kesatuan, pemimpin masyarakat, anggota parlimen, menteri negara dan speaker parlimen.

"Pengalamannya yang luas semasa bekerja dengan rakyat Singapura daripada semua lapisan masyarakat, memperjuangkan nasib pekerja dan kumpulan kurang bernasib baik, akan dimanfaatkan semasa memegang jawatan presiden," kata Lee.

Lee turut berterima kasih kepada dua calon presiden iaitu Mohamed Salleh Marican dan Farid Khan Karim Khan kerana menawarkan diri sebagai calon.



Halimah Jacob

"Keputusan yang dibuat bukan mudah bagi mereka dan keluarga memandangkan mereka akan menjadi perhatian media dan orang ramai. Mereka menghormati perlembagaan, menjaga tatasusila dan kesopanan.

"Mereka tidak mengelirukan rakyat dengan janji yang melangkai bidang kuasa seorang presiden, yang mana pernah berlaku sebelum ini.

"Saya juga berterima kasih kepada mereka kerana menerima keputusan Jawatankuasa Pilihan Raya Presiden. Inilah cara untuk menjadikan proses demokratik berjalan lancar dan demi kepentingan rakyat Singapura," katanya.

Mohamed Salleh dan Farid Khan, kedua-duanya ahli perniagaan, tidak layak menjadi calon presiden apabila gagal memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan untuk calon daripada sektor swasta.

"Saya berharap kita semua akan menyokong beliau sebagai presiden kita seterusnya. Saya ingin bekerja dengan beliau untuk berkhidmat kepada rakyat Singapura dan negara," kata Lee.

Najib dakwa pembangkang kempen sabotaj 1MDB

NEW YORK: Datuk Seri Najib Razak memberitahu komuniti perniagaan Amerika Syarikat (AS) bahawa terdapat kempen untuk mensabotaj syarikat pelaburan negara, 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan melemahkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia.

Berucap pada Majlis Perniagaan AS-Asean dan Majlis Makan Malam Perdagangan AS di St Regis Hotel, Perdana Menteri berkata tindakan itu merupakan sebahagian daripada percubaan yang gagal untuk menggulingkan kerajaan sementara menunggu kitaran pilihan raya.

"Saya tahu bahawa sebahagian daripada anda mendengar beberapa cerita yang kurang positif tentang ekonomi Malaysia terutama mengenai 1MDB.

"Bagaimanapun saya harus meng-

“...saya harus mengingatkan anda bahawa walaupun ada masalah, beberapa ahli politik pembangkang di negara kami memperbesar-besarkannya,”

ingatkan anda bahawa walaupun ada masalah, beberapa ahli politik pembangkang di negara kami memperbesar-besarkannya," kata Najib.

Perdana Menteri berkata, daripada menutup isu itu, kerajaan sebaliknya mengarahkan siasatan dijalankan ke atas syarikat itu pada tahap yang tidak pernah berlaku dalam sejarah negara sebelum ini.

Najib menambah, beliau mengarahkan supaya 1MDB dirasionalisasikan apabila nampak jelas syarikat itu gagal.

"Ini berjalan lancar dan banyak aset yang dahulunya dimiliki oleh 1MDB

kini berkembang maju," katanya.

Najib sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Presiden Donald Trump di White House dalam lawatan kerja tiga harinya ke AS.

Beliau menggesa komuniti perniagaan AS supaya tidak membiarkan suara politik pembangkang mengenai perkara itu mengaburkan realiti sebenar.

Perdana Menteri turut memetik ahli ekonomi Dr Bruce Gale sebagai berkata bahawa ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar yang jauh melebihi purata antarabangsa.

"Mungkin saya wajar memberitahu anda bahawa Dr Gale ialah pengarang buku baharu bertajuk 'Economic Reform In Malaysia: The Contribution Of Najibonomics'.

"Namun, saya tidak menaja buku itu, saya jamin dan saya sendiri tidak tahu sesuatu yang dipanggil Najibonomics," katanya sambil menambah bahawa kemajuan besar telah dibuat dalam beberapa tahun kebelakangan ini di Malaysia.

"Bagi yang ada di sini dan tidak kenal Malaysia dengan baik: datang dan pasti terkejut. Datang dan lihat firma berteknologi tinggi yang telah berpindah ke negara kami, dan syarikat yang dibangunkan sendiri dalam negara yang kami amat banggakan.

"Datang dan lihat infrastruktur dan rangkaian pengangkutan awam baharu yang kami sedang bangunkan

di Malaysia," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia Airlines dan Boeing Aircraft Corporation untuk pembelian pesawat dan penubuhan kemudahan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih di Sepang, berjumlah US\$3.9 bilion.

Jabatan Kehakiman (DoJ) AS sedang dalam proses merampas aset bernilai US\$4.5 bilion dimiliki beberapa individu asal Malaysia yang dipercayai dibeli menggunakan wang yang diselewengkan daripada 1MDB.

Peguam Negara dan 1MDB bagaimanapun menafikan dana syarikat itu diselewengkan.

Jurucakap Jabatan Negara AS baru-baru ini memberitahu lawatan Najib tiada kaitan dengan siasatan DoJ.

Kekal dalam kerajaan bukti Pas amal politik curang

SHAH ALAM: Penglibatan Pas dalam pentadbiran kerajaan negeri Selangor adalah amalan yang bukan sekadar kemaruk kuasa, tetapi juga politik curang yang tidak berprinsip, tegas Pengarah Komunikasi AMANAH Selangor Jamzuri Ardani.

Beliau berkata, pendirian Pas bahawa tidak ada masalah jika parti itu masih berada dalam pentadbiran Selangor walaupun tidak lagi kerjasama dengan Keadilan dan DAP menunjukkan Pas tidak faham urus tadbir sebuah kerajaan.

"Saya ambil satu contoh apabila

seorang anggota Exco Kerajaan Negeri Selangor dari Pas mengeluarkan arahan solat hajat kepada masjid dan surau sebagai bantahan penganjuran satu konsert hiburan, sedangkan konsert itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang beliau sendiri adalah Exconya.

"Ini sangat bertentangan dengan amalan 'tanggung jawab bersama' di dalam pentadbiran sebuah kerajaan," katanya.

Baru-baru ini, Pesuruhjaya Pas Selangor, Sallehen Mukhyi berkata, keputusan Keadilan Selangor untuk tidak mengadakan sebarang kerjasama

dengan Pas dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) tidak memberi kesan kepada kedudukan Exco Pas.

"Tidaklah YB Sallehen faham bahawa keberadaan Pas di dalam pentadbiran Kerajaan Selangor tidak menepati amalan sistem Westminster yang sedia diguna pakai sejak merdeka lagi," katanya.

Konvensyen AMANAH Selangor 9 September lalu meluluskan usul meminta Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengkaji semula kedudukan Pas dalam pentadbiran Selangor.

Anwar kesal kanak-kanak tanpa kerakyatan tidak dipedulikan

KUALA LUMPUR: Ketua Umum Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa kerajaan tidak peduli mengenai masalah kanak-kanak tanpa kerakyatan di Malaysia.

"Kerajaan tidak menunjukkan minat atau tekad politik untuk menyelesaikan perkara ini. Amat memalukan apabila kanak-kanak tanpa kerakyatan ini perlu mengambil tindakan undang-undang dan membuat proses rayuan hanya untuk mendapat hak sebagai warganegara.

"Sementara proses perundangan

perlu berjalan, saya terkejut apabila sejumlah besar kanak-kanak tanpa kerakyatan ini masih tidak menikmati hak asasi itu," katanya dalam satu kenyataan.

Mahkamah Persekutuan baru-baru ini membenarkan rayuan permohonan tiga kes berbeza kanak-kanak tanpa kerakyatan, berhubung ibu bapa kandung dan angkat yang mahu mahkamah menentukan syarat dalam memberikan kerakyatan kepada mereka yang terkesan.

Ini adalah kali pertama mahkamah tertinggi negara memutuskan mengenai isu tanpa kerakyatan, berdasarkan

persoalan undang-undang.

Anwar berkata, kebanyakan kes itu dihadapi oleh masyarakat India.

"Rancangan 10 tahun Pelan Tindakan Masyarakat India yang dilancarkan gilang-gemilang oleh perdana menteri tidak bermakna apabila isu hak asasi seperti kerakyatan masih tidak selesai," katanya.

Pelan yang dilancarkan pada April lalu memperuntukkan sejumlah RM1 bilion untuk menyelesaikan isu yang dihadapi masyarakat India di negara ini, antaranya meningkatkan taraf sosial dan menyelesaikan masalah kewarganegaraan.

Rakyat mahu kadar pinjaman perumahan diturunkan



WALAUPUN orang ramai tidak lagi menghadapi kesukaran untuk memperoleh pinjaman perumahan, namun ramai yang kurang berpuas hati dengan kadar faedah yang dikenakan dan mahu ia diturunkan berdasarkan cabaran ekonomi semasa.

Tinjauan sentimen pengguna yang dijalankan PropertyGuru Malaysia baru-baru ini mendapati 46 peratus responden berkata, kadar faedah pinjaman perumahan terlalu tinggi berbanding 31 peratus mengakui ia boleh diterima.

"Walaupun pinjaman diluluskan dengan permohonan bersama yang semakin meningkat, ramai pengguna memperoleh margin pinjaman dan bayaran bulanan yang tinggi.

"Bank kini meluluskan lebih banyak permohonan namun pakej yang ditawarkan tidak menarik kepada pengguna," kata Pengurus PropertyGuru Malaysia, Sheldon Fernandez.

Berdasarkan data PropertyGuru, sejumlah 91 peratus responden menyatakan mereka perlukan pinjaman bank untuk membeli rumah, dengan 45 peratus memilih pembiayaan 90 peratus manakala 25 peratus lagi bersedia menerima pembiayaan antara 70 dan 80 peratus.

Sejumlah 18 peratus lagi memilih pembiayaan 100 peratus.

Tunku Sallehuddin Sultan Kedah ke-29

TUNKU Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah dimasyhurkan sebagai Sultan Kedah ke-29, 12 September lalu ekoran kemangkatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah sehari sebelumnya.

Baginda ialah anakanda kesembilan Almarhum Sultan Badlishah Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Almarhum Sultan Badlishah yang memerintah Kedah dari 1943 hingga 1958, mempunyai tujuh orang putera dan tujuh puteri.

Tunku Sallehuddin, 75, diputerakan pada 30 April 1942, mempunyai kelulusan pendidikan tinggi daripada College of Military Engineering Poona di India.

Mendirikan rumah tangga dengan Tengku Maliha Tengku Ariff dan dikurniakan dua putera, Tunku Sallehuddin dimasyhurkan sebagai Raja Muda Kedah sempena keberangkatan pulang Tuanku Abdul Halim pada 15 Dis 2016 setelah tamat tempoh lima tahun sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Kehilangan amat meng

Pasukan bomba dan polis menyasat tempat kejadian.



Bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memperkatakan sesuatu sambil didengar teliti Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Azmin Ali dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Hulu Klang Saari Sungib.



Pengerusi Pakatan Harapan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail diiringi Pemangku Pengerusi DAP Tan Kok Wai sampai di tempat kejadian.



Dr Asyraf menerangkan sesuatu kepada Dr Wan Azizah, Ahli Parlimen Batu Tian Chua dan Dr Daroyah.



Ketua Polis Kuala Lumpur Amar Singh menjelaskan sesuatu kepada Dr Wan Azizah.



Seorang pelajar sayu mengenangkan nasib yang menimpa rakan-rakan.

... yang ... hibakan



Waris mangsa tabah menunggu di tempat kejadian.

Oleh HUSIN MAHAT

TRAGEDI kebakaran Maahad Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Dato' Keramat wajar menjadi pengajaran kepada semua pihak khususnya dalam aspek pengurusan premis yang menempatkan pelajar juga persediaan dan peraturan pencegahan kebakaran, kata Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Dr Mohd Hatta Md Ramli.

Menyifatkan kejadian yang berlaku sebagai menyayat hati, beliau berkata kehilangan nyawa anak-anak dan kakitangan sekolah tersebut amat menghibakan.

Takdir ini, kata beliau terpaksa dilalui setiap pihak yang terlibat dengan tabah dan sabar, khususnya kaum keluarga mangsa.

"Warga Parti Amanah Wilayah Persekutuan dan Kawasan Titiwa-ngsa turut berasa dukacita atas musibah ini.

"Kami mendoakan agar mangsa yang terkorban diampun oleh Allah SWT dan diganjar amalan mereka selama ini. Pihak kami akan cuba membantu mangsa dan keluarga seupaya mungkin," ujarnya.

Beliau turut menyeru orang ramai yang menyaksikan peristiwa ini supaya bersama-sama berdoa agar perkara sama tidak berulang lagi di mana-mana.

"Pengajarannya menuntut kita lebih berhati-hati dalam menguruskan mana-mana premis khususnya yang menempatkan ramai pelajar. Persediaan dan peraturan pencegahan harus menjadi keutamaan. Selebihnya kita berserah kepada Allah SWT memohon perlindungan-Nya," ujar beliau.

Dalam kejadian seawal jam 5.00 pagi tadi, Seramai 21 pelajar dan dua warden maut dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur.

Menurut jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, dalam kejadian itu enam pelajar dan seorang awam turut cedera.

Pihak bomba menerima panggilan kecemasan pada 5.41 pagi.

Video awam menunjukkan tingkat paling atas di bangunan tiga tingkat pusat tahfiz itu masih terbakar ketika azan subuh berkumandang.

Bomba berkata, 20 mangsa dilaporkan cedera manakala tiga kritikal. Mereka kini dirawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Polis menutup laluan di Jalan Keramat Hujung, yang menghubungkan Jalan Pasar Keramat ke Bukit Pawang, susulan kejadian berkenaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Polis Kuala Lumpur mengesahkan Maahad Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah terbakar kerana perbuatan khianat.

Ekoran itu, tujuh remaja termasuk seorang kanak-kanak 12 tahun ditahan untuk membantu siasatan.

Ketua Polis Kuala Lumpur Amar Singh dalam sidang media 16 September lalu berkata, ia bermula apabila sekumpulan remaja bertengkar dengan pelajar tahfiz di situ.

Beliau berkata, bahan pemudah terbakar telah digunakan oleh pihak terbabit untuk membakar pusat tahfiz itu.

Tujuh remaja berusia 15 hingga 18 tahun itu bersama seorang kanak-kanak berumur 12 tahun kini ditahan reman.

Mereka disiasat atas perbuatan membunuh di bawah Seksyen 302 Penal Kod dan Seksyen 435 kerana menyebabkan kebakaran.



Orang ramai dan waris pelajar memenuhi perkarangan maahad tahfiz yang terbakar.

Dr Wan Azizah diiringi Ahli Exco Selangor Dr Daroyah Mohd Alwi menyapa pelajar yang terselamat.



Antara waris pelajar yang sabar menunggu.

Pantau pelatih SL1M elak ditindas

Kelolaan ARIF ATAN

Kerajaan tidak harus bergantung kepada aduan semata-mata berhubung isu eksploitasi dialami pelatih Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) sebaliknya perkasakan mekanisme pemantauan, tegas Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil.

Menurutnya, hal tersebut perlu dilaksanakan melalui kaji selidik, temubual tertutup dengan pelatih terbabit serta meneliti luahan mereka yang merupakan graduan menganggur di media sosial.

"Saya percaya dengan tindakan yang lebih proaktif sebegini, kerajaan akan menyedari bahawa ada dalam kalangan pelatih SL1M telah dieksplo-



Faiz Fadzil

tasi pihak majikan seperti kerja lebih masa tanpa elaun, menjalankan kerja di luar bidang skop kerja dan sebagainya," katanya.

Tidak bersikap sinikal terhadap polisi kerajaan yang bertujuan membantu siswazah untuk meningkatkan

ilmu, kemahiran dan pengalaman kerja, beliau berpendapat wujudnya kelemahan kerajaan untuk mengetahui perkembangan pelatih SL1M.

Faiz mendapati pelatih terbabit tidak dimaklumkan mengenai saluran aduan yang tepat dan sistematik oleh pihak Sekretariat SL1M.

Bahkan, beliau difahamkan terdapat pelatih yang tidak dapat mengisi posisi pekerjaan sebaliknya terpaksa berada di rumah sahaja kerana pelatih yang diambil telah melebihi kuota kerja sedia ada.

"Ini adalah contoh situasi pembaziran bakat tenaga muda yang sepatutnya dimanfaatkan untuk kebaikan ekonomi negara.

"Situasi ini membimbangkan kerana skim yang telah dimulakan se-

jak 1 Jun 2011 dilihat tidak memenuhi objektifnya memandangkan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh pernah memaklumkan terdapat 54,103 graduan yang menganggur dalam tempoh enam bulan menamatkan pengajian di universiti," jelasnya.

Sehubungan itu, kerajaan tegasnya, memikirkan dan melaksanakan program yang memberi kesan jangka panjang dalam mengurangkan kadar pengangguran bukannya sekadar mengharapkan penghasilan program SL1M yang berteraskan jangka pendek iaitu enam bulan.

"Lebih malang lagi, situasi ekonomi kini, menyebabkan ramai graduan terpaksa menganggur kerana ketiadaan peluang pekerjaan sehingga menamatkan 11 peratus pengangguran

di kalangan belia di seluruh negara," ujarnya.

Mengulas lanjut, peguam berkenaan berkata, adalah tidak tepat apabila kerajaan melarang pelatih SL1M yang dieksploitasi meluahkan kritikan mereka di laman sosial.

"Padahal, kerajaan tidak menyediakan ruang yang mudah, mesra dan selamat buat mereka, bahkan itu hak asasi mereka yang dijamin Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

"Nasib mereka perlu dibela terutama oleh pihak kerajaan. Kerajaan harus perlu bergerak lebih proaktif untuk mendapatkan maklumat akan permasalahan yang dihadapi pelatih SL1M dan menyelesaikannya dengan segera dan secara holistik," tambah Faiz lagi.

Pas Selangor terus 'bergayut' jawatan

PEMUDA AMANAH Selangor mencabar Pas negeri itu supaya melepaskan semua jawatan politik tanpa berdolak-dalik lagi dan berterusan mencari nas agama untuk menyembunyikan sifat tamak.

Setiasahanya, Ammar Izhah berkata, isyarat Pas tidak akan sekali-kali bekerjasama dengan Pakatan Harapan dalam pilihan raya umum akan datang dapat dilihat pada kenyataan konsisten Pesuruhjaya Pas Selangor untuk bertanding di 42 kerusi.

"Ini ditambah lagi dengan pelbagai kenyataan oleh pimpinan-pimpinan tinggi Pas yang cuba untuk menimbulkan kebencian pengundi terhadap parti-parti dan kesemua pimpinan dalam Pakatan Harapan.

"Anehnya, di sebalik segala kebencian Pas terhadap parti-parti dalam Pakatan Harapan, Pas masih tanpa malu-malu terus berada dalam kerajaan Selangor yang dikuasai Pakatan Harapan.

"Pemimpin Pas Selangor terus bergayut kepada jawatan-jawatan lantikan politik dalam Selangor sambil menuduh orang lain pula yang kemaruk kuasa. Mungkin mereka menganggap ia hanya Halal bagi mereka, haram untuk orang lain," bidasnya dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, Pemuda AMANAH Selangor, tegas



Ammar Izhah

Ammar, menyifatkan Pas hanya menjalankan agenda jahat Umno-BN untuk menjatuhkan kerajaan Pakatan Harapan di Selangor.

"Berterus-teranglah kepada rakyat Selangor. Rakyat memerhatikan kelakuan talam dua muka para agamawan Pas di Selangor," bidasnya lagi.

Siapa dalang mahu bersama kleptokrat Najib?

PEMUDA AMANAH Nasional mengecam pihak yang dipercayai mahu membawa beberapa pemimpin Pakatan Harapan untuk menyatakan sokongan terhadap Datuk Seri Najib yang terpalit dengan jenayah kleptokrasi.

Naib Ketuanya, Shazni Munir Mohd Ithn (*gambar*) berpendapat pengumuman kembalinya Tan Sri Muhammad Muhammad Taib kepada Umno baru-baru ini adalah "episod tertangguh sebuah cubaan kudeta" seperti pernah berlaku di Perak sebelum ini.

"Cuma persoalan yang lebih utama, apakah punca ianya tertangguh dan siapa watak-watak di belakang yang sedang bergerak untuk cuba membawa sejumlah kelompok wakil rakyat untuk bersama-sama kleptokrat Najib?"

"Cubaan ini jelas di luar kewarasan dan akhlak seorang wakil rakyat untuk terus menjunjung amanah kepimpinan yang menolak rasuah dan salah guna kuasa," selarnya.

Sehubungan itu, Pemuda AMANAH, kata Shazni, cukup meyakini cubaan kudeta ini sama sekali tidak akan direstui rakyat terbanyak.

"Kepada dalang-dalang yang sedang berusaha keras membawa sokongan kepada kleptokrat Najib, mandat 2013 bukan untuk dipersenda dengan menyokong MO1 (*Malaysian Official 1*) yang jelas khianat dan jahat.

"Usah direnggut harapan rakyat dengan tindakan bodoh yang boleh bawa bencana kepada masa depan negara," bidasnya lagi dalam satu kenyataan.

Utamakan ciri keselamatan pusat tahfiz

PEMUDA AMANAH Perak menyuarakan kerajaan negeri mempunyai perancangan khusus dan cekap dalam mengurus maahad tahfiz khususnya pusat pengajian itu yang dibina oleh pihak persendirian.

Pengarah Komunikasinya, Muhammad Faez Azahar berkata, kesemua pusat tahfiz di negeri itu perlu didaftarkan supaya menepati syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

"Ini sangat penting dalam menyelaraskan semua aspek termasuklah dari sudut pentadbiran mahupun silibus pembelajaran.

"Kerajaan melalui agensi yang terbabit perlu memastikan infrastruktur di semua institusi ini menepati spesifikasi keselamatan yang ditetapkan dengan peranan aktif pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)," tegasnya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, beberapa agensi yang

ditubuhkan kerajaan negeri seperti Yayasan Kemajuan Islam Darul Ridzuan (KADIR) perlu menjalankan peranan mereka bukan hanya mempromosikan program melibatkan Menteri Besar, Dato' Seri Dr Zambry Abdul Kadir semata-mata.

"Kami mendapati yayasan tersebut lebih memfokuskan kepada program yang bersifat 'one off' daripada memikirkan perancangan yang lebih besar dan bermanfaat.

"KADIR perlu lebih berperanan melalui dana yang disalurkan oleh pihak kerajaan kepada mereka dengan membantu institusi agama di negeri ini termasuklah pusat-pusat tahfiz. Penyaluran dana daripada pihak kerajaan serta mengurniakan aset kepada yayasan ini perlulah dinikmati oleh rakyat terutama umat Islam di Perak," ujarnya.

SEMAK BACAAN...

Pemuda AMANAH Terengganu tampil kreatif dengan menganjurkan program semak bacaan al-Quran dipimpin oleh Naib Presiden IKRAM Siswa Nasional, Mus'ab Muzhar dalam usaha mendekatkan masyarakat dengan kitab suci itu di pasar malam Batu 48, Dungun pada 18 September lalu.



AMANAHA julang paduan ilmu dan iman

Oleh HILMAN FIKRI AZMAN

Sejak pelancaran AMANAHA tanggal 16 September 2015, telah ramai anak muda dan penganalisis politik



tempatan yang mengikuti perkembangannya kerana mereka telah berjanji untuk meninggalkan politik usang dengan membawa mesej Islam yang lebih rahmah, progresif dan profesional.

Kini, parti dengan keahlian mencecah ratusan ribu itu telah menjengah ke usia dua tahun, namun pucuk pimpinannya terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam warna-warni politik negara.

AMANAHA mempunyai latar belakang yang berwarna-warni. Pada suatu sudut, ia mempunyai corak sejarah kekikiran yang memperjuangkan hak-hak buruh kerana AMANAHA merupakan hasil transformasi daripada Parti Pekerja Malaysia yang telah ditubuhkan pada Januari 1978.

Kepimpinan parti pekerja itu kemudiannya diserahkan kepada perkumpulan kaum Muslim progresif bernama Gerakan Harapan Baru tanggal 31 Ogos 2015. Ideal perjuangan memartabat kelas pekerja bersuluhkan prinsip universal karāmah insāniah tetap diteruskan dalam usaha merangkul perjuangan rakyat.

Pada satu sudut lain, AMANAHA memiliki kefahaman kontemporari terhadap Islam, dicirikan dengan corak pendekatan politik Ghannouchi dan parti Ennahda di Tunisia serta AKP di Turki, yang lebih mementingkan sari pati Islam berbanding kulit luarannya.

Pucuk pimpinan AMANAHA juga kebanyakannya terdiri daripada golongan yang dijuluki sebagai "Islamis progresif" semasa keberadaan mereka dalam Pas ekoran pendekatan mereka yang lebih substantif dan inklusif berbanding pendekatan Islam konservatif.

Menilai dari sudut komitmen parti terhadap pelestarian budaya ilmu dan wacana pencerahan yang menangkap perhatian anak muda, sememangnya AMANAHA terbukti antara parti yang terkehadapan. Sehingga kini, AMANAHA satu-satunya parti politik yang menggungguli wacana tradisi Maqasid al-Shari'ah menerusi pelbagai konvensyen dan penerbitan, serta berpandukan sarjana-sarjana terkhusus yang berkeahlian dalam pemikiran tersebut seperti Imam Abu Ishaq al-Shatibi dan Imam Ibn Ashur.

Nilai-nilai *universal* dalam Islam bersuluhkan wahyu diadun dengan unsur-unsur pemikiran Nusantara, menjadikan acuan Maqasid yang disajikan begitu segar dan kontekstual.

Namun, seiring berubahnya masa, AMANAHA semakin menjauh dengan visi dan misi asal penubuhannya dua tahun yang lalu. Ekoran diulit mimpi-mimpi lama, AMANAHA semakin kehilangan tumpuan daripada matlamat asal, lantas kembali terjebak dalam politik sindir-menyindir serta kata-mengata parti atau gerakan lain.

Sikap profesional dan matang dalam berpolitik semakin hilang bahangnya diganti dengan semarak permusuhan dengan parti lama. Sedangkan, sikap profesional dan matang itulah komponen asasi yang menjadikan AMANAHA

terkehadapan berbanding parti lamanya.

Kita tidak berbicara tentang penyokong yang taksab, kerana itu hanya akan menjadikan kritikan ini tidak relevan. Kita berbicara mengenai pucuk pimpinan parti, yang menjadi tunjang penggerak AMANAHA, dan yang setiap kata-katanya dinilai oleh rakyat.

Oleh itu, pendekatan politik yang kekeringan akhlak adalah amalan politik usang yang mesti ditinggalkan. Tuntutan akal menegaskan keharamannya, disokong oleh wahyu surah al-Hujurat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW:

"Dan janganlah sebahagian kalian mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang daripada kalian memakan daging bangkai saudaranya yang telah mati? Pasti kalian membencinya. Maka bertaqwalah semuanya kepada Allah, sungguh Allah Maha Menerima taubat dan Maha Pengasih."

AMANAHA perlu menyemangati prinsip rahmah dan profesionalisme yang diterajunya dengan memperkemas pertuturan bahasa dan tindakan, dengan itu ia akan terbebas daripada takut lama untuk bergerak lebih jauh. Ia perlu kembali kepada janji asal untuk membawa imej Islam yang lebih baik, meninggalkan politik usang bercirikan permusuhan, provokatif dan kata-mengata.

DIZIKIRKAN

AMANAHA juga perlu merelevankan Islam menerusi polisi, berbanding laungan slogan dan retorik yang dahulunya menjadi kebiasaan. Progresif itu bukan sekadar dizikirkan, ia perlu diamalkan.

Dalam kerangka kerjasama pembangkang, setiap parti komponen dalam Pakatan Harapan mempunyai peranan dominannya yang tersendiri, antaranya seperti menentang doktrin perkauman dengan mempromosikan kerjasama antara kaum, memerangi korupsi dengan membentuk pentadbiran bersih dan tegas dan sebagainya.

Sayugianya juga, AMANAHA mempunyai peranan dominannya yang tersendiri dan tidak semata-mata mengulang peranan parti komponen yang lain.



AMANAHA perlu menjadi platform utama intelektual dengan menubuhkan unit penyelidikan bagi menginisiatif idealisme dan tindakan balas.



Memandangkan AMANAHA dianggotai golongan profesional, maka adalah amat cocok jika AMANAHA menjadi parti komponen berasaskan prinsip keilmuan, yang membasmi kejahilan dan ketidaksedaran masyarakat serta meruntuhkan projek-projek pembodohan yang didakwa dijalankan menerusi media massa, sektor peker-

boleh menjadi platform utama buat intelektual-intelektual tanah air yang tidak didendang menyampaikan buah fikiran mereka yang dirasakan mustahak untuk mencipta kadar keilmiah masyarakat yang lebih baik.

Selain itu juga, antara cabaran lain yang menghantui masyarakat moden adalah mewabaknya tindak-tanduk jahat ekoran ketiadaan ketakutan kepada Tuhan. Rata-rata rakyat di Malaysia semuanya mengaku bertuhan dan beragama dengan caranya masing-masing.

Akan tetapi, realiti yang terpapar di hadapan kita adalah sebaliknya melihat kepada kadar jenayah berskala besar dan kecil yang dilakukan golongan marhaen dan elit. Begitu juga dengan kadar spiritualiti yang rendah telah menjadikan kehidupan anak-anak remaja kita nihil tidak bermakna, maka mereka diculik gerakan hedonisme yang kadangkala mengundang mudarat buat mereka.

Di tengah-tengah kancas kekeringan spiritualiti ini, AMANAHA perlu mempunyai jiwa yang besar untuk menjadi parti komponen dalam

Kekalkan prinsip progresif, tinggalkan politik usang. Julang budaya ilmu dan suburkan kerohanian masyarakat. Dengan itu, AMANAHA mampu menjadi parti komponen yang menyumbang kepada pengukuhan Pakatan Harapan. Namun demikian, perjalanan masih panjang, dan liku-likunya tidak pernah berkurang. Berbekalkan paduan ilmu dan keimanan, inshaAllah AMANAHA mampu bantu lakukan perubahan.

jaan dan institusi pendidikan.

Pewacanaan ilmu yang segar dapat menjernihkan pembohongan serta prejudis perkauman di tengah hiruk-pikuk kecelaruan masyarakat. Dengan ini AMANAHA mengusung agenda pencerdasan masyarakat berteraskan wawasan *Maqasidi hizfal-'aql* (pemeliharaan akal).

Oleh yang demikian, tumpuan AMANAHA adalah buat mendaftarkan ilmu pengetahuan secara keseluruhan, dan tidak sebatas Maqasid al-Shariah. Kenal pasti epistemologi kebodohan yang menyelip ke dalam segenap aspek kehidupan, pendidikan, politik, media dan lainnya.

Tubuhkan unit penyelidikan buat menginisiatif idealisme dan tindakan balas. AMANAHA

Pakatan Harapan yang memberi tumpuan kepada penyuburan kerohanian masyarakat. Vakum kerohanian dan keimanan yang ditinggalkan oleh Pas dalam pakatan pembangkang mesti digantikan agar kemajuan dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan yang ingin dicapai tidak cacat.

Wacana kemanusiaan yang diangkat menerusi pengaplikasian Maqasid al-Shariah tidak seharusnya dipengaruhi oleh pemikiran humanisme sekular yang mewabak dalam kebanyakan pertubuhan dewasa ini.

Aspek kerohanian yang wujud secara fitrah dalam diri manusia perlu dimasukkan dalam perimeter ketika mengangkat wacana kemanusiaan.

Oleh yang demikian, menerusi penerapan polisi, ucapan dan penerbitan buku, AMANAHA boleh memainkan peranannya untuk mewujudkan jalan mengembalikan makna, kesedaran ketuhanan dan rasa kehambaan kepada masyarakat berbilang agama di negara ini.

Kekalkan prinsip progresif, tinggalkan politik usang. Julang budaya ilmu dan suburkan kerohanian masyarakat. Dengan itu, AMANAHA mampu menjadi parti komponen yang menyumbang kepada pengukuhan Pakatan Harapan. Namun demikian, perjalanan masih panjang, dan liku-likunya tidak pernah berkurang. Berbekalkan paduan ilmu dan keimanan, inshaAllah AMANAHA mampu bantu lakukan perubahan.

■ Penulis merupakan mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Pendekatan mendekati Tuhan dengan teater

MENJELANG pementasan Teater di Sawah Padi (Muzika Uda Dan Dara) di Sungai Besar, lebih sebulan lalu, saya menulis dua artikel di ruangan ini yang memperlihatkan sikap saya yang agak keagamaan terhadap teater, atau dalam mendekati teater.

Berikutan itu saya menerima pandangan daripada beberapa orang; ada yang bertanya untuk mengetahui lebih lanjut dan ada yang seperti mempersoalkan sikap saya itu. Tak pasti tujuan sebenar pandangan tersebut. Mungkin saya tersalah tanggap atau kurang jelas maksudnya, namun saya mendapat kesan bahawa saya perlu menjelaskan sedikit maksud saya berkenaan.

Ada yang beranggapan saya cuba 'berdakwah' melalui teater, sedangkan sebelum ini pernah beberapa kali saya menjelaskan sikap tidak bersetuju menggunakan atau digunakan istilah 'dakwah' untuk teater, apatah lagi teater saya. Jadi apakah saya telah berubah sikap?

Tidak, sikap saya mengenai penggunaan istilah dakwah untuk teater itu masih tetap sama. Tidak bersetuju. Tetapi saya tidak menolak atau menghalang orang lain kalau ada yang bertegas dengan hujah-hujah tertentu hendak menggunakannya. Silakan. Hanya saya menyatakan sikap saya sahaja: tidak bersetuju.

Samalah juga ada kawan-kawan yang suka menggunakan istilah atau ungkapan "memanusiakan manusia". Kata mereka teater itu berfungsi atau bertujuan atau berfaedah kerana ia boleh "memanusiakan manusia". Saya tidak pernah berkata demikian. Sejak dulu hinggalah sekarang. Tetapi saya tidak pernah membantah atau menyanggah apabila kawan-kawan menyebutnya demikian. Saya hanya diam.

Saya tidak faham mengapa sebenarnya mereka suka dengan ungkapan atau istilah tersebut. Setakat yang saya faham maksud "memanusiakan manusia" itu tidaklah saya terfikir bahawa itulah yang saya lakukan atau mahu lakukan apabila berteater. Dan tidaklah pula saya tertarik untuk menyebutnya dalam perbincangan atau apa-apa situasi juga.

Orang lain hendak menyebutnya, tidak mengapalah. Itu fahaman mereka, atau mungkin pegangan mereka. Saya tak mahu berhujah dalam perkara itu. Tak ada hal. Siapa nak guna gunalah. Saya tak membantah.

Demikian pulalah dengan soal "mendekati Tuhan" dengan teater atau melalui teater. Saya menyebutnya adalah pengalaman saya sendiri. Tanpa tujuan apa-apa. Hanya mencatatkan pengalaman sendiri. Bermula dengan teater "Menunggu Kata Dari Tuhan (MKDT)" - itulah yang saya alami. Saya berasa yang saya mendekati Tuhan.

Sama ada pelakonnya Sabri Yunus yang melakonkan teater itu lebih 50 kali, juga mengalami hal yang sama, itu saya tak tahu. Begitu juga dengan Sani Sudin yang menghayatinya melalui muzik - apakah dia mengalami yang sama atau tidak, saya tak tahu. Dan saya pun tak bertanya mereka hal ini. Juga tak menceritakan pengalaman saya ini kepada mereka.

Atau dengan Nizam Yamin yang juga telah beberapa kali melakonkan monolog tersebut.

Dan pengalaman saya yang demikian itu menjadi bertambah terasa lagi ketika saya mengarah "Teater Atas Pokok (TAP)", April 2016. Kalau ketika MKDT rasa "mendekati" itu tidak begitu jelas, agak kabur, ia berbeza ketika TAP. Saya menjadi begitu bergantung

kepada Tuhan untuk keselamatan pelakon-pelakon yang terlibat bergayut di atas pokok dalam TAP.

Dan situasi itu berterusan ketika saya mengerjakan Teater di Sawah Padi (Uda-DanDara) di Sungai Besar, 12 dan 13 Ogos lalu. Tanpa saya menjangkanya. Saya mengalami situasi "bergantung kepada Tuhan" itu untuk kejayaan pementasan tersebut. Tanpa pertolongan langsung dari Tuhan, tak mungkin terjadi apa yang terjadi di pentas alam sawah padi di Parit Dua Barat itu.

Dan itu adalah pengalaman peribadi. Sebahagiannya telah saya tulis dalam dua esei catatan yang saya maksudkan tadi, dengan judul masing-masing "Dengan teater ku dekati Tuhan" dan "Catatan teater dari Parit Dua Barat".

Ia hanya catatan pengalaman sendiri. Hanya saya yang mengalami demikian. Apakah orang lain, pelakon-pelakon atau tenaga produksi dan tenaga kreatif lain juga mengalami situasi yang sama seperti yang saya alami itu, saya tak tahu. Mungkin ada dan mungkin tidak. Saya tak pasti.

Dan seingat saya, saya pun tak pernah menceritakan hal kebergantungan kepada Tuhan ini kepada pelakon-pelakon dan kawan-kawan yang terlibat dalam produksi TdSP. Kalau secara yang tidak saya sedari, itu saya tak pastilah.

Kalau pun ada sedikit saya menyebutnya, hanyalah ketika taklimat sebelum pementasan pada dua malam berkenaan, khususnya ketika saya memimpin doa memohon bantuan Allah bagi menjayakan pementasan, termasuk memohon agar tidak diturunkan hujan (disamping menggunakan khid-mat konsultant hujan juga).

Maksudnya ia hanya pengalaman peribadi, bukan suatu pendekatan dalam mengerjakan teater, atau pendekatan



dalam mengarah teater. Dan saya pun tidak terfikir apakah hal ini boleh atau wajar diaplikasikan dalam praktis mengerjakan teater, sebagai satu pendekatan yang boleh diaplikasikan oleh para aktivis teater.

Seni adalah seni dan agama adalah agama. Ia adalah hal peribadi bagi insan yang kebetulan memilih untuk aktif atau terlibat dengannya. Namun bagi saya secara peribadi, seboleh-bolehnya tak mahulah saya dalam proses mengerjakan teater itu saya sampai melanggar adab dan hukum yang secara jelas telah ditetapkan oleh agama.

Dan Alhamdulillah saya bersyukur apabila pengalaman mengerjakan teater sejak "Menunggu Kata Dari Tuhan" (2009) telah sedikit demi sedikit membawa saya lebih menghampiri Tuhan.

Muzika UdaDanDara, kalau dilihat pada skripnya memang tidak menunjukkan tanda-tanda yang boleh membawa kita kepada menghampiri Tuhan, namun pendekatan TdSP yang saya laksanakan bersama dengan kawan-kawan Paksi dan Ziarah Karyawan (ZK), ternyata membawa saya ke arah itu - lebih menghampiri Tuhan.

Kalau itu sudah menjadi pegangan saya, atau pendekatan saya dalam mengarah teater, hingga ini saya masih menganggapnya sebagai hal peribadi. Saya tidak cuba berdakwah atau mempengaruhi orang lain supaya mengikut cara keagamaan saya. Saya hanya melakukannya untuk diri sendiri sahaja. Perkembangan selanjutnya selepas ini - saya tak tahu. ■

Agenda Melayu gagal tanpa sifat amanah

Oleh **ABU FIRDAUS**

APABILA bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib menyertai semula Umno baru-baru ini, beliau menyatakan sebab beliau berbuat demikian adalah kerana Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan juga bermakna Pakatan Harapan tidak memperjuangkan agenda Melayu.

Agenda Melayu boleh ditafsirkan dengan pelbagai sudut. Secara umum, apabila disebut sebagai agenda Melayu, maka ia dilihat sebagai perjuangan Umno dan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Dari awal lagi fahaman PKR tidak menonjolkan agenda Melayu walaupun teras keahlian parti itu adalah dari kalangan bekas ahli Umno.

Muhammad pun tentu tahu keadaan ini apabila beliau menyertai PKR. Tetapi beliau bukan menyertai PKR setelah keluar Umno. Beliau menyertai PKR setelah meninggalkan Pas.

Ketika Pas menghadapi perpecahan antara golongan konservatif

dan progresif, beliau kelihatan sering berada bersama golongan progresif yang akhirnya menubuhkan Parti Amanah Negara.

Tetapi Muhammad tidak menyertai AMANAH dan sebaliknya memasuki PKR. Bekas Menteri Besar itu tidak pernah menyatakan mengapa beliau menyertai PKR dan tidak masuk AMANAH. Namun AMANAH tidak menjadikannya masalah kerana PKR adalah parti sekutu dalam Pakatan Harapan.

Pas yang walaupun marah pada golongan progresif yang keluar parti dan menubuhkan AMANAH tidak menimbulkan soal Muhammad meninggalkan mereka dan menyertai PKR, walaupun PKR dalam Pakatan Harapan bersama AMANAH dan DAP, sedangkan Pas berada di luar.

Seorang lagi pemimpin Pas yang kelihatan bersama golongan progresif tetapi memilih untuk menyertai PKR dan bukan AMANAH ialah Datuk Kamaruddin Jaafar. Perkara ini juga tidak menjadi masalah bagi Pas dan AMANAH.

Tetapi ketika Muhammad meninggalkan Umno dan menyertai Pas

pada tahun 2013, beliau memberi sebab bahawa hanya Pas yang memperjuangkan Islam. Maksudnya beliau menggambarkan perubahan ideologi beliau. Ini kerana selama berada dalam Umno, beliau berpendapat bahawa parti itu turut memperjuangkan Islam seperti yang dirasakan oleh ahli-ahli Umno.

Tetapi pada tahun 2013, beliau sedar bahawa Umno sebenarnya tidak memperjuangkan Islam. Sebab itu beliau menyertai Pas.

Apabila Pas bertelingkah dengan DAP dan akhirnya meruntuhkan Pakatan Rakyat, golongan progresif Pas berasaskan perjuangan Pas tidak mengambil kira doktrin Islam sebagai Rahmat untuk Semua. Inilah yang mendorong usaha untuk menubuhkan Parti Progresif Islam yang kemudian digerakkan dalam bentuk parti AMANAH.

Tetapi Muhammad memilih PKR yang berasaskan fahaman demokratik Muslim. Fahaman demokratik Muslim berbeza dengan progresif Islam. Tetapi sebagai sekutu dalam Pakatan Harapan, perbezaan ini tidaklah hendak ditimbulkan.

Begitu juga mengenai agenda Melayu, kedua-dua PKR dan AMANAH tidaklah mahu menimbulkan sangat mengenainya. Tentunya kedua-duanya mempunyai tafsiran berbeza terhadap maksud agenda Melayu. Sebagai parti demokratik dan progresif, soal kaum tidaklah mahu ditekankan.

Bersama DAP, keutamaannya ialah urusan tadbir kerajaan yang baik. Ini kerana selama ini, pentadbiran yang dipimpin oleh Umno yang dibuat atas nama agenda Melayu telah menimbulkan korupsi, ketirisan dan kleptokrasi. Maka keutamaan politik sekarang ialah soal amanah.

Tetapi kalau Muhammad berasakan PKR dan AMANAH tidak cukup memenuhi cita rasa agenda Melayunya, maka beliau boleh memilih PPBM. Parti ini secara asasnya memperjuangkan agenda Melayu seperti mana Umno. Mereka meninggalkan Umno dan bersekutu dengan Pakatan Harapan kerana mementang kleptokrasi yang ada sekarang.

Bagaimanapun, Muhammad tidak memilih PPBM dan mening-

galkan Pakatan Harapan untuk bersama dengan Barisan Nasional. Maka akhirnya apa yang disebutnya sebagai perjuangan politik adalah retorik. Apa yang dilakukan bukan kerana fahaman politik seperti agenda Melayu tetapi sebenarnya adalah manuver politik yang tidak diketahui apa yang berlaku di sebaliknya.

Muhammad pada kedudukan puncaknya pernah menjadi Naib Presiden Umno paling kanan yang boleh dipilih menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri. Tetapi kelakuannya sebagai Menteri Besar, terutamanya dalam melibatkan soal wang kerajaan hanya memalukan agenda Melayu.

Beliau mengutarakan gagasan Melayu Baru, yang sebenarnya hanya menampilkan watak Melayu korup. Korupsi dan kleptokrasi memusnahkan agenda Melayu menjadikan perlunya perjuangan baharu berasaskan sifat amanah. Berat jugalah tanggungjawab perjuangan AMANAH. ■

Chezu Timbade, Myanmar!

TANGGAL 20 November 2015. Masanya tiba untuk saya akhirnya mengucapkan selamat tinggal kepada Yangon, atau lebih tepat lagi Myanmar. Sengaja saya mengambil penerbangan di sebelah petang supaya dapat menikmati pemandangan terakhir kota Yangon di bawah terik mentari. Di bawah terik mentari, pastilah lebih jelas kelihatan yang cantik dan yang hodoh di sebalik kota sesak itu.

Dalam perjalanan ke lapangan terbang, lama saya berfikir, cuba untuk menangkap kembali maksud-maksud di sebalik setiap pengalaman yang dikutip sepanjang perjalanan. Apa sebenarnya yang telah saya lalui? Apa yang telah saya pelajari? Apa gunanya semua yang saya tempuhi?

Awal saya tiba, awal saya memantau, saya sentiasa menjangkakan rejim junta akan kekal berkuasa. Pilihan raya akan diputar belit agar mereka menang besar. Saya menilai Myanmar sebagai sebuah negara yang sama takdirnya seperti Malaysia; bekas jajahan Inggeris yang rakyatnya kekal menjadi mangsa sistem serba pincang. Negara dunia ketiga yang tidak mampu buat keputusan sendiri.

Jangkaan saya akhirnya salah dan meleset. Rejim junta jatuh dengan teruk, sekurang-kurangnya di atas peta pihian raya. Ternyata perasaan saya masih terbawa-bawa dengan

apa yang berlaku di negara sendiri dua tahun sebelum ke Myanmar.

Saya cuba menyusun semula satu persatu maksud politik yang saya kutip. Myanmar ternyata memberi saya pengalaman untuk memahami pertembungan kelas. Kaum tertindas dan yang menindas itu jelas garisnya. Bukan hanya dari segi struktur sosial, sebaliknya juga institusi. Sayangnya, ini tidak pula sama sekali berjaya dipecahkan melalui perjuangan dan kemenangan NLD.

Belum ada revolusi yang memecahkan tembok kelas ini di Myanmar. Rakyatnya akan terus terbahagi kepada dua; orang awam yang miskin, dan elit tentera yang kaya raya. Yang bertukar tangan hanyalah kuasa eksekutif dan pejabat politik.

Legislatif yang membentuk dasar dan undang-undang negara masih dikuasai junta melalui kerusi-kerusi khas mereka. Maka selamanya; selagi sistem ini masih berdiri, Myanmar akan kekal sama.

Perkauman dan agama akan kekal jadi



senjata ampuh dalam mempertahankan kuasa, selalunya kuasa jahat. Myanmar telah melakukannya, dan telah pun gagal. Saat awal saya perhatikan permainan kaum dan agama mereka, saya tidak menjangkakan bahawa rakyatnya mampu untuk menolak.

Seperti yang pernah saya naratiskan, rakyat Myanmar adalah pengikut Buddha yang setia dan warak. Mereka jauh lebih beriman dengan agama mereka berbanding kita dengan agama kita. Namun, apabila agama dijadikan modal politik, mereka tidak terpancang. Mereka menolak habis-habisan.

Maksud-maksud politik yang saya kutip ini menyedarkan saya yang semakin banyak saya memerhatikan mereka, semakin ia mengingatkan saya kepada tanah air sendiri. Setiap episod politik yang sempat saya lalui di sana seolah-olah mengajuk setiap yang berlaku di tanah air kita. Tidak sukar memahami mereka, kerana mereka adalah cermin kepada kegagalan kita.

Lama saya berfikir. Maksud politik mungkin berguna buat panduan untuk saya menghadapi cabaran di negeri sendiri, namun ia tidak mungkin cukup untuk buat saya rasa hiba dan rindu. Akhirnya saya sedari, bukan ilmu atau pengalaman politik yang mengusik hati saya, tapi orang-orangnya.

Saya akan merindui kejujuran orang seperti Htay Hlaing. Saya akan merindui keramahan

orang seperti Ohn Mar. Saya akan merindui setiap orang-orang kecil dan besar yang saya temui di sepanjang jalan.

Mereka mungkin miskin, namun kemiskinan merekalah yang mengajar mereka erti bersyukur. Bersyukur bukan kerana ada yang lebih lapar dari mereka; bersyukur kerana mereka tidak tergolong dalam orang yang menindas bangsa sendiri.

Kemiskinan mereka tidak menjadikan mereka pencuri. Kemiskinan merekalah yang membentuk mereka menjadi manusia dan bangsa yang berbudi. Kemiskinan mereka adalah kekuatan mereka.

Belum habis mengelamun panjang, saya tiba ke lapangan terbang. Tidak membuang masa yang banyak, saya terus ke pintu pelepasan. Penerbangan saya untuk pulang sudah sedia. Saya akan terbang ke Bangkok terlebih dahulu sebelum pulang ke Pulau Pinang dengan kereta api. Saya memerlukan masa yang panjang untuk menghadam setiap yang saya lalui. Keretapi memberi saya cukup masa untuk tujuan demikian.

Melepasi pintu keselamatan, sempat saya toleh semula ke belakang, ke arah pintu yang sama pernah saya lalui ketika mula-mula tiba. Selamat tinggal terlalu mudah.

Hanya satu kata yang sesuai untuk setiap yang saya lalui: - chezu timbade, Myanmar! Terima kasih, Myanmar!

Hidup sederhana seorang presiden

Oleh **A SHUKUR HARUN**

SINGAPURA menempa sejarah gemilang dengan perisytiharan Hajah Halimah Yaacob sebagai Presiden kelapan di mana beliau sudahpun mengangkat sumpah di Istana Presiden baru-baru ini.

Hari kedua selepas mengangkat sumpah Presiden Hajah Halimah mulai memasuki Istana Presiden untuk membiasakan suasana di situ, melihat persekitaran dan pejabat kerjanya,

Kita tidak tahu bagaimana bisikan hatinya. Yang kita tahu beliau sentiasa mahukan hidup sederhana. Sebab itu dia masih mahu tinggal di flet empat biliknya di Ye Sun bersama suami dan anak-anaknya, walaupun sudah sedia Istana Presiden menantinya.

Bagaimanakah keadaannya selepas ini belum diketahui lagi, namun yang diketahui dia adalah insan yang mengutamakan hidup sederhana. Kehidupannya selama inipun tidak terpisah dengan rakyat.

Sentiasa ramah mesra dengan jiran dan saudara mara. Berduyun-duyun penghuni fletnya turun menyambutnya ketika beliau akan berangkat untuk menuju istana bagi mengangkat sumpah.

Sebagai ahli parlimen, beliau sentiasa dekat dan membela kepentingan golongan buruh dan rakyat umumnya. Beliau berhujah dengan penuh fakta, Presiden berjiwa sederhana ini berikrar untuk menjadi Presiden kepada semua bangsa dan berkhidmat kepada mereka.

Hajah Halimah menyelesaikan ijazah LLB (Bachelor Legum Of Law) di Universiti Nasional Singapura pada tahun 1978. Pada tahun 2001, beliau menyelesaikan Master of Law di universiti yang sama dan mendapat gelar Doktor Kehormatan dari universiti tersebut juga pada 7 Julai 2016.

Hajah Halimah memasuki dunia politik pada tahun 2001 saat dia terpilih sebagai anggota parlimen untuk Konstituensi Perwakilan Jurong Group (GRC).

"Saya berjanji untuk melakukan yang terbaik yang bisa saya lakukan untuk melayani masyarakat Singapura dan itu tidak akan berubah, Semangat dan komitmen saya untuk melayani rakyat Singapura tetap sama," tegasnya.

Halimah Yaacob menginginkan semua warga Singapura bekerjasama dengannya. "Salah satu fokus dan fungsi utama presiden terpilih adalah bertindak sebagai kekuatan penyatu rakyat."

Bulan lalu saya ke Singapura, untuk kesekian kalinya, untuk urusan saudara mara di sana. Ternyata yang sangat mengesankan ialah tahap kehidupan orang Melayu Singapura sudah semakin baik. Mereka menjadi Melayu berkualiti, justeru kerana mereka bekerja keras untuk survival hidup - tanpa bantuan sesiapa pun - dan berjaya.

Masjid penuh pada hari Jumaat, dengan kereta baru para jamaah yang diparking berlapis, menggambarkan peningkatan taraf hidup umat Islam di sana.



Mengangkat sumpah sebagai Presiden ke-8 Singapura.



Ketika menjadi Speaker Parlimen Singapura, Hjh Halimah Yaacob masih memasak di fletnya.

'Ini sebabnya saya bantah pesta arak'

SAYA bimbang melihat ada anggota parlimen bukan Melayu dan di Wilayah Persekutuan yang menyokong Better Beer Festival.

Saya fikir sebab utama bantahan mereka terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah kerana mereka merasakan sedang mempertahankan hak orang bukan Islam untuk meminum alkohol, dan kerana pihak yang membantah pesta itu menggunakan hujah-hujah agama.

Islam melarang umatnya meminum alkohol tetapi tidak mengganggu hak orang bukan Islam untuk meminumnya.

Asas bantahan saya terhadap Better Beer Festival adalah ia merupakan satu pesta untuk menggalakkan budaya meminum arak.

Ketika ia pertama kali dianjurkan, festival itu tidak begitu popular



PENDAPAT
DR SITI MARIAH MAHMUD

dan jumlah kehadiran tidaklah tinggi. Tetapi sejak ia dipolitikkan, ada segelintir yang mahu menghidirinya hanya kerana membantah apa yang mereka rasakan sebagai usaha orang Melayu-Islam untuk menyekat hak, serta memaksakan nilai kepada orang bukan Melayu.

Seperti rokok, minuman keras membahayakan kesihatan.

Para doktor tahu bahawa

ketagihan alkohol akan membawa kepada masalah sirosis hati dan sama bahaya dengan ketagihan dadah.

Masyarakat India di negara kita juga telah melihat kesan negatif ketagihan alkohol dan kesannya ke atas keluarga.

NGO mereka telah pun mendesak agar penjualan alkohol dikawal dengan lebih ketat, termasuklah minuman bir memandangkan hari ini lesen tidak diperlukan untuk menjualnya.

Anggota parlimen sekalian, adakah anda mahu lebih ramai warga bukan Melayu menjadi ketagih alkohol? Jangan beri alasan kandungan alkohol dalam bir adalah rendah dan tidak akan membawa kepada ketagihan. Anda salah sama sekali.

Jika setiap tahun diadakan pesta



Tindakan menganjurkan pesta seolah-olah mahu galakkan arak diminum.

arak ini, ia hanya menandakan semakin ramai rakyat yang meminumnya. Pasti industri arak akan meraikannya. Ia adalah tentang keuntungan.

Adakah anda akan gembira apabila semakin ramai yang mula

minum arak sebagai aktiviti sosial (social drinker), tetapi kemudian akan membawa kepada kemungkinan ketagihan?

Saya bimbang apabila semakin ramai rakyat kita yang menjadi ketagih, serta kesan kesihatan dan sosial yang berkaitan dengannya. Kalau boleh pada masa akan datang, saya mahu penjualan semua bahan berbahaya dikawal sama seperti rokok.

Ini tidak bermakna orang bukan Islam tidak lagi boleh mendapatkan minuman sosial mereka. Tetapi apabila kita melakukan promosi, itu bermakna kita menggalakkannya.

Sebagai anggota parlimen, adakah kita mahu mempromosikan minuman alkohol? Saya faham pesta ini tidak melibatkan orang Islam, tetapi orang bukan Islam juga rakyat kita.

Better Beer Festival: Mencari 'rahmatan lil 'alamin'

AIMAN melangkah masuk ke perkarangan dewan dengan hati yang berat. Sememangnya dia tidak rela untuk hadir malam ini namun atas dasar terpaksa dia harus juga menghadiri ceramah itu.

Semua warga universiti diwajibkan menghadiri ceramah malam ini yang disampaikan oleh salah seorang blogger mesra parti pemerintah. Tajuk ceramah pada malam itu juga memualkan perutnya.

"Tidak bersyukurkah kamu?" tajuk sependuk memaklumkan ceramah itu dipasang merata-rata di dalam kampus.

Aiman awal-awal lagi membantah paksaaan terhadap pelajar universiti tetapi dia telah diberi amaran oleh seorang pensyarah supaya hadir. Mereka yang engkar akan dikenakan tindakan disiplin termasuk dibuang daripada kolej kediaman. Aiman tahu jika dia dibuang daripada kolej, kos pengajiannya bertambah kerana terpaksa menyewa di luar. Ini pastinya membebaskan ibu bapanya di kampung apatah lagi pinjaman pelajaran yang diperolehinya hanya cukup-cukup untuk membayar yuran pengajian dan membeli buku.

Jadi, mahu atau tidak Aiman harus juga menghadiri ceramah itu dan menahan telinga mendengar 'leteran' penceramah undangan itu.

Aiman mengambil tempat duduk di dalam dewan. Jaraknya dengan pentas ceramah agak jauh kerana tujuannya



bukanlah untuk mendengar ceramah tersebut.

"Kau datang juga, Aiman?" soal Fikri yang duduk di sebelahnya.

"Kau ingat aku nak datang sangat ceramah ni?" Aiman membalas dengan riak muka bersahaja.

Fikri hanya tersenyum. Fikri juga senasib dengan Aiman. Dia tidak mahu hadir tetapi oleh kerana dipaksa pihak universiti, dia datang juga. Tumpuannya bukan untuk majlis itu kerana sibuk melayan telefon pintar.

Aiman terfikir sejenak. beginilah sebenarnya layanan pentadbir kepada pelajar universiti. Pelajar universiti sepatutnya diberi kebebasan untuk berpolitik tetapi malangnya dipaksa pula menyertai program anjuran parti pemerintah dan ditegah sama sekali menyertai program parti pembangkang.

Inilah senario politik hari ini, di mana parti pemerintah sangat terdesak kerana takut hilang kuasa pada pilihan raya umum akan datang.

Apa tidaknya. Aiman diberitahu kedua orang tuanya, kini ramai penduduk kampung hadir ke program-program anjuran parti pembangkang. Ada di kalangan

penduduk kampung yang dulunya menyokong parti pemerintah mengumumkan keluar parti dan menyertai parti pembangkang. Majlis anjuran parti pemerintah semakin suram. Senario ini berlaku di seluruh negara ekoran pelbagai isu yang melanda khususnya harga barang yang melambung ekoran cukai barang dan khidmat yang dikenakan pemerintah.

Di universiti termasuk tempat Aiman belajar, kempen-kempen untuk menarik golongan pelajar menyokong parti pemerintah kerap dibuat. Sebagai jalan terdesak, pelajar-pelajar dipaksa hadir dengan pelbagai pujukan dan ugutan. Hanya dengan cara itu majlis mereka akan meriah.

Hadirin di dalam dewan diarah berdiri untuk meraikan ketibaan penceramah. Penceramah dengan diiringi pegawai hal ehwal pelajar, Encik Mastro berjalan menuju ke pentas ceramah. Dia memulakan ceramah dengan mengajak hadirin melaungkan pelbagai slogan yang kebiasaannya dilayangkan di program anjuran parti pemerintah. "Hidup PMI!", "Negara Boleh!"

"Mahasiswa pada hari ini tidak boleh menjadi pengkhianat. Kamu patut bersyukur kepada kerajaan yang telah memberi kamu makan. Kalau kamu termakan dengan janji-janji manis pembangkang, tidak makanlah kamu jawabnya," celoteh penceramah.

"Ya Allah! Berikanlah aku kesabaran

yang tinggi," doa Aiman dalam hatinya.

Aiman ingin sekali untuk bangun dan bertanya soalan, namun hatinya berbelah bahagi. Majlis itu turut dihadiri pegawai hal ehwal pelajar yang diketuai amat cenderung kepada parti pemerintah. Ramai teman-temannya yang diambil tindakan oleh bahagian hal ehwal pelajar kerana didakwa menyebarkan dakwah pembangkang di universiti.

"Saya harap mahasiswa tidak bodoh untuk mempercayai dakwah parti pembangkang. Kita perlu bersyukur dengan segala pemberian kerajaan.

"Di negeri yang ditadbir parti pembangkang, orang bukan Islam dijemput untuk bersama hadir di majlis berbuka puasa di masjid dan surau. Ini mencemar kesucian Islam," sambung penceramah itu lagi.

Aiman tidak boleh bersabar lagi dengan kebiadapan penceramah itu. Jika dia tidak berani untuk berhujah, semestinya penceramah itu akan lebih melampau. Aiman terus bangun dengan yakin. Dia mengangkat tangan kanannya.

"Maaf tuan. Saya ingin bertanya dari mana tuan dapat hujah yang mengatakan orang bukan Islam tidak boleh berbuka puasa dengan orang Islam? Kalau ada hadis, mana dalilnya? Kalau ada dalam Al-Quran, nyatakan surahnya?"

Penceramah itu memandang tepat

ke arah Aiman. Ia gugup dan tercabar dengan kata-kata Aiman.

"Kamu hanya perlu dengar. Tidak perlu menyampuk. Jangan biadap," kata penceramah itu.

Kesabaran Aiman benar-benar teruji.

"Saya tidak menyokong mana-mana parti. Saya tidak biadap. Saya cuma ingin membetulkan fakta ucapan tuan. Kita sepatutnya bersyukur kepada Allah bukannya kepada kerajaan dan Allah yang bagi kami rezeki bukannya kerajaan!" Aiman dengan penuh semangat meneruskan hujahnya.

"Betul cakap Aiman itu!" Fikri menjerit menyokong.

Mahasiswa lain terus bangun dan bertepuk tangan tanda sokongan kepada Aiman. Majlis yang pada awalnya senyap sunyi akhirnya menjadi gegak gempita. Mereka bersorak dan mahu penceramah segera beredar.

Akibat keadaan yang tidak terkawal, penceramah dibawa keluar dewan oleh pegawai hal ehwal pelajar. Majlis berakhir awal daripada jadual.

Di dalam dewan, Aiman menerima ucapan tahniah daripada rakan-rakan yang hadir. Keberanian beliau mengagumkan mereka.

Aiman tahu akibat tindakannya itu. Bagaimanapun didih hatinya bersuara, "Jika takut dengan risiko, usah bercakap tentang perjuangan."

"Masa untuk berubah!" laungnya kepada Fikri dan rakan-rakan.

Sifar miskin di Johor meragukan

BATU PAHAT: AMANAH Negeri Johor mempertikai kenyataan Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) baru-baru ini bahawa Johor telah mencapai tahap 'sifar miskin'.

Pengerusi AMANAH Negeri Johor, Aminolhuda Hassan turut mempersoalkan kaedah yang digunakan Menteri Besar bagi mengukur tahap kemiskinan di negeri itu yang disifatkan jauh daripada realiti.

"Saya menafikan Johor ini sifar miskin kerana kita boleh lihat sendiri masih wujud penerima-penerima zakat di

bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor yang sememangnya kurang berkemampuan atau miskin.

"Saya boleh menyenaraikan penerima-penerima zakat di Johor yang berjumlah lebih seribu orang bagi setiap daerah. Bagaimana Menteri Besar boleh menafikan hal ini.

"Apa yang dimaksudkan Menteri Besar dalam sidang Dun adalah berkenaan golongan miskin tegar melalui sistem yang diwujudkan kerajaan negeri iaitu E-Kasih," jelas Aminolhuda yang juga Adun Parit Yaani.

Aminolhuda menambah, adalah sesuatu

yang pelik sekiranya melalui sistem E-Kasih penerima bantuan terkeluar daripada tahap kemiskinan tegar kerana sistem yang diperkenalkan itu hanya membantu menyalurkan air percuma dan beberapa sumbangan tertentu.

"Tak mungkin dengan wujudnya E-Kasih ini membuatkan penerima yang tergolong dalam miskin tegar itu terlepas dalam permasalahan mereka dan ini adalah suatu yang tidak munasabah.

"Malah bantuan E-Kasih itu juga membuktikan masih ada rakyat miskin di negeri ini yang memerlukan bantuan," ujarnya. Sehubungan itu, beliau menyifatkan

kenyataan Khaled itu hanyalah gimik politik untuk mengaburi mata rakyat sedangkan kerajaan negeri lebih banyak berlepas tangan dalam isu kemiskinan rakyat.

Aminolhuda memberi contoh isu Rumah Mampu Milik Rakyat Johor (RMMJ) yang diberikan kepada mereka yang tidak layak melalui Kuota Menegakkan Kerajaan (KMK).

AMANAH dan PH Johor telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana yakin skim RMMJ hanya diberikan kepada penyokong BN melalui KMK.

Taburan hujan sebulan dalam sehari punca banjir

SEBERANG JAYA: Banjir yang melanda Pulau Pinang baru-baru ini dipercayai berpunca daripada hujan lebat melampau dengan purata taburannya sebanyak 270 milimeter bersamaan dengan jumlah air hujan dalam sebulan.

Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata ekoran hujan lebat sejak malam Khamis, 14 September, kandungan air di empangan Ayer Itam meningkat sebanyak 20 peratus.

"Daripada 74 peratus, air dalam empangan jadi 94 peratus dan ini sangat mengejutkan kerana menunjukkan volum air yang sangat banyak," katanya kepada pemberita selepas hadir pada Majlis Sambutan Hari Malaysia di

SP Arena dekat sini, baru-baru ini.

Sehubungan itu, kerajaan negeri ujarnya berharap rancangan tebatan banjir bernilai RM150 juta oleh kerajaan Persekutuan akan siap segera bagi mengurangkan masalah banjir di negeri ini.

Pada 15 September, beberapa kawasan sekitar Bandaraya George Town dinaiki air antara 0.2 meter dan 0.3 meter ekoran hujan lebat sejak malam Khamis.

Dalam perkembangan berkaitan, Taufan Doksuri diyakini menjadi punca banjir kilat di beberapa kawasan di Bandaraya George Town pada 15 September ekoran taburan hujan luar biasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa berkata banjir kilat bukan berpunca daripada limpahan air Empangan Air Itam.

Beliau berkata taufan itu mengakibatkan kapasiti taburan hujan pada hari tersebut sebanyak 270 milimeter (mm) iaitu bacaan luar biasa yang direkodkan di Pulau Pinang, selain turut meningkatkan paras empangan itu sebanyak 25 peratus.

"Kebiasaannya Pulau Pinang menerima taburan hujan antara 3 mm dan 52 mm. Tetapi pada 15 September lepas, taburan hujan yang diterima ialah sebanyak 270 mm, maknanya luar daripada jangkauan biasa.

"Hujan luar biasa ini bukan disebabkan oleh hujan antara monsun. Ia adalah tempas daripada Taufan Doksuri yang turut melanda Vietnam selaju 165 kilometer sejam.

"Taburan hujan sebanyak 270 mm ini adalah lebih kurang hujan yang turun dalam tempoh sebulan, tapi ia turun dalam satu malam sahaja. Akibat taufan ini Pulau Pinang mendapat hujan sebanyak 270 mm dan telah mengisi Empangan Air Itam sehingga penuh," kata Jaseni kepada pemberita ketika melawat Empangan Air Itam, baru-baru ini.

Turut melawat Ketua Menteri Lim Guan Eng dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan Negeri Lim Hock Seng serta barisan kepimpinan kerajaan negeri.

OKU gembira kerusi roda berfungsi semula



Ustaz Hasanuddin menyerahkan kerusi roda automatik yang telah diperbaiki kepada Muniandy.

HULU LANGAT: Seorang Orang Kelainan Upaya (OKU) terharu apabila kerusi roda automatiknya dapat berfungsi semula selepas dibaiki dengan segala kosnya ditanggung Parti Amanah Negara Hulu Langat.

Perasaan itu dinyatakan Muniandy ketika menerima kunjungan Naib Presiden AMANAH Hasanuddin Mohd Yunus yang juga Penyelaras Pusat Peduli Rakyat Parlimen Hulu Langat, 14 September lalu.

Turut serta dalam kunjungan itu Ketua Pemuda AMANAH Sany Hamzan yang juga Penyelaras Pusat Peduli Rakyat Dun Dusun Tua.

Muniandy yang tinggal di Taman Wangsa Cheras adalah seorang OKU aktif namun tidak dapat bergerak bebas seperti biasa

selepas kerusi rodanya mengalami kerosakan mekanikal di bahagian motor.

Mengetahui kesukaran yang dihadapi Muniandy, Pusat Peduli Rakyat Parlimen Hulu Langat menyatakan kesediaan menanggung kos baik pulih kerusi roda itu bagi memudahkan urusan pergerakan beliau.

"Dengan kemampuan yang tidak seberapa, kami meminta beliau membaiki apa yang rosak, dan Parti Amanah Negara Hulu Langat akan memastikan kosnya diuruskan," kata Hasanuddin.

Ketika kunjungan itu, Muniandy sempat menunjukkan aksi lincahnya berpindah dari kerusi roda biasa ke kerusi roda automatik yang baru dibaiki itu dan mempamerkan kecekapannya mengendalikan kerusi roda itu.

PH mampu tawan lebih 10 kerusi Parlimen di Kedah

ALOR SETAR: Pakatan Harapan (PH) mampu untuk menambah tujuh lagi kerusi Parlimen di Kedah disamping lima kerusi sedia ada yang dimenangi dalam pilihan raya umum (PRU) lalu.

Keyakinan ini berdasarkan kepada sokongan dan senario politik terkini setelah Pas memperlihatkan sokongan mereka kepada Umno dan BN.

Selain itu, hilangnya keyakinan rakyat terhadap kepimpinan Umno dan BN dalam pelbagai isu nasional membabitkan Datuk Seri Najib Razak termasuk skandal 1MDB turut menyumbang kepada peralihan sokongan rakyat.

Demikian dinyatakan Timbalan Ketua Badan Pimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Kedah, Mejar (B) Anuar Abdul Hamid ketika mengulas mengenai peluang Pas dan BN di Kedah.

Menurut beliau lagi, kerusi Parlimen Padang Serai, Alor Setar, Sungai Petani, Kuala Kedah yang dimenangi Keadilan akan kekal mendapat sokongan rakyat Kedah dalam PRU akan datang.

Manakala kerusi Parlimen Pokok Sena yang diwakili Datuk Mahfuz Omar, ujar beliau besar kemungkinan akan menjadi milik PH.

"Dalam PRU akan datang, sokongan Umno di Kedah akan berpecah apabila PPBM akan menjadi pilihan mereka yang tidak lagi menyokong Umno dan BN.

"Sebahagian penyokong Pas yang menyokong PH akan memberi sokongan kepada calon AMANAH.

"Sementara itu Keadilan dan DAP akan tetap mendapat sokongan seperti mana yang pernah mereka perolehi dalam PRU lalu," jelas beliau.

Anuar juga yakin antara kerusi BN yang mampu dimenangi PH adalah kerusi Parlimen Sik yang diabaikan wakil BN.

Malah katanya, kos sara hidup yang amat menekan serta kegagalan kerajaan negeri mengatasi masalah kemiskinan yang amat meruncing di kawasan parlimen itu membuktikan kegagalan mereka sebagai kerajaan.

"Kerusi Parlimen Langkawi yang begitu sinonim dengan Tun Mahathir dan kawasan Parlimen Jerlun yang telah sebatikan dengan keakraban Datuk Seri Mukhriz sejak menjadi Menteri Besar juga mampu ditawan PH," katanya.

Beliau juga optimis kawasan Parlimen Kubang Pasu berpotensi besar dimenangi PH dalam PRU akan datang.

Tambah Anuar, kerusi Parlimen Merbok yang pernah dimenangi Keadilan dalam PRU 2008 tidak mustahil mampu dirampas kembali begitu juga Parlimen Jerai dan Padang Terap.

"Daripada senarai 36 kerusi Dun yang ada, PH mampu menambah lagi 15 kerusi selain kerusi sedia ada seperti Lunas, Bakar Arang, Bukit Selambau, Sidam untuk menjadikan Umno dan BN sebagai pembangkang seperti mana yang berlaku dalam PRU 2008," ujarnya.

Negeri Kedah mempunyai 15 kerusi Parlimen dan 36 kerusi Dun.

Banjir kilat dorong AMANAH salur bantuan

TASEK GELUGOR: Hujan lebat yang September lalu mengakibatkan beberapa kawasan di Pulau Pinang dilanda banjir kilat.

Taburan hujan luar biasa yang berlaku disebabkan tempas Taufan Doksuri itu menyebabkan Pulau Pinang dan beberapa kawasan di selatan Kedah mengalami banjir.

Prihatin dengan kepayahan yang ditanggung penduduk, AMANAH Pulau Pinang diketuai Pengerusinya Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa bergegas ke kawasan dilanda banjir bagi menyalurkan bantuan.

Program "Jelajah AMANAH demi Negara" itu dimulai dengan melawat mangsa banjir di Kampung Cegar, Seberang Tok Doi serta di penempatan banjir di Lahar Yoi dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Permatang Berangan dan Sungai Dua.

Dr Mujahid dan aktivis AMANAH melawat beberapa rumah yang dinaiki air bagi mengedarkan barangan makanan dan keperluan harian.

Rumah-rumah penduduk masih lagi digenangi air setinggi satu meter dan sebahagian mereka enggan berpindah.

Dengan dibantu Pegawai Penyelaras Kadun (PPK) Sungai Dua dan anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), bantuan disalurkan kepada penduduk terlibat banjir.

Di sebelah petang, mereka meneruskan program di Dun Bayan Lepas dengan dibantu Ketua Kawasan AMANAH Balik Pulau Jamaluddin Said.

Dr Mujahid yang juga Naib Presiden AMANAH berterima kasih kepada pasukan PPK yang bertungkus lumus membawa makanan dan persediaan lain kepada mangsa.

Beliau turut melawat pusat perpindahan di Lubok Meriam yang masih menampung lima keluarga.

Dr Mujahid turut diberi taklimat oleh pegawai kesihatan dan kebajikan yang bertugas mengendalikan pusat perpindahan itu dan beramah mesra dengan keluarga terlibat.



Bahagian bawah rumah seorang penduduk yang digenangi air.



Mendengar permasalahan penduduk kampung yang dilanda banjir.



Menyampaikan bantuan kepada penduduk.



Meredah air banjir selepas menziarahi penghuni sebuah rumah.



Melawat pusat penempatan banjir di Lubok Meriam.



Bertanya khabar seorang warga emas.



Berbual santai dengan seorang penduduk yang rumahnya turut dilanda banjir kilat.

Pulau Pinang usaha martabat wanita

GEORGE TOWN: Usaha yang dilakukan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bagi meningkatkan keupayaan golongan hawa wajar dicontohi.

Ketua Angkatan Wanita AMANAH (Awan) Kelantan, Normala Mohd Nadzar berkata program yang dilaksanakan badan itu amat berkesan dan boleh disesuaikan dengan pelbagai situasi.

"Saya berkesempatan menyertai satu lawatan bersama sebuah NGO ke sana baru-baru ini mendapati banyak perkara yang boleh dipelajari dan boleh dipraktikkan bagi meningkatkan tahap sosioekonomi wanita," katanya dalam satu temubual dengan Malaysia Dateline.

Menurutnya, PWDC adalah sebuah agensi kerajaan negeri Pulau Pinang di bawah kelolaan Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti yang dipengerusikan Chong Eng.

"Amat menarik melihat visi perbadanan ini yang memberi fokus kepada penyer-taan dan kebertanggungjawaban gender

(GRPB).

"Ia melibatkan program pemberdayaan dan kepimpinan wanita (WEL) dan program sokongan pemerkasaan wanita (WES)," katanya.

Usaha ini katanya, adalah untuk mengarusperdanakan gender dalam dasar dan program semua sektor untuk mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial di Pulau Pinang.

"Ia juga berusaha menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri mesra gender dengan pemberdayakan wanita di tempat kerja.

"Mengadvokasi untuk perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan mudah dan mampu.

"Memenuhi keperluan berbeza untuk kelompok masyarakat yang berlainan dan menggalakkan prinsip dan amalan kesaksamaan gender dalam keluarga," katanya.

Semua ini katanya, dalam usaha memperkasakan wanita dalam politik dan kepimpinan.

"Bermula dari akar umbi, satu ketetapan



Sebahagian anggota NGO Wanita Kelantan yang melawat Pulau Pinang baru-baru ini.

dibuat untuk mewajibkan perlantikan wanita dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

"Bermula dari sekurang-kurangnya seorang dalam setiap JKKK, disasarkan satu pertiga wanita menjelang 2020.

"Namun apa yang berlaku adalah per-

kembangan luar jangkaan apabila ada JKKK di negeri itu sekarang mempunyai separuh anggota wanita," katanya.

Malah katanya, terdapat tinjauan yang menunjukkan semakin ramai wanita menganggotai JKKK semakin efisien JKKK berkenaan.

AWAN Kelantan ucap tahniah presiden baru KAFA

KOTA BHARU: Angkatan Wanita Amanah (Awan) Kelantan merakamkan ucapan tahniah kepada Bibi Ramjani Ilias Khan yang telah dipilih sebagai presiden Persatuan Bola Sepak Amatir Kelantan (KAFA), 17 September lalu.

Ketua Awan Kelantan, Normala Mohd Nadzar berkata pelantikan ini menunjukkan penerimaan terhadap kepimpinan wanita walaupun dalam bidang bola sepak yang jelas didominasi kaum lelaki.

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau di atas pelantikan tersebut.

"Saya difahamkan bahawa inilah kali pertama seorang wanita dilantik menjawat kedudukan yang penting dalam organisasi bola sepak di negeri ini," katanya.

Normala berkeyakinan penuh Bibi Ramjani dapat memikul tanggung jawab itu dengan cemerlang.

"Insya Allah kepimpinan beliau akan dapat membantu pasukan Kelantan mencapai kejayaan yang pernah diraih sebelum ini," katanya.

Bibi Ramjani dipilih sebagai presiden KAFA dalam satu kongres yang diadakan di Kota Bharu.

Beliau mendapat 32 undi mendahului pesaingnya Datuk Muhammad Nasir Hamzah yang mendapat 16 undi.

Kongres tersebut berlangsung pada pukul 3 petang dan berakhir kira-kira 9.15 malam.

Bagi jawatan timbalan presiden Datuk Seri Afandi Hamzah berjaya mempertahankan jawatan selepas mengumpul 39 undi, sekali gus

menewaskan pencabarnya iaitu Datuk Rosmadi Ismail yang sebelum ini menjawat naib presiden yang mendapat 27 undi.

Bagi jawatan naib presiden pula, Datuk Aizuddin Nik Abdul menang dengan mendapat 39 undi, mengalahkan Nik Pakheruddin Nik Abdul Kadir (27 undi) dan Datuk Nik Izani Nik Ibrahim (21 undi), manakala dua calon lain iaitu Azman Ibrahim dan Datuk Mohd Rosdi Ab Aziz menarik diri di saat-saat akhir sebelum pengundian bermula.

Selain itu, 10 muka baharu turut dipilih sebagai Exco Eksekutif KAFA iaitu Datuk Mohd Rowi Dollah (51 undi), Wan Rakemi Wan Zahari (42 undi), Nubli Ab Latiff (40 undi), Datuk Shaari Mat



Bibi Ramjani

Husin (37 undi), Zulkifli Omar (37 undi), Akmal Ahmad Tabarani (33 undi), Mohammad Ausri Husin (29 undi), Azrul Mohd



Normala Mohd Nadzar

Zawawi (28 undi), Mohamed Fareez Nor Amran (26 undi) dan Datuk Azam Ismail (24 undi).

AMANAH Pengkalan Chepa ziarah segera mangsa kebakaran

KOTA BHARU: Kebakaran yang memusnahkan dua rumah di Kampung Bunga Mas, Penambang, dekat sini menarik perhatian kerana dikatakan berpunca dari api misteri.

Timbalan Ketua AMANAH Kawasan Pengkalan Chepa, Mejar (B) Mohamad Ibrahim memberitahu mendapat maklumat sekitar jam 10.30 pagi dari seorang saudara yang tinggal berhampiran.

"Saya terus memaklumkan kepada rakan-rakan dan pimpinan AMANAH melalui aplikasi Whatsapp.

"Saya bergegas ke tempat kejadian dan mendapati rombongan Setiausaha AMANAH negeri Haji Rushdan Mustapha telah berada di situ," katanya.

Dua rumah musnah sepenuhnya dalam kebakaran itu manakala sebuah lagi hangus sebahagian dan dapat diselamatkan pasukan bomba.



Aktivis AMANAH bertemu mangsa kebakaran yang memusnahkan dua rumah di Kampung Bunga Mas, Penambang.

Penghuni rumah yang mula-mula dijilat api, Zainab Sulaiman berkata tiada orang di rumahnya ketika kejadian.

Manakala penghuni rumah kedua yang ditemui, Kassim Abdul Rahman mengakui berada dalam rumah dan menyedari kebakaran dari rumah sebelah mulai merebak.

"Saya dengan segera mencari

barang-barang penting untuk diselamatkan tetapi jiran-jiran menjerit supaya segera keluar kerana bimbang api cepat merebak.

"Sebuah motosikal gagal diselamatkan dan tidak ada barang-barang yang sempat saya keluar dari rumah.

"Pendeknya semua kami dua buah rumah ini tinggal sehelai sepinggang," katanya.



Rumah yang hanya tinggal sisa akibat kebakaran.

Pemimpin AMANAH Pengkalan Chepa yang kelihatan tiba di tempat kejadian ialah Ketuanya Ustaz Rahimi dan Naib Ketua kawasan Nik Kamarulzaman Abdullah.

Turut bergegas ke tempat kejadian Setiausaha AMANAH negeri diiringi beberapa kakitangan Pejabat AMANAH Kelantan.

Ketua Balai Bomba Kota Bharu, Zaini Bidin berkata pihaknya mendapat panggilan dari orang ramai.

"Ketika sampai kediaman sudahpun terbakar hampir 90 peratus, bagaimanapun kita berjaya menyelamatkan empat rumah berdekatan.

"Setakat ini punca dan kerugian masih dalam siasatan dan diserahkan kepada forensik bomba untuk tindakan lanjut," katanya.

Keselamatan institusi pendidikan juga maqasid tertinggi syariah

MEWAKILI AWAN Nasional, saya merakamkan ucapan takziah buat seluruh ahli keluarga mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Dato' Keramat.

AWAN Nasional juga berdoa semoga semua ibu bapa dan ahli keluarga mangsa diberikan ketabahan dan kecekalan hati dalam menghadapi ujian ini.

Saya meneliti laporan akhbar dan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Secara rumusan awal, saya melihat persoalan keselamatan masih pada tahap yang belum meyakinkan.

Pada hemat saya, selain silibus pendidikan, soal keselamatan juga perlu diambil kira bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera secara berterusan untuk para pelajar dan pendidik ini yang merupakan aset penting kepada masa depan negara dan agama.

Risiko keselamatan yang saya ingin bangkitkan juga bukanlah semata-mata mengenai soal tragedi kebakaran yang baru melanda ini sahaja, sebaliknya terdapat beberapa risiko lain yang memerlukan perhatian dan pencegahan oleh sekolah dan pihak berkuasa.

Keselamatan di sekolah turut meliputi semua kawasan termasuklah kelas, kantin, padang, asrama, makmal, tandas dan seluruh persekitaran sekolah.

Saya dimaklumkan kejadian kebakaran dan kecederaan seringkali berlaku sejak kebangkitan ini yang melibatkan pelajar di sekolah dan institusi pengajian.

Justeru, saya memandang serius aspek keselamatan dan kesejahteraan pelajar selaras dengan objektif pemeliharaan nyawa dan keselamatan diri yang menjadi elemen utama dalam maqasid syariah.

Maka dengan ini, setiap sekolah disyorkan agar mewujudkan latihan asas berkenaan aspek keselamatan dan kesihatan untuk memberi panduan kepada para pelajar dan guru.

Pelajar dan guru harus dimaklumkan berkenaan garis panduan keselamatan dan mengetahui asas keselamatan di semua tempat ini. Antara asas penting yang perlu diketahui ialah:

Hazard dan potensi bahaya di kawasan sekolah (**bold**)

Pihak guru dan pelajar perlu dimaklumkan berkenaan hazard dan bahaya yang terdapat di kawasan berkenaan termasuklah risiko yang timbul disebabkan apa-apa aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan di kawasan sekolah. Melalui ilmu asas pengenalan hazard dan risiko yang ada, mereka akan lebih berwaspada dan berjaga-jaga dari segi tindakan dan kawalan.

Keselamatan asas kebakaran (**bold**)

Peralatan pencegahan kebakaran yang

disediakan di kawasan sekolah perlulah diterangkan fungsi dan kegunaannya. Ianya termasuk alat amaran kebakaran dan alat pemadaman yang ada di kawasan sekolah. Para guru dan pelajar perlu dilatih untuk mengendalikan alatan tersebut dan memahami fungsinya ketika kecemasan.

Pelan Tindakan Kecemasan (**bold**)
Pelan tindakan kecemasan asas perlu disediakan sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini. Contohnya sekiranya berlaku kebakaran, banjir, runtuhan, histeria, keracunan dan apa-apa mala petaka lagi, para guru dan pelajar akan tahu apa tindakan yang perlu di ambil dengan serta merta.

Tempat berkumpul, laluan keluar, tangga kecemasan dan apa-apa laluan hendaklah dilakar dan disediakan kawalan yang cukup bagi menghadapi situasi kecemasan.

Laporan kemalangan (**bold**)

Sistem pelaporan kemalangan dan kejadian bahawa perlu disediakan oleh pihak sekolah untuk para pelajar dan guru agar langkah kawalan dapat diambil seterusnya. Sekiranya potensi bahaya dan kemalangan berlaku, ianya perlu direkodkan, dicatat, dilaporkan dan diambil tindakan susulan serta merta agar ianya tidak berlaku lagi dimasa hadapan.

Nombor-nombor kecemasan perlulah dimaklumkan dan dipaparkan untuk maklumat para guru dan pelajar sekiranya berlaku



PENDAPAT
FAREEDAH SAMAD

kemalangan.

Dalam masa yang sama, saya turut menyeru semua pihak sama ada NGO dan pengamal keselamatan dan kesihatan di seluruh negara untuk turun menjalankan tanggungjawab korporat sosial (CSR) dengan memberikan khidmat nasihat bagi membantu sekolah-sekolah rendah, menengah dan mana-mana institusi pendidikan dalam meningkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan di sektor pendidikan.

Para pelajar dan guru perlu diberikan pendedahan sewajarnya tentang aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan di sekolah. Ianya akan dapat dilaksanakan dengan usahasama semua pihak termasuk sektor pendidikan, kerajaan, swasta dan orang ramai.

■ **Fareedah Samad ialah Pengerusi Biro Pendidikan Awan Nasional.**

AMANAHA Kelantan terima kunjungan diplomat Kanada

KOTA BHARU: AMANAHA Kelantan terus mendapat perhatian diplomat asing apabila dikunjungi Setiausaha Kedua (Politik) Suruhanjaya Tinggi Kanada di Kuala Lumpur, Eleanor Belshaw-Hauff.

Menurut Pengerusi AMANAHA Kelantan, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah pertemuan itu jelas meletakkan AMANAHA setanding parti-parti lain yang beroperasi di negara ini.

"Walaupun pertemuan itu hanya kunjungan tidak rasmi tetapi perkara-perkara yang beliau timbulkan jelas menunjukkan keyakinan kepada AMANAHA.

"Penekanan yang diberi adalah supaya kita menjelaskan perbezaan dengan Pas tetapi perkara yang lebih penting adalah kemungkinan AMANAHA mampu bersama kumpulan yang mentadbir negara pada masa hadapan," katanya.

Bagaimanapun menurut Wan Rahim,

Kanada yang kini menjadi negara Komanwel contoh, wajar menjadi pedoman kepada pentadbiran negara ini.

"Persekitaran politik, pentadbiran dan perniagaan yang begitu saksama dan dikagumi masyarakat antarabangsa.

"Dengan pentadbiran Perdana Menteri ini, Justin Trudeau, semua rakyatnya memperoleh hak sama rata.

"Masyarakat Islam di Kanada langsung tidak didiskriminasikan malah mereka dianggap warga terhormat kerana kebanyakannya berjaya dalam bidang masing-masing," katanya.

Menurut Wan Rahim, Eleanor memberitahu Perdana Menteri Kanada amat menghormati Malaysia kerana mendiang ayahnya Pierre Trudeau mempunyai hubungan rapat dengan negara ini.

"Pierre Trudeau yang juga pernah memegang jawatan Perdana Menteri Kanada be-



Meraikan kehadiran Eleanor Belshaw-Hauff di sebuah restoran di Kota Bharu.

berapa kali melawat negara ini dan mempunyai hubungan istimewa dengan Almarhum Tun Razak," katanya.

Apa yang menarik, katanya adalah sistem

pilihan raya di negara itu yang begitu telus dan memberi kepuasan kepada pengundi dan mendapat pujian dari pemerhati antarabangsa.

Awan Ampang ziarah mangsa kebakaran

AMPANG: Angkatan Wanita AMANAHA (Awan) Kawasan Ampang telah menziarahi sebuah keluarga dari Lembah Jaya Selatan yang berhadapan musibah kebakaran, baru-baru ini.

Tragedi yang berpunca dari masalah litar pintas itu telah memusnahkan sebuah rumah, dua kereta dan dua motosikal.

Ketika ini, mangsa ditempatkan sementara di Dewan Lembah Jaya Selatan sebelum mendapat kediaman lain.

Dalam ziarah itu, Ketua Biro Kebajikan Kemanusiaan dan Bencana Alam (BKKBA), Norlia Yusof menyerahkan sumbangan derma kepada keluarga mangsa, Sarima.

Turut hadir Ketua Biro Integrasi Awan Ampang Rahidah Ali, Setiausaha Awan Ampang Noorazian Anidin dan ahli jawatankuasa Faridah Ali.

Dalam pada itu, Norlia berkata, pihaknya akan terus memantau keperluan keluarga ini.

"Syukur kerana keluarga yang jadi mangsa ini tidak menghadapi sebarang kecederaan fizikal yang serius.

"Kami akan susuli lagi keluarga ini bagi membantu meringankan bebanan mereka," katanya.

Awan Ampang turut mengambil kesempatan meninjau lokasi kebakaran sejourus selepas menziarah keluarga tersebut.



Norlia menyerahkan sumbangan kepada Sarima.

Sempena dua tahun AMANAH

MASA berlalu dengan cepat sekali. Dinamika politik Malaysia sentiasa melaju berubah setiap minit, setiap hari. Rasanya baru kelmarin kita berkumpul saling bercambah minda menyusun masa depan politik negara, rasanya baru kelmarin kita bermuzakarah dan bermusyawarah. Rasanya baru kelmarin kita melahirkan sebuah wadah politik Islam rahmatan lil alamin, rasanya baru kelmarin kita lancarkan Parti Amanah Negara di Shah Alam, Selangor.

Walhal, ia sudah dua tahun lamanya dan kini kita melangkah ke tahun ketiga. Para pendiri parti telah merumuskan tujuan kebangkitan kita dengan sebuah piagam:

Demi untuk melaksanakan tuntutan Islam sebagai Ad-Deen yang lengkap dan syumul,

Yang diturunkan Allah untuk sekalian umat manusia,

Dan menjadi rahmat kepada seluruh alam,

Demi untuk melaksanakan amanah dan tanggung jawab insani,

Yang ditaklifkan Allah sebagai amanah Ubudiyah (Pengabdian) dan Kekhalifahan (Kepimpinan) ke arah mewujudkan kemakmuran di muka bumi,

Dalam sebuah masyarakat yang terlaksana di dalamnya sistem hidup Islam yang menjamin keadilan dan kesejahteraan,

Dan melindungi hak-hak asasi manusia sepenuhnya dalam semua aspek kehidupan dalam kerangka mencapai objektif Maqasid Syariah.

Sepatutnya kita menyambut ulang tahun kedua Parti Amanah Negara pada 16 September yang lalu di Alor Setar, Kedah sempena Konvensyen Nasional 2017. Namun konvensyen ditangguhkan untuk menghormati kemangkatan Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku

Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah. Lalu sambutan hari bangkit AMANAH tidak disambut secara rasmi pada tarikhnya oleh parti. Namun saya percaya para pimpinan, aktivis, ahli dan penyokong Parti Amanah Negara di seluruh negara mengingati dan merayakan tarikh hari bangkit parti secara sendiri-sendiri.

Kita tidak dapat melupakan tarikh keramat ini kerana ia amat bererti dan bermakna kepada kita semua. Dengan kebangkitan baru ini para Islamis yang menggabungkan diri di dalam parti ini melepaskan diri dari kerangka politik lama yang diasaskan oleh parti politik yang lahir di negara ini pada tahun 40-an dan 50-an. Kita sedang melangkah ke era politik baru yang membebaskan diri dari politik indoktrinasi, tidak terikat dengan kesetiaan dan wala' yang diukur dari ketaatan bulat kepada pemimpin tanpa syarat. Kita membebaskan diri dari politik yang mengongkong dan membataskan daya fikir para penggiatnya.

Ijtihad pendekatan baru

Melepaskan diri dari 'teo-demokrasi' atau 'theistic demokrasi' kepada demokrasi kewarganegaraan 'maqassidik'.

Cabaran besar yang kita hadapi adalah berijtihad mencari pendekatan-pendekatan baru yang 'maqassidik'. Politik menyantuni dan melestarikan rakyat berbilang kaum dan kepercayaan dengan dasar kebersamaan senasib keberuntungan.

Kita melepaskan diri dari faham perkauman sempit yang tidak sesuai dengan kerahmatan Islam itu dan memperjuangkan hidup bersama dalam rasa kemanusiaan dan kepedulian. Menolak politik fitnah,

dendam, adu domba, politik tidak beretika, politik kumpulan, politik cantas-mencantas dengan mengizinkan helah muslihat curang.

Politik baru dan seluruh ciri bawaannya akan merealisasikan kepemimpinan sebagai takliq (tanggung jawab) bukan tashriq (keistimewaan) melaksanakan taarif pemimpin seperti mana yang diungkapkan oleh tokoh besar Nusantara Haji Agus Salim (dilahirkan dengan nama Mashudul Haq yang bererti 'Pembela Kebenaran') iaitu memimpin itu menderita. Inilah idealisme yang dibawa oleh Parti Amanah Negara menolak sebarang bentuk fasisme termasuk fasisme agama, justeru tiada yang mutlak selain Allah dan Rasul. Pemimpin sehebat manapun tidak maksum dan para pengikut berhak menyanggah sekiranya ada ijtihad baru dan pendekatan baru ditemui.

Menolak gagasan takfiri

Politik Islam yang dibawa oleh Parti Amanah Negara menolak semua bentuk gagasan takfiri. Dasar memperkotak-katikan umat dan menumbuhkan rasa kebencian kerana perbezaan kefahaman adalah punca perpecahan umat. Menjadi tanggungjawab Parti Amanah Negara menggagaskan formula politik baru dalam sebuah masyarakat yang sangat rencam dan kompleks seperti Malaysia. Saranan Dr. Siddiq Fadzil, dalam 'Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian Dalam Bingkai Kesatuan' sewajarnya diberikan perhatian oleh kita semua.

"Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, kehadiran warga bukan Muslim harus diakui sebagai realiti yang diambil kira dalam penggagasan dalam formula



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

politik. Umat Islam yang semakin terdedah kepada wacana-wacana politik Islam kontemporari, semakin bersikap terbuka dan bersedia untuk menjalin kerjasama politik dengan warga bukan muslim. Ternyata antara impak terbesar fenomena kebangkitan Islam adalah kefahaman yang lebih mendalam terhadap Islam, termasuk dasar-dasar politiknya. Sikap menjauhi golongan bukan muslim semata-mata kerana ketidak-Islaman mereka telah berubah setelah memahami hakikat konsep ukhuwah (persaudaraan) yang luas meliputi persaudaraan seagama, persaudaraan sebangsa, persaudaraan setanah air dan persaudaraan kemanusiaan."

Tanggungjawab gerakan politik Islam mua'sirah (kontemporari) seperti Parti Amanah Negara dalam mencari titik-titik pembaharuan bagi menggarap sebuah kebangkitan Islam pembawa rahmat di alaf baru adalah suatu yang tidak dapat diambil mudah dan diremehkan. Di tahun ketiga kebangkitan parti ini menuntut gembengan tenaga dan minda dari seluruh unsur yang ada agar tercernalah cahaya baru di persada politik negara.

■ Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.

Mengangkat perjuangan 'Bangsa Malaysia'

SAYA merujuk tulisan Tuan Mohd Hazizi Ab Rahman, Ahli Jawatankuasa Pusat per-tubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) yang mendakwa seruan Datuk Dr Siddiq Fadzil untuk merapatkan jurang perbezaan antara Muslim dan bukan Muslim supaya sebuah 'Bangsa Malaysia' yang bersatu padu dapat direalisasikan sebagai "dangkal dan berkepentingan politik kepuakan".

Malah, beliau mengatakan seruan agar orang Islam mempelopori usaha untuk membina 'Bangsa Malaysia' yang terdiri daripada pelbagai kaum sebagai satu seruan yang janggal.

Pertama saya tidak memahami mengapa setelah sekian lama kita membawa seruan ke arah satu wawasan Bangsa Malaysia, tiba-tiba wujud pihak yang apologetik dengan usaha-usaha ke arah pembentukannya hanya atas sandaran umum (yang disebut beliau) bahawa Al-Quran telah menetapkan perbezaan antara Muslim dan bukan Muslim.

Beliau sebenarnya culas dengan panduan yang Allah SWT tetapkan dalam Al-Quran bahawa perbezaan kelompok dalam masyarakat yang diciptakan di kalangan manusia adalah untuk kita saling kenal-mengenal (Surah Al-Hujurat: 13) dan tujuan ini hanya akan dikecapi jika kita mencari titik persamaan antara kelompok-kelompok yang berbeza, dan tentunya akan gagal jika kita hanya berterusan melihat kebuntuan perbezaan semata-mata.

Maka, adakah seruan Allah SWT ini yang mahukan usaha ke arah merapatkan hubungan masyarakat dan mencari titik persamaan juga dikategorikan sebagai dangkal dan berkepentingan politik kepuakan?

Kecuaian beliau dalam merungkai persoalan ini seolah-olah sengaja ingin menggeruhkan perpaduan rakyat Malaysia dengan justifikasi tempang seolah-olah Islam adalah agama yang sengaja mahu menajamkan perbezaan dalam masyarakat.

Kenyataan ini amat membimbangkan kerana ia seolah-olah mewakili satu kelompok yang lebih suka melihat per-seteruan berbanding penyelesaian.

Kelompok ini yang ghairah dalam melancarkan slogan Islam sebagai penyelesaian kepada semua masalah masyarakat, tetapi kelompok ini juga yang enggan mencari formula yang dinukilkan agama untuk menyatupadukan kerencaman bangsa dan kepelbagaian agama di Malaysia. Malah, kelompok ini juga yang telah dengan sengaja mencurahkan minyak untuk memarakan lagi api perpecahan masyarakat atas nama agama.

Kedua, merujuk kepada saranan bahawa perpaduan Melayu perlu diutamakan terlebih dahulu, beliau telah mendefinisikan perpecahan Melayu hanya dari sisi politik apabila memberi contoh kewujudan lima parti politik Melayu.

Ini adalah menifestasi keketekan pemikiran apabila beliau telah menyem-

pitkan perpaduan hanya dalam kerangka politik iaitu seolah-olah perpaduan Melayu itu sempurna apabila orang Melayu hanya bernaung di bawah parti politik tunggal walau serosak mana parti tersebut.

Adakah beliau tahu perpecahan manamana bangsa dalam kerangka politik adalah bersebab dan antara faktor utamanya adalah kerana dorongan fitrah manusiawi itu sendiri yang cintakan keadilan dan kebenaran serta bencikan kezaliman dan penyalahgunaan kuasa?

Maka, apakah tindakan beliau bersama kelompok ini untuk meraikan fitrah manusiawi yang murni ini agar perpaduan bangsa Melayu dapat dicapai? Maka, persoalan yang lebih tepat - Di manakah suara mereka dalam menentang kemungkaran-kemungkaran pemimpin seperti barah rasuah, kleptokrasi dan penyalahgunaan kuasa yang secara terang-terangan berlaku?

Perlu dijelaskan teguran kepada beliau dan kelompok ini adalah sebagai seorang saudara yang menjadi kewajiban membantu saudara seakidah lain yang sedang menzalimi dirinya dengan kejahilannya.

Rasulullah s.a.w. pernah mengungkapkan: "Bantulah saudaramu yang menzalim dan dizalimi". Para sahabat kehairanan, lalu bertanya: "Memang kita perlu membantu saudara kita yang dizalimi, tetapi bagaimana pula kita membantu mereka apabila mereka melakukan kezaliman?" Maka jawab Rasulullah s.a.w.: "Engkau



PENDAPAT
MUHAMMAD FAISAL ABDUL AZIZ

mencegahnya daripada melakukan kezaliman, itulah caranya membantu saudaramu yang zalim." (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Justeru, sekali lagi ditegaskan sesungguhnya yang janggal adalah orang seperti beliau dan kelompok berfikiran sempit yang sanggup memejamkan mata melihat kebatilan dan kemaksiatan berleluasa di tangan pemimpin yang menzalimi dirinya dan menzalimi orang-orang yang dipimpninya walaupun seorang Muslim, dan bukan seruan kepada perpaduan dan mengangkat konsep muwatinun dalam negara berbilang bangsa.

Maka, berhentilah bersikap terburu-buru kerana itu petanda rendahnya hemah seseorang. Sebaliknya, kelompok ini harus meluaskan bahan bacaan untuk mencerahkan pemikiran serta perlu lebih banyak berinteraksi dengan masyarakat luar dan tidak hanya mendekam dalam kepompong sendiri yang membawa kepada kesempitan pemikiran.

■ Muhammad Faisal Abdul Aziz ialah Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Najib should sue Newsweek and CNN for slander

By **TONY PUA**

INTERNATIONALLY renowned journal Newsweek published an article by former World Bank president Paul Wolfowitz with the headline "Trump meeting with Malaysian crook Najib reeks of the swamp" on Sept 13, 2017.

At the same time, internationally renowned broadcaster, CNN reported the meeting between President Donald Trump and Prime Minister Najib Razak in its "Conflict of Interest Watch" story.

There is absolutely no question that the reputation of Najib has been torn to shreds by the international media. The prime minister's vain attempts at lifting his profile as an adored international leader invited to the White House by President Trump have not only failed to achieve his goals, but destroyed whatever semblance of credibility he might have had left.

Worse, he isn't the sole or biggest victim. The ultimate victim is Malaysia and its citizens as we have nowhere to hide our faces as we have been shamed almost beyond

redemption. We have lost our honour and pride when the leader of our country is described in this manner and when Malaysia earns the kleptocracy badge.

What 'face' do we have left when our prime minister goes to the United States to help make America great again by offering their economy our crown jewels worth some RM60 billion, but all we get from the US media is mud thrown at our faces?

I call upon the prime minister to put together the best team of international lawyers to sue Newsweek and CNN for defamation and publication of 'fake news' to redeem not only his reputation, but our honour and pride.

After all, Najib is well-known for going to the courts to protect his reputation. I have been at the receiving end of two such defamation suits – one in 2014 and one in 2017 with regards to 1MDB, both of which are still undergoing the legal process.

At the very least, the prime minister's lawyer, Hafarizam Harun should inform both Newsweek and CNN that Najib is open to an apology. He offered me the same option just two days ago, claiming that the prime

Newsweek

OPINION

TRUMP'S MEETING WITH MALAYSIAN CROOK NAJIB REEKS OF THE SWAMP

BY PAUL WOLFOWITZ ON 9/13/17 AT 10:44 AM



minister "is open-minded and would accept an 'I am sorry Mr Prime Minister'" in order for a legal settlement to be reached.

However, if Najib doesn't have the courage to salvage his reputation and credibility internationally by suing Newsweek and CNN, then he will not be able to convince the

world that he is not guilty. In which case, there will be absolutely no reason for me to offer Najib any apology for pretty much saying the same things.

■ **Tony Pua is MP for Petaling Jaya Utara and DAP National Publicity Secretary.**

How the Najib White House jokes could have been avoided

By **TK CHUA**

THERE are enough jokes, parodies and satires about Prime Minister Najib Razak's visit to the US.

In addition to those we joked about, I am sure the prime minister and US President Donald Trump discussed other "serious issues" which we ordinary citizens may not know of.

I think the problem boils down to discretion and advice the prime minister received from those accompanying him.

The jokes and parodies could have been avoided if the prime minister had chosen the right issues to emphasise during the brief "press opportunity" at the White House's cabinet room. He could have said things in more generic and 'national' terms, knowing that these are for public consumption.

Why give the US president and his cabinet

minute details such as that Malaysia would be buying 25 Boeing 737 jets and eight 787 Dreamliners with another 25 Boeing 737s more to come in the near future?

By doing so, did Najib announce MAS' business plan for the next five to 10 years to its competitors and the world? It sounds so desperate on our part when, in actual fact, Boeing and GE Aviation should be the ones running after us to get the deal.

A smart friend of mine told me this and I simply love it: "In business, if I want to buy one Toyota, I go to the showroom. If I want to buy 10, the agent will come running to my house! So, why the need to fly there and desperately beg to buy commercial planes from them?"

I think those overpaid and under-thinking advisers accompanying the prime minister are not doing their job. Even if they want to

make the US president happy and "Make America Great Again", they should find a more appropriate and subtle way. Washington is not interior Sarawak, if they know what I mean.

As for the potential investments by EPF and Khazanah Nasional in the US, again there was no necessity to go into the specifics. Subtlety is the key when handling market sensitive information, more so when Malaysia had just announced it was getting massive foreign loans to finance its own infrastructure projects.

Sure, EPF and Khazanah may need regional/international investment plans and portfolio diversifications, but there is no need to mention them specifically, nor the amounts involved. To do so only implies our subservient and 'unworthy' status.

The prime minister could have conveyed

many things couched in 'public interest' statements and generalities. He could have said the visit, at the invitation of the US president, was to explore mutually beneficial trade and investment opportunities and to seek better cooperation on security matters.

Surely there are reciprocities in trade, investment and security issues that our prime minister could have emphasised? I am sure highlighting them is good for public perception.

Right now, I think our prime minister and his delegation are at the receiving end simply because they handled the international audience the way they handle the rural people in Peninsular Malaysia and the interior of Sarawak and Sabah.

Years of unrestrained power has made them insular, condescending and smug.

■ **TK Chua is a FMT reader.**

No need for Prime Minister to threaten Chinese community

By **LIEW CHIN TONG**

HARI Malaysia 2017 celebration was marred by Prime Minister Najib Razak's speech which contained elements of threatening Chinese Malaysian voters in the lead up to the coming general election.

Najib was reported by the media as saying that, "The Chinese community would be targeted should Malaysia ever descend into chaos... If there is no peace in our country, what will happen? The Chinese will be the first to be targeted if there is no peace in this country."

He was said to have made those remarks at the MCA-organised "Malaysian Chinese Patriotic Rally" held at the Putra World Trade Centre.

If Najib cares to remember, Barisan Nasional lost the trust of ethnic Chinese and Indian voters after former Umno Youth Chief Hishammuddin Hussein wielded his keris at the Umno General Assembly for three consecutive years from 2005 to 2007. The waving of the keris was perceived as a not-very-subtle threat of violence against those who did not agree with Umno.

I am not surprised if it was the event organiser MCA who had advised Najib to make those remarks. At the moment MCA is obsessed with its "30% strategy" to win 30% of ethnic Chinese votes by threatening violence and advocating spoiled votes.

In the 2013 general election, the then Pakatan Rakyat received 85% of ethnic Chinese votes across the board in the

Peninsula. What MCA is hoping is that by exploiting some problems within Pakatan and the fear among some Chinese voters, it could double the seats it won by winning 30% Chinese support while keeping the same level of ethnic Malay votes.

However, it is quite foolish for the MCA to assume that Malay voters would continue to support Umno as it is now visible and clear that many Malays are prepared to jump from Najib's sinking ship.

It is also wishful thinking by Najib and MCA to assume that Malay voters would not feel angry at the waste and plundering of Malaysia's resources by Najib, his family and associates.

Malaysians must teach Najib and MCA a hard lesson so that they would learn to

respect voters and democracy regardless of ethnic background.

They must be reminded that no leader should ever threaten an entire community merely to gain votes. To single out the ethnic Chinese in such a way, Najib and MCA are only making more people angry with Barisan Nasional.

Najib's remarks would only anger most Malaysians as no one likes to be threatened with violence, veiled or otherwise.

This is yet another reason for us to reject Najib, MCA and Barisan Nasional in the coming general election.

■ **Liew Chin Tong is MP for Kluang and DAP Johor Chairman.**

PC Najib dan kisah 8 Adun Keadilan nak melompat

KASIHAN Perdana Menteri kita. Kembali daripada satu program 'fail' (gagal) kepada satu program yang 'super fail'! Adakah ini petanda bahawa Najib sedang hilang kawalan ke atas program-program yang direncanakannya dalam persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) ke-14? Dan sekiranya jawapannya adalah 'ya', sudah pasti Najib sedang ketakutan! Kegagalan pada saat-saat terakhir seperti ini hanya menjamin kekalahan BN semasa PRU kelak!

LAWATAN NAJIB KE AMERIKA

Program 'fail' yang pertama adalah lawatan Najib ke Amerika Syarikat. Mungkin dia tidak sedar ucapan sumpah setia dan sedia berkhidmat untuk Amerika Syarikat ditularkan sedemikian rupa. Kelihatan dan kedengaran secara jelas, Perdana Menteri Malaysia meletakkan segala kekayaan negaranya di kaki Presiden Amerika untuk digunakannya mengikut keperluan dan kepentingan Amerika Syarikat, maka terus terbayang mentaliti seorang anak jajahan yang membodek penjajahnya. Tidak saya terfikir satu aksi dan senario yang lebih menghina dari apa yang telah saya saksikan ketika itu.

Ada yang kata video 6 minit itu bukan keseluruhan pertemuan dan perbincangan Najib dengan Trump. Ya benar, tetapi yang selainnya kita tak nampak atau dengar. Yang 6 minit itu sudah cukup memperlihatkan



KHALID SAMAD

sikap cium tangan Najib terhadap Trump! Apa alasan untuk kita meyakini 30 minit yang seterusnya tidak juga sebegitu?

Namun Najib kembali dengan penuh 'bravado' atau kebanggaan diri. Najib kata KWSP sudah banyak melabur di Amerika, sejak 2005 dan kita untung bila kita labur di Amerika. Siap disebutnya keuntungan RM1 bilion atas sebab pembelian saham Ali Baba di Amerika. Dan RM1 bilion itu dilaburkan lagi di Amerika!

Kalau benar sudah banyak dilaburkan, maka kenapa nak tambah lagi? Tidakkah ianya 'prudent' atau bijak untuk tidak melaburkan terlalu banyak di satu tempat? Dan apa implikasinya melabur di luar negara sambil mengabaikan negara sendiri? Tidakkah kita sepatutnya mengekalkan atau menambah pelaburan di negara kita kerana kadar pengangguran bertambah, pekerjaan kurang? Apa maknanya mendapat keuntungan tetapi keuntungan itu juga terus dilaburkan di Amerika membantu ekonomi Amerika? Sedangkan di sini syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan kecil sedang gulung tikar!

Najib ingin memberikan gambaran 'kejayaan' dengan keuntungan

berbilion. Tetapi kalau sudah banyak untungnya maka kenapa semakin terbebani dan sempit kehidupan rakyat jelata di Malaysia? Apa maknanya keuntungan itu kalau tidak dimanfaatkan untuk rakyat? Atau adakah beliau terpaksa mengutamakan keuntungan kewangan melalui pelaburan di Amerika, dan meremehkan pelaburan di negara sendiri kerana inginkan wang untuk dibayar hutang-hutang 1MDB?

PC ANTIKLIMAKS NAJIB

Apabila mengetahui bagaimana rakyat kecewa dengan tindakannya semasa di Amerika, Najib pasti seronok bila dimaklumkan bahawa akan diadakan PC (press conference atau sidang akhbar) untuk mengumumkan kembalinya beberapa bekas pemimpin Umno ke pangkuan Umno. Mereka telah meninggalkan Umno beberapa tahun sebelum ini dalam era Najib. Diharapkan program PC ini boleh menutup kegagalan programnya di Amerika yang memperlihatkannya seolah-olah sebagai khadam Amerika!

Malangnya bagi Najib, PC itu pun tidak seperti yang diinginkannya! Perdana Menteri kita ini bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga!

Majlis PC itu terlewat beberapa puluh minit. Mungkin kerana mencari yang lain yang tidak tiba. Kononnya akan ada beberapa bekas pemimpin Umno tetapi akhirnya hanya seorang sahaja yang muncul! Maka keseluruhan pemimpin Umno

telah hadir untuk menyambut Tan Sri Muhammad Mohd Taib (TSMT). Hebatnya TSMT kita.

Saya kasihan TSMT. Saya tak tahu apa sebab sebenarnya dia melompat lagi. Asal dari Umno kepada Pas pada 2013. Selepas itu setelah dilihat Pas berubah, maka dari Pas ke Keadilan pada 2015. Selepas itu entah mengapa dari keadilan kembali ke Umno pada 2017. Walau apa pun sebabnya, saya yakin jiwa TSMT tidak akan tenteram bersama Umno. Kalau pada 2013 didapati tidak sesuai dengan jiwanya, Umno 2017 jauh lebih rakus dan akan memerajatkannya! Walaubagaimana pun, biarlah kita lihat apa yang akan berlaku selepas ini.

Yang saya nak tegur sedikit ialah berhubung khabar angin kononnya TSMT membawa 8 Adun Keadilan bersamanya. Dengan itu maka Umno bersama Pas, TSMT berserta 8 Adun Keadilan dan Tan Sri Khalid Ibrahim (TSKI) boleh membentuk kerajaan Selangor yang baharu. Kononnya itulah sebabnya seluruh kepimpinan Umno dipanggil untuk hadir. Bukan untuk sambut TSMT tetapi menyambut pembentukan kerajaan baharu di Selangor!

Saya pada awalnya terpegun juga apabila membaca teori ini. Memang wajarlah dipanggil semua pimpinan Umno kalau begitu, kata saya. Namun, adakah ianya benar?

Bagi saya, ianya khabar angin yang sengaja disebarkan untuk menjadikannya peluru untuk menembak pihak lawan khususnya Keadilan. Keadilan dianggap musuh

terhadap di Selangor, negeri yang diidam-idamkan. Mereka ingin mengubah program yang jelas 'fail' kepada sesuatu yang menguntungkan Umno dengan membuat cerita ini. Amat bijak dan licik mereka yang menghasilkan cerita dongeng yang disebarkan ini.

Melalui kisah ini akan tersemayam kesangsihan dan kecurigaan di kalangan parti komponen Pakatan Harapan (PH) terhadap Keadilan. Sedangkan 8 Adun itu adalah jauh 'terlalu ramai'! Kalau nak menipu pun, biarlah berpada-pada supaya orang boleh percaya. Kalau Pas melompat satu parti itu rakyat boleh percaya kerana hampir berlaku semasa krisis MB Selangor zaman TSKI dahulu. Tetapi 8 Adun Keadilan?

Sedangkan seorang pun tidak lompat pada zaman TSKI. Sedangkan semasa kes TSKI, boleh dikemukakan beberapa justifikasi untuk melompat. Dan sekarang apa justifikasinya? Tiada angin bertiuhan tiba-tiba pokok bergoyang? Ya, ada monyet. Monyet penyebar khabar angin.

Saya merumuskan bahawa Najib semakin terdesak sekarang. Dia sedang berusaha mencari formula penyelamat sambil semua yang diusahakannya tidak kesampaian. Mungkin ini 'petanda' bahawa Najib akan juga gagal dalam PRU akan datang? Sekiranya Najib seorang yang percaya kepada ilmu 'petanda', pasti dia kepanasan.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional.

Ayuh! Selamatkan 'Malaysia Merdeka'

MENYAMBUT Hari Malaysia mengingatkan kita kepada terbentuknya penggabungan Sabah dan Sarawak.

Ia meyakinkan lagi bahawa Sabah, Sarawak dan seluruh negeri di Semenanjung sebagai wilayah yang benar-benar merdeka.

Asal-usul istilah merdeka ditakrifkan daripada bahasa Sanskrit "Maharddhika" yang membawa makna:

- Kekayaan
- Keagungan/Kemuliaan
- Kekuasaan

Mereka yang merdeka adalah mereka yang bebas mengurus kekayaan seadilnya, mereka yang ada keagungan, kemuliaan dan harga



PENDAPAT
UST. HASANUDDIN MOHD YUNUS

diri sebagai rakyat Malaysia dan mereka berkongsi kuasa hasil sistem demokrasi yang bersih.

Kini segalanya dikuasai oleh individu tertentu sahaja?

Parti mereka yang dahulunya kelihatan hebat, kini musnah kerana salah guna kuasa yang melampau had telah terjadi.

Sehingga segalanya di tangannya

sahaja.

Malah ada parti lain yang sanggup bersekutu dengan individu seperti itu.

Hilanglah kemuliaan ilmu, tergadai prinsip perjuangan, ternafi erti syura dan perundingan serta amal jama'ie yang penuh berkat.

Tiada kebebasan pendapat dan suara. Semuanya ditagih dan berselindung di sebalik kepentingan ulama, Islam atau Melayu?

Ketegasan Khalifah Kedua Islam, Umar al-Khattab r.a mempertikaikan Amru ibnu As r.a yang membiarkan anakandanya memukul anak seorang Qibti (satu bangsa keturunan Kristian) yang cuba memotongnya dalam satu perlawanan, sangat membawa

makna besar.

Ketua yang mentadbir Mesir dianggap menafikan kemerdekaan rakyatnya bila berlaku salah guna kuasa.

Selepas Umar r.a mengambil tindakan dia menegur wakil tertingginya di Mesir itu dengan kata-kata:

"Sejak bila kalian menagih perhambaan dari manusia sedangkan mereka dilahirkan oleh ibu-ibu mereka dalam keadaan merdeka?"

Anaknya telah dilihat menggunakan kedudukan ayah yang punya kuasa tertinggi dalam kerajaan.

Pastikan tiada pemimpin, guru agama, lebai atau sesiapa sahaja

yang menggunakan kuasa, pangkat, gelaran untuk memperlakukan kita sebagai hamba mereka.

Kita hanya hamba kepada Tuhan Yang Maha Pencipta Alam.

Dan Tuhan itu telah memberikan kita kebebasan dan mengurniakan kepada kita erti keadilan.

Ayuh! Selamatkan 'Malaysia Merdeka' ini dari salah guna kuasa yang sedang berlaku, kekayaan yang dikuasai oleh pihak tertentu dan rakyat dihina bagaikan telah tiada keagungan diri dan kemuliaan lagi.

Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus ialah Naib Presiden AMANAH dan Penyelaras Pusat Peduli Rakyat Parlimen Hulu Langat.



Meraikan seramai 90 anak yatim di Parlimen Tanjung Malim di Pusat Pakaian Hari-Hari Batang Kali pada Jun lalu.

AMANAHAH Tanjung Malim jaga muafakat 'empat bersaudara'

Oleh **ARIF ATAN**

Terletak di selatan negeri Perak, AMANAHAH Tanjung Malim menolak sikap bersendirian yang dilihat tiada ruang dalam perkembangan masyarakat dan siasah mutakhir ini.

Kesedaran pentingnya bermuafakat dengan merayakan kekuatan dan kelebihan setiap rakan politik menjadi pegangan AMANAHAH Tanjung Malim dalam mengukuhkan Pakatan Harapan.



Aminuddin Zulkipli

Ketuanya, Aminuddin Zulkipli berkata hal tersebut telah diterjemahkan dalam pembentukan Sekretariat Pakatan Harapan Tanjung Malim pada Disember tahun lalu antara AMANAHAH, Bersatu, DAP dan PKR.

"Di Tanjung Malim ini, dalam persiapan pilihan raya kami ambil kira hubungan 'empat bersaudara'. Tidak ke mana kalau AMANAHAH memilih untuk mengamalkan politik bersendirian.

"Sebaliknya, kita nampak di Parlimen Tanjung Malim ini, AMANAHAH turut sama menyumbang membentuk kekuatan dalam Pakatan Harapan," katanya ketika dihubungi akhbar mingguan *Amanah* pada 19 September lalu.

Gandingan 'empat bersaudara' menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) penting bagi Parlimen Tanjung Malim yang mengandungi tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) iaitu Behrang, Slim dan Sungkai.

Komposisi pengundi secara umumnya menyaksikan Dun Slim memiliki lapan penempatan Felda dengan 22 Daerah Mengundi (DM) iaitu paling banyak berbanding Dun lain.

Behrang pula mempunyai 11 DM dengan lebih banyak kampung tradisi selain dua kawasan Felda. Secara keseluruhan, bagi kawasan luar bandar seperti Parlimen Tanjung Malim, pemilih wanita menjadi segmen pengundi penting untuk dimenangi hatinya.

Menurutnya, walaupun belum ada kajian



komprehensif berhubung sentimen pengundi di peringkat akar umbi tetapi beliau percaya pemilihan calon bertanding yang terdiri daripada anak tempatan penting bagi menyumbang jumlah kerusi kepada Pakatan Harapan terutama di peringkat Dun.

"*InsyaAllah*. Kekuatan calon tempatan itu ada pada kita. Dulu masa PRU13, sebahagian mereka yang menolak Umno belum bersedia untuk memberi undi kepada pembangkang ketika itu.

"Kami berpendapat setakat ini, kalau kita mampu mengurus peralihan undi itu, Pakatan (Harapan) ada tempat paling tidak sebanyak tiga kerusi (Parlimen dan Dun) di Tanjung Malim," jelas Ahli Jawatankuasa AMANAHAH Perak itu.

Sehubungan itu, ujanya, AMANAHAH Tanjung Malim bersedia menyumbang kepada kemenangan Pakatan Harapan Perak dan hal yang sama juga tentunya dibuat oleh PKR dan Bersatu memandangkan DAP dijangka tidak bermasalah untuk mengekalkan kerusi yang disandang.

"AMANAHAH Tanjung Malim khususnya bekerja kuat untuk turut sama menyumbang kepada jumlah kerusi Pakatan Harapan Perak pada PRU14 ini. Kita bersedia bertanding sama ada di Behrang atau Slim.

"Hanya kalau kita bertanding di Slim, kita kena lipatgandakan kerja. Kami dalam AMANAHAH akan berusaha kuat kalau diarahkan bertanding.

"Apa yang penting, bagi membentuk kerajaan negeri, tugas kita dalam pilihan raya akan datang adalah untuk menang di 13 atau 14 kerusi yang diurus oleh PKR, AMANAHAH dan Bersatu. DAP dengan 17 atau 18 kerusi tiada masalah untuk menang," jelasnya.



Barisan Sekretariat Pakatan Harapan Parlimen Tanjung Malim sepakat menentang rejim Umno-BN.



Ketua Pemuda AMANAHAH Tanjung Malim, Khairol Najib Hashim menziarahi bazar Ramadan di Pekan Tanjung Malim pada Ramadan lalu.

Tidak mendabik dada sebaliknya dianggap sebagai cabaran untuk tidak putus dipraktikkan, imej AMANAH sebagai parti Islam dengan penekanan kepada *Rahmatan Lil-Alamin* menyaksikan kepercayaan daripada parti komponen Pakatan Harapan.

"Dari segi integriti dan keadilan sosial seolah-olah empat sekawan ini melihat kewujudan AMANAH sebagai boleh dipercayai. Di sinilah kekuatan dan relevannya AMANAH.

"Dengan adanya AMANAH, Pakatan Harapan menjadi blok yang lebih dipercayai untuk menentang Umno-BN. Pengundi akan membandingkan AMANAH dengan Pas dan jangkaan kita tinggi undi lebih banyak pergi kepada AMANAH. Itu dalam konteks Tanjung Malim.

"Umumnya, persepsi masyarakat dan komponen Pakatan Harapan sendiri terhadap AMANAH positif dari segi integriti ini. Dalam Sekretariat Pakatan Harapan, walaupun PKR adalah Pengerusi tetapi AMANAH melalui Khairul Najib Hashim yang juga Pengarah Komunikasi Pemuda AMANAH Nasional dilantik sebagai setiausaha," ujarnya.

Berbanding kawasan lain yang ligat dengan program berskala besar terutama kerapnya menganjurkan siri ceramah, Aminuddin menyifatkan AMANAH Tanjung Malim pula mengambil pendekatan sebaliknya.

"Kami kurang mengadakan program khas. Lebih menekankan pengukuhan dan pemerolehan sokongan di peringkat akar umbi. Kalau diambil kira, Umno yang dulu buat ceramah besar pun dia bukan harap undi dari tempat itu.

"Ikutkan pengalaman yang lepas-lepas kita sudah lihat kehadiran orang ramai mendengar ceramah tidak semestinya diterjemah ke kertas undi.

"Oleh sebab itu, AMANAH Tanjung Malim lebih kepada program kepartian dan pada masa kalau ada masyarakat setempat kemalangan, perlukan bantuan, bencana dan sebagainya,

kami turun.

"Kita tidak mahu menang dari segi populariti ceramah. Kita mahu menang pada undi. Itu sebab kita kukuhkan parti dan pada masa sama menjalinkan hubungan baik dengan Bersatu, DAP dan PKR," katanya.

PENGUNDI TEGAR

Atas semangat 'empat sekawan' di Tanjung Malim juga, ujar Aminuddin, kewujudan Bersatu dilihat menyumbang kepada usaha kukuhkan Pakatan Harapan dengan pengaruh Tun Mahathir terhadap sebahagian besar pengundi tegar Umno selama ini.

Hal ini disebabkan Pas sebagai parti saingan kepada Umno sejak sekian lama gagal menembusi kubu parti tulang belakang BN itu di Tanjung Malim.

"Bersatu paling tidak dapat menyelesaikan separuh daripada masalah itu. Kalau kita ambil kira Bersatu kelebihannya boleh merungkai sentimen pengundi Melayu terutama di kampung-kampung tradisi.

"Bersatu ini sebahagian besarnya dulunya adalah petugas dan pengundi Umno yang menolak Umno tetapi belum lagi bersedia mengundi parti pembangkang. Sekarang bila ada Tun Mahathir, mereka termasuk di kawasan Felda sudah yakin ada alternatif untuk menolak Umno," ujarnya.

Pengerusi KANUN Perak berkenaan berkata, peralihan sebahagian pengundi Umno kepada Pakatan Harapan disebabkan pengaruh Tun Mahathir itu mampu menzahirkan matlamat untuk menjatuhkan Umno-BN pada PRU14.

"Orang Felda dan di kampung tradisi yang tidak sudi mengundi pembangkang terdiri daripada Pas, PKR, DAP dulu, sekarang nampaknya tiada was-was lagi untuk menggantikan Umno apabila adanya Tun Mahathir dalam Bersatu.

"Faktor Bersatu ini *InsyAllah* mampu men-

zahirkan undi untuk berpindah kepada Pakatan Harapan. Walau bagaimanapun kemungkinan tersebut bergantung juga sejauhmana BN tabur ('dedak') di Behrang dan Slim terutamanya yang ramai pengundi wanita," katanya.

Mengulas impak pertembungan tiga penjurua apabila Pas turut sama bertanding, beliau berpendapat parti yang gah dengan Blok Ketiga itu tidak mustahil hilang wang pertaruhan.

"Hilang deposit lagi ada sebab kita lihat sekarang program-program Pas di Tanjung Malim boleh dikatakan program gagal. Dengar khabarnya juga, Pas akan meletakkan calon yang terpalit dengan rekod tidak baik.

"Sebenarnya, bagi saya semakin mantap kerjasama AMANAH dengan Bersatu khususnya, semakin jauh Pas ditinggalkan dari arus politik perubahan rakyat pada masa ini.

"Apa lagi apabila Pakatan Harapan sudah menolak hubungan dengan Pas, baru penyokong Pas di Tanjung Malim ini terasa mereka sudah tidak lagi relevan.

"Sebabnya, mereka ingat sebelum ini PKR hendak bersama mereka. Pas ingat dia 'king maker' tapi bila PKR tidak pedulikan dia, baru dia tahu langit tinggi rendah," ujarnya.

Aminuddin turut menyifatkan akan wujud pola mengundi kali ini yang bakal ketara berbeza dengan siri pilihan raya penggal lalu.

Jelasnya, bukan sedikit ahli Pas yang besar kemungkinan akan memberikan undi kepada AMANAH meskipun mereka tidak secara rasmi keluar dari parti itu.

"Daripada pemerhatian saya, akan ada orang yang kekal dalam Pas tapi undi tidak akan lagi kepada partinya. Itulah yang akan terjadi kepada kebanyakan orang Pas.

"Jadi, kita harap dapat ambil undi separuh daripada penyokongnya dahulu dicampur dengan menarik separuh daripada pengundi Umno yang memilih Bersatu. *InsyAllah*, Pakatan Harapan masih ada kelebihan lagi," ujarnya lagi.



Ahli AMANAH Pak Ya tetap sedia bersua muka menghulurkan salam kepada Yang Dipertua Pas Tanjung Malim, Ustaz Tarmizi di pasar pagi Slim River dalam program mengedar akhbar Amanah kepada pengundi.

JAWATANKUASA AMANAH

KAWASAN TANJUNG MALIM SESI 2016 - 2018

Ketua : AMINUDDIN ZULKIPLI	Ahli Jawatankuasa
Timbalan Ketua : MAT NAWAWI YUSOF	
Naib Ketua : BALASUBRAMANIAM A/L SENGODAN	
Naib Ketua : MOHD YUSOF NASIR	
Setiausaha : MOHD JUNIT ANUAR	
Penolong Setiausaha : HAFIZ KHAN MAT IDRIS	
Bendahari : HASSAN ARIFFIN	
Ketua Pemuda : KHAIROL NAJIB HASHIM	
Ketua Wanita : ASHWIDA ABDUL SAMAD	
Ketua Komunikasi : MOHD SHAFIE HAMID	
Ketua Pilihanraya : KHALILI KASIM	



Jejak pengundi Dun Behrang di lokaliti Kota Malim Prima pada bulan lalu.

PROMOSI OGOS & SEPT

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)



PP18978/03/2016(034450)

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24.9.2017	5:37	5:47	7:01	13:08	16:15	19:10	20:19
25.9.2017	5:37	5:47	7:01	13:08	16:15	19:10	20:19
26.9.2017	5:36	5:46	7:01	13:07	16:15	19:09	20:18
27.9.2017	5:36	5:46	7:00	13:07	16:15	19:09	20:18
28.9.2017	5:36	5:46	7:00	13:07	16:15	19:08	20:17
29.9.2017	5:36	5:46	7:00	13:06	16:16	19:08	20:17
30.9.2017	5:35	5:45	7:00	13:06	16:16	19:08	20:16

Amanah

BIL 69 | 24 - 30 SEPTEMBER 2017

BUNGA MAS NAJIB RUGIKAN NEGARA

PERDANA Menteri Najib Razak cuba berhujah bahawa lawatannya ke Rumah Putih, Amerika Syarikat adalah satu kejayaan dan ekonomi Malaysia berada dalam keadaan yang baik. Bagaimanapun, hujah beliau tidak dipersetujui oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Bagi mereka ufti atau bunga mas yang dikemukakan kepada Amerika itu merugikan negara.

Tulisan penuh ➔
muka 9

Kenapa saya bantah pesta arak

AHLI parlimen AMANAH, Dr Siti Mariah Mahmud mempunyai asas tersendiri ketika membantah "Better Beer Festival" atau "Pesta Beer yang lebih baik" iaitu ia pesta arak.

"Asas bantahan saya terhadap Better Beer Festival adalah ia merupakan satu pesta untuk menggalakkan budaya meminum arak," jelas Ketua Wanita AMANAH (Awan), Dr Siti Mariah Mahmud.

Mufti Perlis, Datuk Dr Asri Zainul Abidin berpendapat, walaupun meminum minuman beralkohol adalah hak orang bukan Islam tetapi penganjuran festival boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat.

"Arak itu buruk di sisi semua manusia yang waras. Ia telah menjadi masalah terhadap masyarakat termasuk negara maju sekalipun," katanya.



Dr Mariah menjelaskan, beliau tidak mahu arak dipromosikan bukan Islam minum arak.

Ufti Najib untuk Trump



Pembelian **RM44 bilion** Pesawat Boeing oleh MAS dan memujuk AirAsia membeli enjin General Electric (GE) untuk pesawat AirAsia

KWSP melabur **RM16 bilion** membiayai prasarana di AS

Tingkatkan pelaburan Khazanah di AS dari jumlah **RM1.6 bilion** yang sedia ada

Natural Safe Effective

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

DR. OLIVE BODY CARE

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare